



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

19 OKTOBER 2020 (ISNIN)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

19 OKTOBER 2020 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	5 - 6
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 45 – Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	7
Soalan No.46 – Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid)	9
Soalan No. 47 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandu)	10
Soalan No 48 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	11
Soalan No. 49 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah)	12
Soalan No. 51 – Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin)	13
Soalan No. 52 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee)	13
Soalan No. 53 – Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	14
Soalan No. 54 – Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	16
Soalan No. 55 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	16
Soalan No. 56 – Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	1
Soalan No. 57 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	20
Soalan No. 58 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail)	22
Soalan No. 59 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	23
Soalan No. 60 – Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	26

Kandungan	Muka Surat
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH YAB. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	27
SESI PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2021 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021	
YAB. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	28
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2021	44
RANG UNDANG-UNDANG PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020	
Pembentangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 oleh Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	50
Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) menyokong usul daripada Ahli Kawasan Penanti dan membahas usul.	55
Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	55
Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) menngambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	56
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) menngambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	57
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) menngambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	59
Ahli Kawasan Jawi (YB. H.ng Mooi Lye) menngambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	62
PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020	
Penggulungan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 oleh Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	64

Kandungan	Muka Surat
RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG BAGI ENAKMEN LEMBAGA MUZIUM NEGERI PULAU PINANG 1972	
Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) telah mencadangkan usul untuk meluluskan penubuhan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020.	70
Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee) menyokong usul daripada Ahli Kawasan Paya Terubong dan membahas usul.	71
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	71
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	73
Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	75
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang.	76
PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG BAGI ENAKMEN LEMBAGA MUZIUM NEGERI PULAU PINANG 1972	
Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) menggulung usul penubuhan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020.	79
PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	84
DEWAN DITANGGUHKAN	

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 19 Oktober 2020 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Sri Pinang,
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah
Pulau Pinang.

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggai
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
21.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
23.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
24.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
25.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
26.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
27.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
30.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
31.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
32.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
33.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
34.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
35.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
36.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
37.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
38.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
39.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
40.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang

TIDAK HADIR

Bil.	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

BIL.	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1	YB. Dato' Abdul Razak bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.
Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Bacaan Doa”.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Selamat pagi Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebelum kita mulakan dengan sesi soalan lisan, saya telahpun terima sepucuk surat daripada Yang Berhormat Pantai Jerejak yang memaklum kepada Dewan, ketidakhadiran beliau mulai 13 Oktober sehingga tamatnya sesi DUN kali ini atas sebab pemeriksaan kesihatan dan ujian saringan penyakitlah. So cuma untuk makluman Dewan lah. Habis saya nak sambung dengan soalan lisan. Yang Berhormat Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 45.

45. Isu pencemaran sungai akibat pembuangan najis babi.
- (a) Berapakah jumlah ladang babi yang terdapat di Pulau Pinang.
 - (b) Apakah cadangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah pencemaran sungai akibat najis babi dari ladang ternakan di Kampung Selamat?
 - (c) Bagaimanakah langkah untuk memastikan pencemaran bau dapat dihapuskan dari mengganggu ketenteraman penduduk sekitarnya?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dato' *Speaker* izinkan saya menjawab soalan 45. Sebagaimana makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak 166 ladang babi yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPV). Kerajaan Negeri sememang komited dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah pencemaran yang berpunca dari ladang ternakan babi termasuk ladang-ladang yang beroperasi di kawasan Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.

Beraraskan komitmen ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan Enakmen Perternakan Babi Negeri Pulau Pinang Tahun 2016 yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2020. Enakmen ini mewajibkan penternak untuk menaiktaraf ladang sedia ada sebelum 1 Januari 2022 kepada *Modern Pig Farming* yang mempunyai empat (4) kriteria seperti berikut:

- (i) Menaik taraf kepada sistem kandang tertutup
- (ii) Zon penampakan dengan jarak 200 meter
- (iii) Menggunakan pakai sistem kumbahan sifar, dan
- (iv) Amalan penternakan yang baik.

Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan di atas penternak-penternak yang gagal melaksanakan MPF bermula 1 Januari 2022. Sebagai makluman Yang Berhormat juga, Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Negeri Pulau Pinang) 2020 telah mula dikuatkuasakan pada 1 Mac 2020. Berdasarkan kepada Peraturan 37, penternak babi adalah diwajibkan memohon lesen daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dalam tempoh enam bulan dari tarikh kuatkuasa iaitu pada bulan September 2020.

Mengambil kira kekangan pelaksanaan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) kepada penternak-penternak babi hanya akan bermula pada tahun 2021 dan tindakan ke atas penternak babi di bawah Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Negeri Pulau Pinang) 2020 akan juga mula dilaksanakan pada 1 Januari 2021.

Selain itu, isu mengenai pencemaran ladang ternakan babi di Kampung Selamat telah juga dibincangkan di antara YAB. Ketua Menteri dengan Yang Berhormat Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air semasa satu sesi pertemuan pada 24 September 2020. Pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) secara dasar bersetuju untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengatasi isu-isu pencemaran ternakan babi yang berlaku di Kampung Selamat.

Justeru itu, melalui penguatkuasaan Enakmen Ternakan Babi 2016 akan kerjasama dengan pihak KASA, Negeri Pulau Pinang yakin bahawa isu-isu berkaitan dengan pencemaran air dan bau daripada ladang ternak babi akan dapat diselesaikan dengan sewajarnya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Cumanya sekali lagilah memandangkan banyak soalan lisan telahpun ada jawapan sewaktu sesi penggulungan, kalau boleh nanti kita lebih ringkaskan supaya soalan-soalan yang tidak kesempatan lihat dalam sesi penggulungan ataupun sesi perbahasan dapat masa yang lebih. Sila.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Puyu atas penjelasan kepada soalan 45. Soalan tambahan saya, sejak beberapa hari ini isu kumbahan najis babi dibincangkan secara terperinci dan sudah ada pelaksanaan untuk menangani masalah ini. Namun sementara menunggu penguatkuasaan Enakmen Penternakan Babi 2016 pada 1 Januari 2022, bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan tidak ada masalah bau yang diterima oleh penduduk Permatang Berangan walaupun puncanya bermula daripada kawasan Pinang Tunggal? Dan untuk tempoh dua (2) tahun ini, ringkas kata soalannya, bagaimanakah nak mengelakkan bau daripada terus dideritai oleh penduduk Permatang Berangan? Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Yang Berhormat. Perindustrian ternak babi di Kampung Selamat mula pada tahun 1945 di mana pada masa itu, kerajaan kehendak semua penternak-penternak di seluruh SPU dipinda ke Kampung Selamat. Mulai 1945, sudah 75 tahun. Saya bukan, saya bersetuju hendak dengan secepatnya. Akan tetapi memang pada dulunya, tidak ada perundangan dan lain-lain. Jabatan Alam Sekitar dan MBSP termasuk JPS akan ada satu mesyuarat minggu ini juga, di mana Kerajaan Pusat telah bagi turun kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menggunakan EQA 1974 untuk penguatkuasaan pencemaran sungai, air dan lain-lain. JPS juga ada satu jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan untuk melihat selesai dan ambil tindakan atau penguatkuasaan pencemaran sungai. Ini semua akan diambil. Saya merayu bahawanya, bahawanya iaitu kata, mereka dapat dua tahun, bagi depa dua tahun, kalau tak ada akan ambil tindakan kepada mereka. Dan sementara waktu Akta EQA akan digunakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya faham berkaitan dengan enakmen dan tempoh penguatkuasaan. Tetapi saya melihat dalam jawapan bertulis, terdapat 120 penternak setuju menerima tawaran pengecualian Pelan Merancang. Dan daripada 120 itu, 105 dah menghantar Pelan Merancang. Bolehkah 105 penternak ini dilaksanakan dahulu dari segi penternakan tertutup pada pandangan Sungai Puyu? Dan keduanya terdapat satu cadangan untuk menyelesaikan segera isu ini iaitu menutup Parit Cina yang mengalirkan air ke sungai dan dibiarkan kumbahan itu mengalir di sekeliling kawasan ternakan tersebut. Ada pandangan macam tu. Apa pandangan Sungai Puyu tentang cadangan ini? Ada dua (2) soalan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Sesiapa yang telah dapat kelulusan, mereka dihendaki dengan secepat mungkin iaitu kata mereka juga menghadapi kesulitan kewangan dan lain-lain mengikut alasan yang mereka bagi. Akan tetapi kami ada kata, apabila sampai 1 Januari 2022 kalau tak ada *close house, we close your house*. Itulah telah akan diambil. Untuk mengorek dan bagi dia sekeliling, ini tidak akan menyelesaikan masalah. Telah buat kajian, kerana bukan hanya kumbahan-kumbahan akan tetapi bau juga. Jika dia *stagnant* lagi bau. Di sini saya telah menghendak mereka, jikanya *biogas* di bawah itu telah disiap, ini akan diselesaikan dengan secepat mungkin kerana syarikat telah berjanji dan juga disyaratkan menggunakan *discharge system* bermaksud mereka akan hantar lori-lori kepada ladang-ladang untuk ambil *discharge* di sana terus ambil pi kilang untuk memproses. Itulah juga dalam *on the table*. Berharap bahawa dengan secepat mungkin, saya dapat kelulusan kerana MBSP juga bersetuju untuk mereka mula dengan secepat mungkin. Semua telah dilulus hanya tunggu EIA.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor soalan 46.

46. Apakah status terkini *Penang Arts District* (PAD) dan sekiranya kos pembinaan terlalu tinggi, adakah wajar untuk meneliti semula projek tersebut dari aspek pembinaan tapak lokasi atau menaik taraf salah sebuah bangunan milikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk tujuan PAD?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Seri Delima. Soalan saya, jawapan saya untuk soalan 46. Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk membangunkan projek *Penang Art District* (PAD) sebagai pemangkin dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Tapak projek ini terletak di antara Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Gat Lebu Macallum. Projek PAD di tapak tersebut hanya dapat dimulakan setelah pembinaan *pylon* bagi stesen LRT diselesaikan. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang meneliti semula rancangan pembangunan projek tersebut dalam aspek kos projek, kemampuan kewangan dan kesesuaian tapak termasuk peruntukan Persekutuan dan atau apa-apa *private initiative* yang boleh membantu dalam kos pembinaan PAD tersebut.

Seperti yang telah dibincangkan dalam MMK Kesenian, yang mana Yang Berhormat juga merupakan seorang ahli dalam MMK tersebut, Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan penggunaan bangunan milikan agensi-agensi kerajaan yang bersesuaian bagi tujuan PAD sementara menunggu perkembangan projek LRT tersebut. Dan untuk makluman, pejabat saya telah menulis surat kepada pihak PDC untuk membincangkan

menggunakan bangunan atau hartanah PDC yang *available* sebagai tapak sementara untuk PAD. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Yang saya seterusnya nak persilakan Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 47.

47. Nyatakan bilangan Sekolah Persendirian Antarabangsa (*International Schools* di Pulau Pinang, berbanding dengan keseluruhan negara.

(a) Bilangan pelajar dalam sekolah antarabangsa mengikut kewarganegaraan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada Bagan Dalam. Terdapat 12 sekolah antarabangsa di Negeri Pulau Pinang berbanding dengan 175 sekolah antarabangsa di seluruh Malaysia. Berdasarkan rekod Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, terdapat seramai 5,426 pelajar di sekolah antarabangsa di Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,963 pelajar merupakan warganegara Malaysia. Manakala 2,463 adalah bukan warganegara. Pelajar bukan warganegara yang paling ramai adalah dari 10 negara yang berikut yang membawa jumlah pelajar seramai 1,916 orang.

(a)	Negara China	-	397
(b)	Korea Selatan	-	255
(c)	Amerika Syarikat	-	255
(d)	Korea Utara	-	229
(e)	India	-	194
(f)	Jepun	-	191
(g)	United Kingdom	-	137
(h)	Thailand	-	93
(i)	Australia	-	88
(j)	Hong Kong	-	77

547 orang pelajar lain lagi adalah daripada negara lain seperti Singapura, Indonesia, Jerman, Kanada, Taiwan dan sebagainya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Perai. Soalan tambahan saya adalah apabila bercakap tentang pendidikan ada sesetengah pihak di Malaysia ini sering menasaskan sekolah vernakular di Malaysia seolah itu adalah satu halangan kepada perpaduan walau pun kita tahu kenyataan itu tidak benar. So, saya ingin mendapatkan kepastian adakah kokurikulum yang digunakan oleh sekolah antarabangsa ini dijadikan Bahasa Malaysia sebagai satu mata pelajaran wajib? Kerana kita nampak lebih

kurang 3,000 orang pelajar Malaysia belajar dalam sekolah. So adakah ianya boleh dikatakan sebagai mereka kurang patriotik? Mereka yang hantar anak-anak mereka ke sekolah antarabangsa. Dan apakah pandangan Yang Berhormat Perai di mana walau pun sekolah vernakular menetapkan Bahasa Malaysia sebagai mata pelajaran wajib walaupun sekolah-sekolah vernakular seperti Sekolah Chung Ling Butterworth kadar kelulusan SPM dalam Bahasa Malaysia itu 100% tetapi masih dikatakan halangan perpaduan, apakah pandangan Yang Berhormat Perai?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Bagan Dalam. Perkara ini saya juga pernah tulis dua tiga kali apabila masalah di negara ini perpaduan adalah masalah dari segi perkauman dan ekstremisme agama *sorry*, jadi itu punca masalah perpaduan. Sekolah-sekolah ini mencerminkan masalah yang terbesar iaitu perkauman dengan ekstremisme. Jadi apabila ada pihak daripada UMNO dan PAS sentuh sekolah vernakular, mereka mainkan politik. Kenapa mereka tidak sentuh sekolah antarabangsa. Mungkin anak mereka sekolah di sekolah antarabangsa, jadi ini adalah permainan politik sebab mereka tidak ada modal selain daripada perkauman dan ekstremisme agama, apa modal yang mereka ada, tidak ada apa-apa modal lagi.

So, jadi janganlah ini menjadi isu vernakular yang sudah wujud sebelum kemerdekaan bahawa merupakan salah satu komponen yang telah dipertahankan oleh Perlembagaan Malaysia. Mereka ada juga membawa kes ke mahkamah dan sebagainya, biarlah mereka ambil itu, tetapi saya rasa bahawa masalahnya bukan sekolah, bukan sekolah cina, bukan sekolah tamil, bukan sekolah nasional, bukan sekolah antarabangsa *international* tetapi politik perkauman dan ekstremisme agama, ekstremisme PAS *champion* satu, untuk racism UMNO *champion* nombor 1, dua-dua ini sudah bergabung sekarang hancurlah negara.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, saya hendak seterusnya Yang Berhormat Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 48.

48. Apakah tindakan yang akan dan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menegakkan Artikel 14A(1) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang terhadap empat ADUN yang telah berpaling tadah dari gabungan Pakatan Harapan (PH) setelah memenangi PRU-14 terakhir atas tiket PH?

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Bukit Tengah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memandangkan keempat-empat Ahli Dewan Undangan Negeri gagal mengosongkan kerusi walaupun mereka hendaklah berbuat demikian di bawah Perkara 14A(1) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri pada mulanya bertekad untuk membentangkan satu usul, untuk pengosongan kerusi-kerusi yang terbabit dalam Dewan Undangan Negeri pada Mesyuarat kali ini. Walau bagaimanapun, penambahan kes-kes COVID-19 yang mendadak di seluruh negara termasuk Negeri Pulau Pinang juga lanjutan daripada Pilihan Raya Negeri Sabah yang berlangsung baru-baru ini dikhuatiri akan berulang sekali lagi sekiranya Pilihan Raya Kecil diadakan di Pulau Pinang susulan daripada pengosongan kerusi-kerusi tersebut.

Berpandukan matlamat bahawa kesihatan dan keselamatan rakyat Pulau Pinang adalah jauh lebih penting dalam usaha Kerajaan Negeri untuk membendung wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk tidak meneruskan dengan pembentangan usul ini, usul ini akan dibentangkan dalam Persidangan Dewan yang seterusnya atau apabila wujudnya keadaan yang mengizinkan untuk Pilihan Raya Kecil diadakan tanpa menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan rakyat kita.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Yang Berhormat Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih Dato' Speaker. mohon jawapan bagi soalan saya nombor 49.

49. Senaraikan nama dan jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang tidak berdaftar di setiap daerah di Pulau Pinang.
- (a) Apakah tindakan perundangan kerajaan bagi RIBI tidak berdaftar yang melanggar peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan senaraikan garis panduan RIBI di Pulau Pinang?
 - (b) Berapa banyak tindakan RIBI tidak berdaftar telah diambil tindakan setakat ini?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Dato' Speaker dan juga Yang Berhormat Kawasan Penaga. Soalan 49 meminta senaraikan nama dan jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang tidak berdaftar di setiap daerah di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai data terperinci mengenai nama dan jumlah RIBI yang tidak berdaftar di setiap daerah di Pulau Pinang. Namun begitu berdasarkan rekod Pejabat Daerah dan Tanah terdapat sejumlah 78 RIBI yang dibina tanpa kelulusan Kerajaan Tempatan sejak tahun 2015. Jadi apakah tindakan perundangan kerajaan bagi RIBI seperti ini? Jawapannya ialah Kerajaan Negeri senantiasa mengutamakan keharmonian rakyat termasuk memastikan isu mengenai RIBI di Pulau Pinang diuruskan secara berkesan. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan RIBI tidak dirobah sewenang-wenangnya di Pulau Pinang adalah seperti berikut;

Kerajaan Negeri telah mengujudkan Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam dan Jawatankuasa Penyelarasan RIBI untuk memastikan isu-isu melibatkan RIBI diuruskan secara berkesan. Kerajaan Negeri telah menetapkan setiap pembangunan di Pulau Pinang termasuk RIBI perlu mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini bagi memastikan semua RIBI yang dibangunkan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan demi kesejahteraan rakyat. Dan Kerajaan Negeri pada tahun 2019 telah memutuskan supaya semua tindakan penguatkuasaan terhadap RIBI diambil selepas mendapat keputusan Jawatankuasa Tanah Negeri berdasarkan ulasan daripada Jawatankuasa Penyelarasan RIBI. Jawatankuasa Penyelarasan RIBI akan meneliti isu berkaitan RIBI bersama agensi teknikal dan ADUN kawasan berdasarkan peruntukan perundangan yang sedang berkuatkuasa.

Berapa banyak tindakan RIBI yang tidak berdaftar telah diambil tindakan? Berdasarkan rekod Pejabat Daerah dan Tanah, dari tahun 2015 sehingga 2020 sehingga Ogos sejumlah 78 RIBI telah diambil tindakan dengan pengeluaran Notis 425 Kanun Tanah Negar. Perincian mengikut daerah adalah seperti berikut:

Timur Laut	-	20,
Barat Daya	-	15,
SPU	-	11,
SPT	-	27,
SPS	-	5 dan
jumlahnya	=	78. .

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Seterusnya saya hendak persilakan Yang Berhormat Teluk Bahang dan rasanya Teluk Bahang tidak dalam Dewan maka soalan nombor 50 dilangkau dengan seterusnya soalan 51.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya soalan nombor 51.

51. Bagaimanakah prestasi industri pelabuhan Negeri Pulau Pinang yang terkesan akibat COVID-19?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya dan Yang Berhormat Dato' Speaker. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, industri perlabuhan negeri Pulau Pinang sangat terkesan akibat daripada penularan wabak COVID-19. Berdasarkan rekod dan statistik pengendalian seperti berikut;

Pertamanya, pengendalian kontena dijangka mencatatkan penurunan sebanyak 6.6% jika dibandingkan dengan jumlah pengendalian pada tahun 2019 yang menjadikan penurunan dari jumlah pengendalian sebanyak 1,113,618 *Twenty-foot Equivalent Unite* (TEU) pada pada tahun 2019 kepada hanya 1,040,098 TEU bagi tahun 2020.

Keduanya, pengendalian kargo konvensional dijangka menyusut 17.2%, jika adalah dibandingkan dengan pengendalian pada tahun 2019. Perinciannya pada tahun 2019 ialah 7,167,415, *Freight Weight Tonnes* (FWT) dan dijangka Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) hanya akan mengendalikan kargo konvensional sebanyak 5,934,435 FWT sahaja pada tahun 2020.

Dan terakhir bagi operasi *cruise* di Swettenham Pier Cruise Terminal, dijangka akan mencatatkan penurunan pengendalian sebanyak 70.6% berbanding pengendalian pada tahun 2019. Prestasi pengendalian pada tahun 2019 adalah sebanyak 733,789 penumpang dan dijangka pada tahun ini hanya 212,627 penumpang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Yang Berhormat dari Kebun Bunga, sila.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Terima kasih dengan izin Dato' Speaker. Soalan saya soalan 52

52. Apakah pakej ransangan ekonomi yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2021, 2022 dan 2023?

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kebun Bunga, Kerajaan Negeri belum memutuskan untuk melaksanakan pakej rangsangan ekonomi bagi tahun 2021, 2022 dan 2023. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan ianya akan dirangka dengan mengambil kira kesan dan impak penularan COVID-19 serta keberhasilan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) serta kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. *Council* ini merupakan sebuah Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan berkaitan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) serta wakil-wakil daripada industri berkaitan. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang menghalang pertumbuhan ekonomi dan mencadangkan langkah pemulihan yang sesuai untuk merangsang pertumbuhan ekonomi serta menentukan pembangunan sosial ekonomi yang mampan demi kesejahteraan rakyat selepas penularan wabak COVID-19.

Di bawah jawatankuasa tersebut, enam (6) jawatankuasa kumpulan kerja turut ditubuhkan untuk membantu majlis ini yang mana masing-masing diterajui oleh seorang pengerusi dan keahlian oleh wakil kerajaan dan industri yang berkaitan. Jawatankuasa kerja tersebut terdiri daripada pelbagai sektor iaitu industri SMI, SME dan peruncitan, pasaran tenaga kerja, perumahan, infrastruktur dan pengangkutan, pelancongan dan industri makanan. Pada masa ini semua jawatankuasa kerja telah mengenalpasti dan akan melaksanakan tindakan-tindakan jangka masa pendek dan sederhana untuk memulih ekonomi negeri Pulau Pinang. Melalui belanjawan tahun ini, tahun 2021, maaf, Kerajaan Negeri akan memberikan fokus untuk memulih ekonomi kita serta meminimalkan kesan penularan COVID-19. Inisiatif ini bawa fokus-fokus utama akan diterangkan dengan lebih terperinci melalui pembentangan Rang Undang-Undang Pebekalan dan Usul Anggaran Pembangunan yang saya akan memberi makluman lanjut semasa pengumuman nanti. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya nak persilakan Yang Berhormat Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 53.

53. Apakah hasil mesyuarat antara YAB. Ketua Menteri dengan Menteri Pengangkutan pada 27 Ogos 2020?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri dijemput menyertai kajian strategik pembesaran dan pembinaan lapangan terbang?
 - (b) Huraikan status pembinaan tempat letak kenderaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengambil alih perkhidmatan Rapid Ferry?

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Petua untuk menjawab soalan Yang Berhormat Bukit Tambun. Perjumpaan antara saya dengan Menteri Pengangkutan pada 27 Ogos 2020 membincangkan perkara berkaitan dengan status pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Perkhidmatan Feri dan projek Bayan Lepas Light Rail Transit. Susulan daripada pejumpaan tersebut, pejabat Ketua Menteri telah mengemukakan surat mengenai isu-isu yang dibincangkan kepada Menteri Pengangkutan pada 8 September. Sehingga kini tiada maklum balas yang diterima daripada pihak Menteri Pengangkutan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum dijemput untuk menyertai kajian *National Airport Strategic Plan* oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Status pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat di Bayan Lepas setakat 30 September adalah 94% siap. Projek ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan susulan daripada arahan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan Persekutuan yang menyebabkan kerja-kerja pembinaan di tapak terpaksa dihenti buat sementara waktu. Cadangan tempoh siap projek ini pada mulanya adalah pada penghujung April 2020, dan projek ini telah disambungkan semula pembinaannya pada 11 Jun setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa. Projek ini dijangka akan siap pada suku keempat tahun ini dengan memperolehi *Certificate of Practical Completion (CPC)* dan dapat digunakan pada suku pertama tahun 2021. Tertakluk kepada keputusan *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*.

Setakat ini Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menguruskan perkhidmatan feri Pulau Pinang. Operasi perkhidmatan feri buat masa ini, dilaksanakan oleh Rapid Ferry Sdn. Bhd. Semasa perjumpaan bersama Kementerian Pengangkutan pada 27 Ogos lalu, Kerajaan Negeri dimaklumkan mengenai cadangan

pengoperasian feri oleh pihak Penang Port Sdn. Bhd. Namun, cadangan ini masih belum dimuktamadkan oleh Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Sila.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, dalam isu pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini, Kerajaan Negeri sering dituduh tidak menjalankan tanggungjawab. Oleh itu, di sini bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menerangkan apakah sebenar kuasa dan tanggungjawab yang ada pada Kerajaan Negeri di atas Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Soalan kedua. Berdasarkan mesyuarat dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan juga mesyuarat-mesyuarat sebelum ini, apakah sebab utama Kerajaan Persekutuan tidak ingin meneruskan projek pembesaran ini?

Dan soalan terakhir adalah berdasarkan mesyuarat MPFN yang lalu, apakah status cadangan Lapangan Terbang Kargo di Kulim. Sekian, terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Maaf. Bahagian yang terakhir kargo di mana?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Kulim.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih. Dato' Yang di-Petua, untuk menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Bukit Tambun.

Pertamanya, apakah tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas? Sebenarnya, sekiranya projek ini bersasarkan 12 juta penumpang setahun, ianya dapat dilaksanakan dalam ruang dan tanah yang sedia ada. Itu memang perancangan awal daripada Malaysian Airport Bhd. melaksanakan projek 12 juta penumpang setahun dan kalau itu memang tiada apa-apa yang diperlukan dari pihak Kerajaan Negeri, tetapi memandangkan kapasiti ini mudah dilepasi. Memandangkan rancangannya pembangunan di negeri Pulau Pinang, ada cadangan supaya kalau nak buat jangan buat 12 juta penumpang yang akan dilepasi kapasitinya dengan cepat, dan dicadangkan pula dinaikkan kepada 16 juta. Jadi, kalau dipertingkatkan kepada 16 juta penumpang, maka ianya akan terlibat tanah-tanah di luar sempadan. Sekarang yang melibatkan sekolah, kuarters, dan lain-lain binaan di tanah-tanah beri milik dan adanya tanah-tanah Kerajaan Negeri.

Maka sekiranya ini diperlukan, peranan Kerajaan Negeri boleh membantu Kerajaan Persekutuan dari segi isu tanah yang perlu dilakukan pengambilan dan juga penempatan semula kuarters-kuarters kerajaan, sebuah sekolah SJKC di sana perlu di tempat semula di kawasan baru. Itulah peranan ataupun tanggungjawab yang boleh dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan kitapun sedang berusaha dalam segi ini dan apabila kita dapat beres isu-isu tanah, kita akan kemukakan kepada MAHP dan kementerian bahawa kita dapatlah membantu dari segi pengambilan tanah dan penempatan semula.

Bahagian B, saya tidak dapat setuju dengan Yang Berhormat bahawa mereka tidak ingin meneruskan projek ini. Memang dalam mesyuarat dengan Menteri dengan kehadiran *Malaysian Airport Holding Bhd.* Mereka masih minat untuk meneruskan. Tetapi dengan keputusan Menteri sendiri, menunggu hasil daripada kajian Lapangan Terbang di seluruh negara, maka ianya perlu menunggu keputusan tetapi saya pohon dalam mesyuarat itu supaya didahulukan kajian di bahagian utara supaya satu keputusan awal dapat diambil. Dan tentang kedudukan lapangan terbang yang dicadangkan di Kulim. MPFM masih tidak

memberi ruang untuk pembentangan ini, dan pada peringkat ini ianya masih menunggu kelulusan yang diperlukan untuk kerja-kerja susulan daripada itu. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Batu Lancang saya persilakan.

Ahli kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Soalah saya ialah 54.

54. Apakah perkembangan dan status pembinaan kolam takungan bawah tanah Solok Van Praagh yang sepatutnya ditender untuk pembinaan pada tahun ini? Tetapi sampai sekarang tida apa-apa kerja yang dijalankan di tapak?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

EXCO

Ahli kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Dato' Yang di-Pertua, untuk soalan 54 haritu sebenarnya dah sentuh sikit dalam jawapan dalam penggulungan. Di sini cuma saya nak sebut perunding sudah pun dilantik. Akan mula kerja pada 21 Oktober dan perunding akan..sebenarnya ada satu lawatan tapak telah dilakukan pada 24 Ogos, dan telah didapati keluasan kawasan lapang yang asalnya dicadangkan untuk pembinaan struktur bawah tanah tersebut adalah kurang sesuai dan tidak menepati spesifikasi. Jadi perunding akan mencadangkan reka bentuk *automotif* atau lokasi struktur takungan bawah tanah yang yang paling optimum la. Jadi selepas perunding mula kerja, dia akan turun padang sekali lagi dengan JPS dan akan melihat mana kawasan yang paling sesuai kita boleh buat projek ini. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, dan seterusnya. Soalan Yang Berhormat Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 55.

55. Senaraikan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas pembuangan sampah haram serta pembakaran terbuka mengikut KADUN sejak 2019 sehingga kini.
- (a) Kenapa masalah ini tidak dapat dibendung dengan berkesan?
 - (b) Nyatakan usaha yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar dan Pejabat Daerah dan Tanah dalam membanteras tapak pelupusan sampah haram.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Juga sila ringkaskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan pada rakan saya daripada Machang Bubuk. Walaupun ada beberapa soalan mungkin hampir sama tetapi, / percaya ini satu solan penting juga la Dato'. So saya akan jawab kerana ia telah ditanya oleh beliau Yang Berhormat berkenaan dua (2) perkara iaitu:

- (i) Status tindakan penguatkuasaan nombor satu terhadap pembuangan sampah haram; *and*
- (ii) Pembakaran terbuka. *So there are 2 question, is a 2 promo question very important. Thank you Machang Bubuk.*

Untuk maklumat semua, ingin saya nyatakan bahawasanya semenjak tahun 2019 sehingga sekarang sebanyak 2534 kompaun, 1287 notis dan 2 tindakan mahkamah telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap kesalahan pembuangan sampah secara haram. *There is the* pembuangan sampah secara haram.

The second one, dalam tempoh yang sama, Dato' Speaker, sebanyak 102 kompaun dan 62 notis telah dikeluarkan untuk kesalahan pembakaran terbuka. *There is open burning* Dato' Speaker. Oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Jabatan Alam Sekitar. Dato' Speaker, senarai tindakan penguatkuasaan tersebut, kita akan lampirkan ataupun letakkan diatas meja Yang Berhormat *because it's very lengthy and you can go through*.

Dato' Speaker, masalah pembuangan sampah-sampah haram dan pembakaran terbuka masih tidak dapat kita bendung kerana terdapat kekangan yang perlu dihadapi oleh pihak berkuasa. *Now* antara kekangan adalah dari segi peruntukan undang-undang untuk kawal aktiviti perkhidmatan pungutan sampah oleh *Private Holier*, kurangnya tanggungjawab pemaju dan utiliti untuk memastikan sisa-sisa yang dihasilkan daripada kerja perobohan dan pengorekan dipantau dengan kaedah pelupusan ataupun permit dan slip timbang ke tapak pelupusan yang dibenarkan oleh kedua-dua Majlis Bandaraya. *Now*, Majlis juga tiada peruntukan undang-undang bagi sita kenderaan yang didapati membuang sampah secara haram, dan majoriti aktiviti pembuangan sampah haram berlaku pada luar waktu bekerja, dan kekurangan tenaga kerja untuk melakukan pemantauan. Kerajaan Negeri juga menghadapi masalah tindakan penguatkuasaan yang dijalankan secara berasingan oleh semua jabatan ataupun agensi penguatkuasaan. *There is were actually mention in my earlier answer, we are trying to harmonies* penguatkuasaan dari segi semua jabatan. *So' that it is synchronize and more effective. I will come to that in a short while* dan juga kita ada peruntukkan undang-undang yang berbeza daripada satu agensi kepada satu agensi yang lain seperti mana yang nyatakan. *Of cause* kita juga ada kurang kesedaran di kalangan masyarakat mengenai tatacara pelupusan sampah yang betul serta kekurangan lokasi pelupusan yang sesuai di mana saya juga telah jawab, Dato' Speaker. *We are in a process now of identifying Pulau Burung getting this thing done. I would not wanna go to that again* Dato', *but* itulah salah satu yang sebab antara lain la.

Dato' Speaker, ingin juga saya nyatakan bahawasanya sememangnya kita akan teruskan. Saya ingin ringkaskan seperti mana Dato' Speaker katakan, kita ingin memang ambil tindakan penguatkuasaan terhadap kedua-dua perkara ini sekiranya kita dapati berlaku iaitu pembuangan sampah haram serta pembakaran terbuka. *We want to ensure and I was against use the word that I always use there is no compromise* terhadap aktiviti pembuangan sampah haram dan pembakaran terbuka. Kalau tadi saya punya soalan saya jawab beberapa perkara tentang kekangan yang kita hadapi kita hendak, saya ulangi sekali lagi guna teknologi *but this question is important now I'm going go zoom into one very detail particular* teknologi yang kita hendak gunakan. *Of course like I said CCTV and drone* tetapi semalam apabila saya buat sedikit semakan tentang keadaan perundangan apabila saya peguam dahulu, saya ada ingat apabila mereka hendak gunakan bukti rakaman sesuatu video, ia dengan hebat dan hangat akan dibantah oleh sayalah sebagai Peguam Pembela tetapi sekarang saya *on the other side* di mana kalau saya nak cadang supaya lebih CCTV diguna, saya perlu lihat sama ada ia boleh dimasukkan terima sebagai bukti. *So is a balancing act and last time I was on that side. Infact, I remember Dato' Seri Anwar Ibrahim first case I was his council and I manage to get some video recording deem in at miserable but now the other way around YB. Dato' Speaker, so the question is this.*

Saya buat sedikit semakan semalam, terutamanya ingin saya nyatakan untuk rekod, sememangnya di bawah Akta Keterangan. Kita ada Akta Keterangan di bawah Seksyen 61 sehingga Seksyen 65. Rakan saya daripada Yang Berhormat Machang Bubuk, sekarang dokumen yang boleh diterima masuk at *miserable in law* termasuk juga *any visual recording whether of still or moving images* antara lain *which mean* CCTV sekarang di bawah akta ini, boleh diterima masuk cuma YB. Dato' Speaker, kita ada dua kes baru-baru, saya nampak

juga semalam saya, buat sedikit semakan di mana satu hakim di Kuala Lumpur dan satu hakim di Shah Alam, mereka kata *yes* boleh diterima masuk tetapi itu sahaja tak cukup.

Kita perlu ada juga bukti lain supaya kita ada satu kes *prima facie*, *so what is why I'm giving you all this contact you might be asking a for the fact that I would like to talk about a little bit of the law* is saya nak bagi *contact* kerana kalau itulah keadaan undang-undang nombor satu, Akta Keterangan membenarkan, nombor dua, ada hakim ada dua kes sekarang yang menyatakan dua kes *infact one was the murder, murder case* but dia dilepaskan kerana mereka bergantung hanya kepada CCTV. *But it was not enough according to the judge. That was in Shah Alam, yang amat Yang Arif Amelia Tan, she decided...*(gangguan).. *the question is this why I'm putting this contact perspective for every one* kerana kita ada 1171 *uncourting* CCTV di Pulau Pinang untuk apa? Untuk membanteraskan isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang Bubuk secara tepat dan betul *but we cannot stop there Dato' Speaker. Because, when we look at the law, at the end of the day I'm not going to ask both my mayors to continue looking for hotspot to put CCTV at the end of the day we cannot take action in court because it is not admissible.*

It does not make sense so that is the reason why sekarang di Pulau Pinang CCTV yang sudah pun ada kita sedang upgrade dan naik taraf dia suoaya ada video analitik dan apabila ada video analitik ini saya percaya hakim-hakim dan mahkamah boleh pertimbangkan kerana ia adalah satu bukti yang begitu baik sekali untuk kita dapat buat penguatkuasaan.

Of course seperti mana saya nyatakan dalam saya jawapan saya, saya juga gembira untuk nyatakan beribu kompaun telah pun diisukan. *Infact I mention just now more than two thousand*, beribu notis juga telah pun diisukan. Soal dia, mungkin pada orang tanya *how come only two went to court the question is no. There are stages. So when the compound are issued they pay, when the the notices are issued they compile* untuk apa yang perlu dibuat. So itu adalah satu keadaan yang baik untuk sayalah, *thank you* Yang Berhormat Machang Bubuk, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua. Saya ada soalan tambahan...(gangguan) ini tak disentuh dalam penggulungan. Sebab terima kasih Yang Berhormat Datok Keramat, tadi dalam membagi penjelasan dan tadi Yang Berhormat Datok Keramat juga ada sebut nak guna CCTV, *drone* itu memang mempunyai ada kekangan dari segi undang-undang.

Soalan saya adalah kita memang tahu dari segi penguatkuasaan itu adalah sukar sebab ada dari segi mahkamah tapi adakah boleh kita guna teknologi yang seperti yang diuar-uarkan oleh Kerajaan Negeri kita nak jadi *smart city*. Ia boleh kita guna *internet of thing* dengan memasang *air quality sensors*, ya. Untuk mengesan tempat di mana berlakunya pembakaran secara *hotspot* dan tindakan penguatkuasaan kita boleh terus turun ke tempat yang berlakunya kepanasan itu.

Ini akan memudaratkan penguatkuasaan yang sedia ada untuk membantu mereka, dan bolehkah kerajaan juga mempertimbangkan untuk membangunkan satu sistem *apps* yang boleh memberikan peluang kepada penduduk untuk membuat aduan dengan menandakan tempat-tempat di mana tempat pembakaran itu? Seperti apa yang sekarang kita buat *waze* ya, kita tahu di mana ada kesesakan lalu lintas, jalan mana yang lebih cepat yang ini juga boleh kita memudahkan orang ramai untuk memberi maklumat yang tepat kepada pihak penguatkuasa dan ini juga kita harap kerajaan boleh memberi kita satu *plan* ya, atau macam *satellite plan* yang boleh memberi tau dimana ada kilang-kilang plastik haram ka atau plastik yang berlesen, dan apa aktiviti mereka, kita pastikan mereka memasang *air quality sensor*, sarankan mereka dan supaya semua maklumat itu mereka dapat disalurkan

...(gangguan)...kepada Jabatan Alam Sekitar atau PBT, saya harap perkara itu dapat dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih, Dato' Speaker, dan terima kasih sahabat saya dari Yang Berhormat Machang Bubuk, sememangnya itulah hala tuju dan apa yang kita hendak buat memandangkan visi Pulau Pinang untuk jadi satu negeri yang pintar, *and infact* Dato' Speaker,, *very good question* tetapi dia fokus pada air quality censor itu satu saja kalau kita lihat perkataan yang dia buat itu rujuk kepada *censor*, ada pelbagai *censor* yang ada untuk kita laksanakan agenda negeri pintar kita, dan kita pun ada pelbagai *censor*, *censor* untuk ramalkan apabila hujan naik dengan mendadak akan menjadi satu banjir kita ada, kita juga ada *air quality censor* yang telah pun ada beberapa projek perintis daripada terutamanya saya tahu daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai juga *I think* Majlis Bandaraya Pulau Pinang, *we have many type of censor like I said* Dato' Speaker, agenda pintar kita ini bukan satu perkara saja, banyak pelbagai tetapi saya ambil apa yang pandangan daripada Yang Berhormat Machang Bubuk itu, penting. Kita akan terus lihat bagaimana kita bantu dengan menggunakan teknologi baru *and at the end of the day that is the point I'm trying to make* kita hendak guna inovasi teknologi yang baru untuk *tackle problem-problem* ini yang sudah pun ada disitu sudah lama.

Nombor dua, yang penting *I agree with you your second question on* sama ada kita boleh ada satu saluran yang lebih baik untuk kita dapat maklumat daripada orang ramai kerana mereka adalah mata dan telinga kita, *they are our ears and eyes and we agree infact* kita sedang ada satu Jawatankuasa Khas untuk melihat kepada *disaster management* dan antara lain Dato' Speaker, yang ingin saya nyatakan di bawah Jawatankuasa Khas itu, kita akan adakan aplikasi-aplikasi baru di mana orang ramai secara senang dapat beri maklumat di *seminar information to both my mayors and their workers so that we can immediately go down to the ground and tackle the problem*, itu sememangnya sedang dibuat, sekian, terima kasih YB. Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Yang Berhormat Jawi, sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua, soalan saya soalan 56.

56. Sila nyatakan status terkini bagi projek pembinaan gelanggang badminton di Jalan Bukit Panchor, Nibong Tebal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada Dato' Speaker dan rakan saya dari Yang Berhormat Jawi, saya jawab soalan 56.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 9 September 2020 telah meluluskan reka bentuk konsep Projek Pembinaan Gelanggang Badminton di Nibong Tebal atau dinamakan sebagai Projek Nibong Tebal Arena. Pihak jabatan JKR sedang dalam proses menyediakan reka bentuk lengkap serta dokumen-dokumen kontrak yang dijangka untuk pengiklanan tender pada bulan Mac tahun 2021.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya ingin.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

YB. Yang di-Pertua, soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Saya ingin menunjukan soalan tambahan ini kepada Yang Berhormat Bagan Jermal, adakah projek ini masih kekal kepada 12 gelanggang badminton yang telah diumumkan pada tahun 2018? Di mana sekiranya ada perbezaan, boleh tak saya dapatkan sedikit maklumat berkenaan dengan dari segi reka bentuk, berapakah gelanggang atau pun dapatkan kos yang baru untuk projek ini? Dan di mana projek pembinaan ini dijangka akan bermula pada bila? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jawi, memang projek ini adalah atas permintaan daripada saya. Masa tu saya sebagai ADUN Kawasan Jawi, saya rasa tak silap pada bulan Januari tahun 2018, dan pengumuman telah dibuat pada 19 Mac tahun 2018, di mana masa itu kita perancangan adalah untuk membina gelanggang, 12 gelanggang badminton. Dan setelah kajian dan perbincangan diadakan bersama dengan pihak perunding dan juga pihak JKR, maka kita cadangkan supaya projek ini dibina bagi tujuan mewujudkan satu dewan serbaguna di kawasan Seberang Perai Selatan ini. Di mana dewan tersebut akan mempunyai 9 gelanggang badminton untuk kegunaan rekreasi. Jika ada kejohanan untuk badminton, maka kita akan menggunakan enam (6) buah gelanggang badminton dengan 500 hingga 900 *rechargeable seat* yang akan dipasang untuk sebarang kejohanan yang ada dijalankan.

Pada masa yang sama, dewan serbaguna ini kita *design* dia untuk kegunaan juga, contoh ada pertandingan ataupun permainan rekreasi dari segi sepak takraw atau pun bola tampar ataupun *netball* atau pun *floorball* dan lain-lain, maka dewan serbaguna ini diguna untuk bukan sahaja badminton ataupun sukan badminton sahaja, tetapi juga boleh digunakan untuk sukan-sukan lain seperti contoh saya ingat silat juga boleh dianjurkan. Saya rasa silat atau pun karate boleh dianjurkan di sana. Selain itu, dewan tersebut juga boleh memuatkan sebanyak 98 buah meja *banquet* yang *eight person seat*...(dengan izin) Dato' Speaker, atau pun 60 meja *banquet* yang *ten seater*...(dengan izin) Dato' Speaker, untuk memuatkan anggaran 1200 kerusi auditorium.

Ini juga boleh dianjurkan kalau ada sebarang kenduri atau pun majlis-majlis kerajaan, maka kita bolehlah menggunakan dewan serbaguna ini untuk dijalankan. Untuk menjawab satu lagi soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jawi, di mana pihak JKR jangka akan buka tender pada bulan tiga tahun 2021 dan *estimate* kalau semua proses dijalankan dengan lancar, maka pada bulan Jun selepas lantikan kontraktor, maka kerja akan dimulakan. Bajet RM9.3 juta telahpun dibajetkan untuk tahun 2021 oleh Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan tempoh projek lebih kurang ambil masa 20 bulan ini adalah jangkaan dan juga kiraan daripada pihak JKR dan kita harap projek ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin kerana saya percaya penduduk-penduduk di daerah SPS terutama di kawasan Jawi, bekas tempat saya mereka menunggukan gelanggang itu ataupun dewan ini untuk kegunaan fasiliti sukan dan majlis-majlis lain. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Pinang, sila.

57. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan, pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan mengalami masalah kewangan akibat daripada kekurangan pelajar. Bagi pengusaha yang berdaftar, pelbagai bantuan disalurkan oleh kerajaan.
- (a) Adakah kerajaan akan memudahcarakan proses pendaftaran supaya pengusaha tidak berdaftar yang juga menawarkan khidmat sosial ini dapat menikmati bantuan?
 - (b) Huraikan, jika sebarang usha/bantuan dari kerajaan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Yang di-Pertua dan juga Sungai Pinang. Kerajaan Negeri memang senantiasa hendak memudahcarakan proses pembuat bisnes ataupun pendaftaran. Dan Kerajaan Negeri sedang menyediakan satu garis panduan bagi memudahcara pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan di Pulau Pinang untuk mendapatkan perakuan pendaftaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat tapi Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mendapatkan pendaftaran dari JKM dia memerlukan sokongan Kerajaan Tempatan dan kesihatan. Jadi ini adalah tiga (3) buah teknikal agensi yang perlu memberi kelulusan. Jadi dia memerlukan kerjasama semua agensi-agensi ini. Dan mengapa selalunya soalan ini datang kepada saya? Walaupun agensi-agensi ini bukan di bawah MMK saya. MMK saya Pembangunan Wanita Dan Keluarga kerana anak-anak yang pergi taska adalah di bawah keluarga dan ibu-ibu yang dikesani oleh pusat-pusat jagaan ini adalah wanita di bawah MMK saya.

Jadi saya pun sudah, saya mengambil inisiatif pada 2016 untuk bagaimana kita nak memudahcarakan pendaftaran dan selepas itu baru-baru ini diambil alih oleh YB., YB Datok Keramat kerana *local government* di bawah dia dan dia, beliau pun sudah memberi jawapan hari tu. Memang kita sudah memberi beberapa ambil beberapa tindakan supaya memudahcarakan operasi pengusaha untuk mendaftar. Umpamanya memberi 90% terhadap caj tukar guna bangunan kepada semua pengusaha taska dan tadika dan pusat jagaan. Ini kerana ini merupakan satu masalah yang besar kepada pengusaha dan kita pun sudah *agree* untuk memberi pengecualian sumbangan pengantian tempat letak kenderaan yang tidak disediakan. Juga pengecualian sumbangan untuk penanaman pokok. Juga memberi pengecualian denda sepuluh kali ganda daripada *fee* permohonan. Ini telah banyak diberi pengecualian.

Tapi seterusnya saya pun harap pengusaha akan datang tampil ke depan untuk membuat pendaftaran kerana mengikut JKM, mereka tak datang, tak tampil ke depan. Jadi ada dua (2) masing-masing kata sebelah kata susah nak daftar. Sebelah yang kata mereka tak tampil ke depan. Tapi sekarang kita sudah adakan satu, saya haraplah satu jawatanluasa ataupun *task force* akan ditubuhkan untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Padang Lalang. Soalan tambahan saya. Kita nampak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengambil inisiatif untuk memudahcarakan proses perakuan pendaftaran dan di sini kita nampak semakin ramai ibu bapa telah bekerja di rumah. Dan penjagaan kanak-kanak merupakan isu yang dihadapi oleh khususnya oleh golongan ibu dan taska di tempat kerja mungkin tidak sesuai untuk golongan ini. Jadi bagaimanakah kerajaan boleh memastikan penubuhan penglibatan taska yang berkualiti boleh diwujudkan di tahap komuniti untuk menyenangkan beban ibu bapa yang bekerja di rumah?

Dan soalan yang kedua ialah saya difahamkan bahawa tindakan penguatkuasaan akan diambil selepas Jun 2021. Jadi sekarang adalah tempoh untuk membuat pendaftaran tetapi saya ingin tahun bilakah garis panduan yang terkini akan dikemukakan? Digunapakai dan begitu juga dengan pusat jagaan ibu bersalin dan bayi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Sungai Pinang yang senantiasa ambil berat tentang isu-isu ini kerana sebagai seorang ibu yang ada lima (5) orang anak, saya rasalah itu pun menjadi tanggungjawab kita untuk membawa isu ke sini...(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Maklumat peribadi tidak perlu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Okey. Jadi garis panduan itu saya rasa akan selesai disediakan dan harap dia akan diguna pakai secepat mungkin dan untuk membanyakkan perkhidmatan ataupun kemudahan jagaan anak-anak, Kerajaan Negeri pun telahpun mengambil tindakan mengadakan polisi untuk menyediakan dana *start-up* untuk mereka yang ingin mengadakan taska yang baru tapi dia mesti tertakluk kepada tema, *term and condition* Kerajaan Negeri. Kita akan bagi maksimumnya RM300,000.00 untuk wujudkan sebuah taska tapi bayarannya tidak boleh melebihi RM500.00 satu bulan dan ada lain-lain syarat lagi. Jadi kita akan mencuba sedaya upaya kerana kita pun tahu dalam norma baru ini, ramai wanita akan berkerja di rumah dan mereka ataupun bapa pun memerlukan ini kemudahan taska. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya nak mempersilakan Yang Berhormat Pulau Bentong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Dato' Speaker soalan saya nombor 58.

58. Rumah-rumah kampung perlu mendapat kelulusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atau Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB) untuk membinanya. Untuk mengelakkan banjir kilat sistem perparitan perlu ada untuk rumah-rumah kampung.

(a) Bagaimanakah sistem perparitan dirancang untuk rumah-rumah kampung?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahhirahmannirahim. Memandangkan kebanyakan rumah-rumah kampung merupakan pembangunan lama yang tiada sistem perparitan di kawasan kampung yang sukar dilaksanakan antara usaha yang masih dilaksanakan secara berterusan melalui pejabat daerah dan tanah untuk membina dan menaiktaraf sistem perparitan di kampung. Peruntukan yang digunakan selalunya ada datang daripada ADUN dan juga wakil Ahli Parlimen dan juga untuk memohon kepada MMK Tebatan Banjir sebagai contohnya. Walau bagaimanapun usaha ini tertakluk kepada kebenaran tuan tanah sekiranya perparitan ini dibina atas tanah milik. Bagi membolehkan satu sistem perparitan bersepadu diwujudkan di kawasan perkampungan, kebenaran tuan tanah daripada keseluruhan kawasan kampung maknanya seluruh jalan dimana perparitan itu akan dibina, semua kebenaran tuan-tuan tanah itu perlu didapati persetujuan sebelum projek dapat dilaksanakan.

Secara amnya sistem perparitan sedia ada dikebanyakan kampung adalah dibina oleh pemilik tanah sendiri atau oleh pihak kerajaan dengan kebenaran tuan tanah dan kebanyakan parit kampung ini di sambung ke sistem perparitan berdekatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya atau JKR atau parit-parit di bawah selenggaraan Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai *final discharge*. Saya nak tambah di sini kebanyakan rumah-rumah kampung terutama di tanah lot lidi, pihak kerajaan telah meminta supaya pemaju tanah-tanah lot lidi ini perlu merancang sistem perparitan di tempat itu sebelum dia jual tanah-tanah lot lidi itu. Untuk membantu rumah-rumah yang kena banjir, rumah-rumah kampung yang kena banjir selalunya pihak penduduk boleh mohon kepada ADUN kawasan supaya sistem perparitan boleh dibuat.

Sebagai contohnya, di rumah-rumah kampung kan selalu yang masuk banjir tu boleh digunakan di bawah MMK luar bandar juga untuk memperbaiki rumah-rumah ini ataupun membina rumah baru dan pihak kerajaan akan membantu, macam saya kata kebanyakan rumah-rumah, bangunan lama ni telah dibina secara lama. Dan kami sedang membantu rumah-rumah kampung yang masih kekal dan mempunyai struktur yang baik supaya ia tidak perlu dirobohkan dan dibina semula. Maknanya kekal struktur yang asal rumah-rumah kampung ini dan kita bantu untuk naikkan dia punya lantai dan membantu rumah-rumah ini tidak kena banjir. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih dan saya nak...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail):

Berhubung dengan aduan masyarakat yang kita terima diantaranya pra syarat disebut oleh Penanti tadi tentang kelulusan ataupun keizinan tuan tanah. Apa yang kita hadapi ialah sama ada rumah baru sama ada permohonan sistem perparitan masalah yang kita hadapi ialah keizinan tuan tanah. Bila kita ke Pejabat Daerah bahagian carian, kita lihat di geran kadang kala sampai peringkat beberapa generasi di dalam geran itu yang kita tidak dapat temui untuk mendapat kelulusan. Sampai peringkat kadang-kadang sampai sepuluh nama, lima belas nama tapi akhirnya selepas kita berjumpa keluarga berkenaan mereka ini telah meninggal dunia dan sebahagiannya tidak dapat kita mengenal pasti sehingga sanak-saudara pun tidak mengenal pasti nama-nama yang terdapat dalam geran itu. Pemohon untuk pihak berkenaan seterusnya Penanti bagaimana untuk kita mudah cara bagi menyelesaikan masalah ini dengan sebab syarat berhubung dengan keizinan tuan tanah yang nama tidak dapat kita kesan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Setakat ini sebagai contohnya kalau untuk sistem perparitan dan juga kadang kita pihak JPS nak kena cuci sungai, *most of the sungai* berada di tanah orang. Apa yang lazimnya yang dilakukan ialah kebanyakannya geran-geran tanah tu dia kalau kita nampak ada nama dalam salah satu yang lima belas kalaulah satu lot tu ada nama selalunya kita akan minta wakil untuk pergi ke Pesuruhjaya Sumpah dan seorang wakil tu maknanya tuan-tuan tanah yang lain tu mungkin anak dia ka waris dia ka memberi kebenaran.

Setakat ini kita buat macam tu, *so far* itu cara yang kita buatlah dan kita cuba ada juga kes-kes yang apabila kita buat juga projek itu, kita macam dia punya waris ada yang akan marah dan sebagainya. *So* buka balik sistem itu. Tapi kita cuba sedaya upaya setakat ini yang macam kita kata, kita cuba tengok dalam geran tu jika dia ada seorang yang kita panggil yang diberikuasa ataupun waris-waris lain yang dalam geran tu boleh memberikan hak kebenaran setakat itu cara itulah yang kita buat. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Dan saya nak sila Yang Berhormat Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 59.

59. Apakah kebajikan dari segi pendidikan dan kerjaya yng diberikan kepada atlet dan bekas atlet Negeri Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Speaker dan juga rakan saya. Saya jawab soalan nombor 59. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa menitikberatkan hal-hal kebajikan para atlet mahupun bekas atlet Negeri Pulau Pinang. Dari segi pendidikan MSNPP telah menjalankan kerjasama dengan Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, Politeknik Seberang Perai dan enam (6) buah kolej komuniti dalam Negeri Pulau Pinang bagi mewujudkan platform kepada atlet dan bekas atlet untuk melanjutkan pelajaran atau meningkatkan kemahiran dalam bidang yang dilibati. Sehingga kini MSNPP telah menempatkan berjaya menempatkan lima (5) orang atlet Pulau Pinang bagi melanjutkan

pelajaran di USM dan juga UiTM di bawah program PACE. Dari segi kerjaya MSNPP dalam usaha menjalankan kerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat swasta di Pulau Pinang bagi menyediakan laluan kerjaya kepada atlet dan bekas atlet. Beberapa siri perbincangan dengan Jabatan Tenaga Kerja, MBSP, MBPP, PYDC dan PWDC yang telah diadakan bersama dengan MSNPP untuk menempatkan para atlet, bekas atlet dalam bidang pekerjaan. Kita juga harap jika ada ruang kosong yang sentiasa di iklan oleh kedua PBT iaitu MBSP dan juga MBPP dan kita bolehlah memberikan satu peluang pekerjaan kepada para atlet ataupun bekas atlet, di mana mereka sedang mencari kerja.

Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Sukan Negara yang telah menganjurkan *Program One State One University One Centre....*(dengan izin) Dato' Speaker, 1S 1U 1C yang telah bertujuan menjadikan universiti yang dipilih berperanan sebagai Pusat Latihan Negeri dan dalam masa yang sama mengambil ramai atlet negeri dari pelbagai jenis sukan dapat ditempatkan di universiti tersebut untuk melanjutkan pengajian mereka. Pelaksanaan Program 1S 1U 1C ini secara langsung dapat menggalakkan lebih ramai atlet dan bekas atlet di Negeri Pulau Pinang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana program ini menawarkan syarat kemasukan yang lebih fleksible ke dalam program yang dipohon yang bersesuaian dengan minat dan kelayakan atlet. Sehingga kini sebanyak empat (4) buah institusi pengajian tinggi awam atau swasta yang tengah menandatangani *Memorandum of Understanding (MOU)* bagi Program 1S 1U 1C iaitu Universiti Selangor. MOU telah ditandatangani pada 18 April tahun 2017. Yang kedua, UiTM. MOU yang telah ditandatangani pada 29 Januari tahun 2019. Sebanyak, *the whole* Malaysia ada 14 kampus UiTM. Yang ketiga, Universiti Sultan Zainal Abidin, MOU telah ditandatangani pada 17 Februari tahun 2019 dan Universiti Utara Malaysia, MOU telah ditandatangani pada 30 April tahun 2019.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih Bagan Jermal. Soalan tambahan saya. Bagaimana ibu bapa para atlet boleh memastikan anak-anak mereka akan mendapat kebajikan seperti yang di sebut oleh YB. Bagan Jermal supaya mereka tidak perlu lagi risau akan kerjaya dan juga pelajaran anak-anak mereka dan seterusnya berapakah peruntukan yang di sediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu atlet-atlet melalui *Program Penang Athlete Career Education*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih soalan tambahan yang telah dikemukakan oleh Batu Uban. Saya menjawab soalan pertama, soalan pertambahan pertama. Memang ibu bapa para atlet ataupun bekas atlet yang mereka sentiasa risau, sama ada jika anak mereka menjadi atlet negeri, yang mewakili negeri. Apakah hala tuju, apakah masa depan mereka? Jika mereka tidak dipilih menjadi atlet negara ataupun mewakili Negara Malaysia. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang telah mewujudkan Unit Pendidikan Kerjaya dan Kebajikan iaitu PACE bermula pada bulan Ogos tahun ni. Untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dari segi pendidikan kerjaya dan kebajikan kepada atlet-atlet dan juga bekas atlet Negeri Pulau Pinang serta Program PACE (*Penang Athlete Career and Education*) telah diwujudkan bagi menyelaraskan serta menyediakan *platform* untuk mencari peluang-peluang perkerjaan dan juga program-program yang akan dijadikan sebagai asas dalam memberikan keyakinan kepada atlet-atlet negeri dari segi jaminan masa depan mereka. Unit PACE terdiri daripada tiga teras utama iaitu Bahagian Pendidikan, Bahagian Kerjaya dan juga Bahagian Kebajikan.

Dalam menyediakan ruang dan peluang pendidikan kepada atlet-atlet negeri, MSNPP telah bekerjasama dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Latihan Kemahiran dalam Negeri Pulau Pinang, untuk bertujuan memudahkan penempatan pelajar atlet dengan pusat latihan serta menjadikan IPTA ini sebagai pilihan untuk berperanan sebagai Pusat Latihan Negeri dalam masa yang sama lebih ramai atlet negeri daripada

pelbagai jenis sukan dapatlah ditempatkan di IPTA tersebut untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Di samping itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga akan berkobelarasi dengan syarikat-syarikat atau agensi-agensy yang berminat untuk mendapatkan tenaga kerja muda yang boleh bertoleransi dengan masa latihan sukan. Contohnya ada atlet yang mereka masih menjadi atlet yang mewakili SUKMA, umur 15, 16 tetapi mereka memerlukan *partime job* jika yang mereka telah tamat pengajian pada umur 17 (*Form 5 student*) maka merekalah haruslah mencarikan satu kerja sambilan ataupun kerja yang separuh masa inilah yang kita menawarkan syarikat-syarikat yang berminat memberikan peluang pekerjaan kepada mereka ataupun golongan tersebut.

Selain itu, pelbagai program akan dirangka untuk mempersiapkan atlet-atlet bersedia untuk ke alam pekerjaan antaranya adalah Program Sokongan Kerjaya, yang mendedahkan atlet kepada *platform* serta pameran kerjaya yang bersesuaian. Program *soft skill* ke arah alam kerjaya, kursus-kursus berasaskan kejurulatihan, kecerdasan dan rekreasi serta program keusahawan yang mampu menjana pendapatan serta membantu dan membimbing atlet dalam pembentukan kerjaya dalam sukan ataupun lain-lain bidang dan kita juga memberikan satu peluang jika atlet-atlet yang lepas SUKMA dan mereka tidak dipilih sebagai atlet yang mewakili negara maka kita juga membukakan ruang di mana MSN kenalah mewujudkan satu *department* ataupun....(dengan izin) Dato' Speaker, supaya jika ada sekolah-sekolah yang ingin menubuhkan atau memulakan sukan tersebut dan mereka tengah cari jurulatih ataupun *partime* punya jurulatih maka kitalah bolehlah memberikan satu peluang kepada atlet-atlet ini dalam golongan ini memberikan mereka untuk menjadi jurulatih dikawasan-kawasan sekolah....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, jawapan bagi ringkas. Sudah? Habis? *Okay, next* lah. Saya lihat nak tanya yang.. satu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Yang Berhormat, cuma satu soalan. Terdapat bekas atlet, bekas pemain Bola Sepak Pulau Pinang contohnya, Salahuddin Che Rose dan beberapa orang lagi yang memang menghadapi masalah dalam kehidupan mereka. Ada yang tak sihat dan sebagainya. Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai *data base* ini, maklumat ini dan juga mempunyai tabung khusus untuk membantu mereka-mereka ini. Mereka ada jasa dengan Negeri Pulau Pinang. Tapi akhirnya mereka terabai. Tak ramailah tapi ada yang terabai. Jadi mohon pihak Kerajaan Negeri melihat tentang pekara ini dan melihat tentang bantuan kepada mereka. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Sungai Dua. Saya jawab soalan tambahan ini dengan tambahan tadi yang Batu Uban. Memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sedang merealisasikan program PACE sebanyak peruntukan RM200,000 yang sebagai permulaan yang ditubuhkan untuk dana ini dan kita juga harap syarikat-syarikat swasta akan membantu, sesiapa yang berminat bolehlah menghubungi MSNPP untuk merealisasikan program ini dan seperti contoh pada tahun ini satu atlet yang berasal daripada *archery* yang telah, beliau masa COVID-19. Rumah beliau semasa angin yang hujan ribut kuat maka rosak dan kita MSNPP tengah menghulurkan bantuan kalau tak silap sebanyak RM5,000 bersamaan dengan peruntukan daripada saya untuk membantu beliau untuk mendirikan rumah dan saya dimaklumkan ADUN Sungai Dua dan juga Ahli Parlimen jugalah membantu untuk membina balik rumah beliau ini dan saya rasa inilah salah satu contoh di mana kita ingin menubuhkan Program PACE ini untuk menjaga kebajikan ataupun masalah-masalah yang dihadapi oleh atlet-atlet ataupun bekas alet jika mereka memerlukan bantuan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, satu lagi Yang Berhormat Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya, soalan nombor 60.

60. Sila nyatakan misi yang telah dicapai sejak Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang ditubuhkan?
- (a) Apakah strategi Perbadanan Stadium untuk mempromosikan stadium-stadium yang sedia ada di Pulau Pinang kepada orang ramai terutamanya Stadium Batu Kawan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Speaker saya jawab soalan 60 daripada rakan saya Air Itam. Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang telah ditubuh pada 1 Januari tahun 2020. Misi penubuhan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang adalah untuk menjadikan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi di bawah pengurusan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang sebagai pilihan utama penggunaan dan penganjuran acara sukan dan rekreasi di peringkat antarabangsa.

Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang telah menaik taraf padang Bola Sepak dan trek balapan di Stadium Pulau Pinang, Batu Kawan mengikut spesifikasi *Federation International Football Association (FIFA)*...(dengan izin) Dato' Speaker dan IAAF. Ini akan menjadikan Stadium Negeri sebagai pihak utama penggunaan dan penganjuran acara sukan dan rekreasi di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2020 berikutan *pandemic COVID-19* yang melanda seluruh dunia program-program di peringkat antarabangsa tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, perbadanan akan menganjurkan program-program peringkat antarabangsa seperti Petronas Cub Prix dan Penang *International Festival Food and Food Festival* pada tahun 2021. Perbincangan ini adalah terlalu awal kepada perbadanan untuk menyatakan pencapaian misi penubuhan. Perbadanan telah merangka strategi- strategi berikut untuk mempromosikan penggunaan stadium terutamanya Stadium Negeri Pulau Pinang Batu Kawan kepada orang ramai seperti membenarkan orang ramai menggunakan trek balapan di Stadium Negeri untuk bersenam, *jogging* dan aktiviti yang lain secara rekreasi tanpa perlu membuat tempahan mulai 1 Ogos tahun ini. Menyediakan sebuah bilik perbincangan bagi penggunaan oleh kumpulan tumpu bincang untuk penggunaan persatuan-persatuan sukan dan belia. Akan menganjurkan program-program yang melibatkan penyertaan selebriti, akan menganjurkan program-program bertaraf antarabangsa dan kebangsaan, akan berkobelarasi dengan kilang-kilang yang berada di Pulau Pinang terutama di Daerah SPS ataupun Batu Kawan, untuk bersama-sama penganjuran hari sukan untuk sekolah-sekolah yang berkenaan. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Soalan tambahan saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Satu.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Yang Berhormat Bagan Jermal. Saya nak tanya, adakah sebarang cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang yang baru ditubuhkan untuk mengambil alih keseluruhan fasiliti tanah lapang atau stadium dari Pejabat

Tanah, Pejabat Daerah atau agensi-agensi kerajaan mahupun kedua-dua PBT yang sediada. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih rakan saya daripada Air Itam yang tanya soalan tambahan ini. saya menjawab. Buat sementara waktu, memang Perbadanan Stadium masih tiada rancangan ataupun persediaan untuk mengambil alih kawasan-kawasan lapang yang ada di kedua PBT. Walaubagaimanapun, saya telah dimaklumkan tiga bulan yang lepas atau empat (4) bulan yang lepas satu majlis penuh yang telah diadakan oleh MBPP di mana mereka membuat keputusan untuk menyerahkan semua kawasan lapang yang sedia ada di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang kepada Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang maka atas perbincangan memang pembangunan stadium buat sementara waktu tidak mencukupkan peruntukan ataupun *main power*...(dengan izin) Dato Speaker, pekerja-pekerja untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan saya rasa isu ini mestilah dikaji dan dibincang dengan lebih lanjut supaya untuk pengambilan alih kawasan lapang diselenggara oleh PBT. Kawasan lapang yang diselenggara oleh Pejabat Daerah ataupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana buat sementara waktu cuma beberapa projek yang fokus yang akan dibina ataupun diselenggara diambil oleh Perbadanan Stadium iaitu Sungai Pinang *Park* yang ke 7 dan juga Taman Pokok Sena yang dimiliki oleh Pejabat Daerah SPU dan tempat-tempat yang lain seperti Jalan Betek maka inilah dalam proses rancangan yang untuk masa depan saya percaya ada juga *park* yang akan diambil seperti *youth park* dan tempat lain-lain. Sekian terima kasih .

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi terima kasih kepada semua yang telah pun bertanya dalam sesi soalan lisan maka satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

YAB. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi, akan diletakkan atas meja Ahli-ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi. Dan selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini, 19 Oktober tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Pinang Tunggal. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah pun mengemukakan Usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 19 Oktober 2020 hari Isnin tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya"

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju katakan “Tidak”. Usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih dalam sesi penggulungan dan saya sukacita mempersilakan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

YAB. Ketua Menteri:

Terima Kasih, Dato Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, selamat pagi dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam sesi berbahasan Belanjawan 2021 Negeri Pulau Pinang, meski pun dengan ketetapan masa yang terhad, disiplin dan komitmen yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan dan mengupas pelbagai perkara berbangkit membuktikan betapa komitednya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam melunaskan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh rakyat. Saya dan barisan EXCO akan memastikan semua isu dan perkara yang dibangkitkan diambil perhatian yang serius dan sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Tahun 2021 pembiayaan defisit negeri dengan simpanan terkumpul Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah menyediakan Belanjawan 2021 dengan penuh tanggungjawab dan rasional untuk memastikan pengurusan kewangan negeri adalah terus kukuh dan mantap, peruntukan mengurus yang dibajetkan untuk tahun 2021 berjumlah RM909.82 juta. Ini telah mengambil kira setiap aspek penting untuk memastikan pengurusan pentadbiran negeri yang efisien, menyediakan platform yang kondusif untuk menjana aktiviti ekonomi dan pembangunan negeri dan seterusnya memberi penekanan agar program kebajikan serta bantuan sosial dapat diteruskan pada tahun 2021, lebih-lebih lagi dalam tempoh pasca COVID-19 ini. Dengan mengambil kira semua komitmen Kerajaan Negeri pada tahun 2021 dan anggaran hasil yang terhad berjumlah RM506.02 juta maka Pembentangan Bajet defisit tahun 2021 berjumlah RM403.8 juta tidak dapat dielakkan.

Sehubungan itu lanjutan daripada soalan Yang Berhormat Bukit Tambun dan Yang Berhormat Seberang Jaya saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengurangkan defisit dengan mencari alternatif hasil baharu bagi menjana pendapatan, mengurangkan tunggakan negeri dan mengamalkan perbelanjaan secara berhemah selaras dengan dasar Cekap, Akauntabiliti dan Telus, CAT. Di sini saya juga ingin menjelaskan bahawa antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan defisit Belanjawan 2021 adalah disebabkan oleh jumlah pemberian dan kenaikan pembayaran tetap sebanyak RM532 juta. Ianya kekal sebagai komponen terbesar mencakupi 58.48% daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Jumlah ini termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Negeri berjumlah RM200 juta pemberian di bawah Program Sosial dan Kesejahteraan Rakyat yang dianggarkan berjumlah RM105 juta. Bayaran kepada Badan-Badan Berkanun, Anak Syarikat, Persatuan dan Agensi Negeri berjumlah RM44.77 juta dan lain-lain perbelanjaan.

Jika diamati sekiranya jumlah yang besar yang saya sebutkan tadi tidak diperuntukan dalam belanjawan 2021 maka kita mampu membentangkan belanjawan lebihan atau *surplus*. Di sini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuktikan komitmen untuk melindungi kebajikan rakyat untuk berhadapan dengan ekonomi yang mencabar. Walaupun Kerajaan Negeri mempunyai pilihan untuk membentangkan belanjawan *surplus* pada tahun 2021, tetapi Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk berbuat demikian dengan kompromi janji-janji yang telah dibuat kepada rakyat Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, belanjawan defisit memang dibentangkan setiap tahun namun Kerajaan Negeri berupaya untuk mendapat lebihan kecuali pada tahun 2018 sahaja.

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, usaha meningkatkan hasil Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai pilihan untuk meningkatkan hasil negeri melalui beberapa kaedah untuk makluman semua kali terakhir kadar cukai tanah di Negeri Pulau Pinang disemak adalah pada tahun 1994 berdasarkan Seksyen 101 Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri boleh menaikkan kadar cukai tanah bagi tempoh setiap 10 tahun tertakluk kepada kelulusan Majlis Tanah Negara. Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang telah membuat kajian berkenaan kenaikan kadar cukai tanah dan sekiranya diluluskan kutipan cukai tanah dianggarkan meningkat sebanyak dua (2) kali ganda. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk meningkatkan hasil negeri dengan mengalihkan beban kewangan negeri kepada rakyat jelata terutama sekali dalam tempoh penularan wabak COVID-19 ini. Kerajaan Negeri sangat prihatin dan berhati-hati agar mana-mana langkah peningkatan hasil yang diambil tidak menyusahkan rakyat. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga terus komited untuk menyediakan bajet yang komprehensif untuk memastikan fungsi jentera kerajaan kekal efisien. Kebajikan rakyat terus terjaga dan pelaksanaan pembangunan negeri dapat diteruskan untuk mencapai visi Penang2030.

Selain daripada itu Kerajaan Negeri sedang giat mengkaji peluang-peluang pelaburan yang ada untuk meningkatkan hasil daripada pelaburan seperti simpanan tetap dan pelaburan dalam pasaran ekuiti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2019, daripada keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan adalah berjumlah RM87.98 juta iaitu 13.3% daripada hasil Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga sedang mencari peluang-peluang pelaburan yang dapat memberi pulangan menarik konsisten dan mempunyai risiko yang minima. Usaha-usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan Negeri ini diharap dapat mengurangkan defisit yang diunjurkan pada tahun depan, namun tidak dinafikan sekiranya hasil negeri tidak mencukupi maka defisit tersebut akan terpaksa dibiayai daripada simpanan terkumpul Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri terpaksa akur dengan kesan krisis pandemik COVID-19 yang akan menyebabkan hasil yang diramalkan mungkin tidak dapat dikutip sepenuhnya. Antara kutipan hasil yang terjejas ialah hasil daripada industri hiburan dan pelancongan. Sebelum krisis kutipan duti hiburan adalah penyumbang tinggi bagi hasil cukai tidak langsung iaitu dengan purata kutipan berjumlah RM16 juta setahun berdasarkan kutipan tiga (3) tahun kebelakangan ini.

Walaupun bagaimanapun berikutan pandemik COVID-19 ini Kerajaan Negeri hanya dapat mengutip sejumlah RM4.76 juta setakat September 2020. Menyedari kebimbangan berhubung bajet defisit yang dibentang setiap tahun akan membawa kepada pengurangan simpanan negeri atau *reserve* sedia ada Kerajaan Negeri akan melaksanakan beberapa langkah segera untuk meningkatkan hasil negeri seperti mengwujudkan hasil baharu melalui pengurusan tanah, antara beberapa strategi yang dirancang adalah seperti berikut:

Strategi satu, pelupusan tanah secara tender pada masa ini pelupusan tanah kerajaan adalah dibuat secara terus kepada pemohon tertentu dengan dikenakan bayaran premium mengikut harga pasaran semasa berpandukan nilai tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Selain kaedah ini turut boleh dipertimbangkan adalah melalui pelupusan tanah secara tender melalui kaedah ini tanah kerajaan akan dilupuskan kepada pembida tertinggi tertakluk pada syarat tanah bagi memaksimumkan dan menjana hasil pulangan yang lebih tinggi kepada Kerajaan Negeri.

Strategi kedua, pemberi milikan tanah industri kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada masa ini terdapat tanah kerajaan yang terjadi hasil daripada aktiviti pengambilan tanah bagi tujuan industri. Tanah Kerajaan ini tidak dilupuskan sehingga pelabur yang sesuai dan berminat mengemukakan permohonan pemberimilikan. Dalam keadaan ini, tanah tersebut adalah *dormant* dan Kerajaan Negeri tidak mendapat sebarang hasil daripada tanah ini. Saya rasa Yang Berhormat Bukit Tambun faham prinsip ini. Mekanisme yang boleh dipertimbangkan adalah tanah Kerajaan bagi tujuan industri ini dilupuskan kepada PDC serta merta. Melalui kaedah ini Kerajaan Negeri akan mendapat pulangan melalui cukai tanah secara konsisten daripada bank tanah ini. Saya tahu CEO PDC ada di sini. Mungkin tak berapa puas hatilah.

Strategi ketiga, Pengkelasan Semula Tanah daripada Tanah Desa Kepada Tanah Bandar. Pembangunan pesat yang berlaku telah mengubah beberapa kawasan desa menjadi maju dan berkembang menjadi bandar. Aktiviti pengkelasan semula tanah desa kepada tanah bandar adalah perlu dan tidak dapat dielakkan lagi bagi kawasan-kawasan yang telah menjadi bandar dan aktiviti ini tidak melibatkan kawasan kampung. Ia meliputi perluasan sempadan bandar sedia ada seperti bandar Bukit Mertajam dan pewujudan bandar baru seperti bandar Bayan Baru. Jika aktiviti pengkelasan ini tidak dilaksanakan, ia merupakan sesuatu yang tidak adil kepada penduduk-penduduk di kawasan bandar yang telah diwartakan. Contoh yang paling ketara adalah bandar Bayan Baru dan Bayan Lepas. Bayan Lepas merupakan tanah bandar manakala Bayan Baru merupakan tanah desa. Bayangkanlah Yang Berhormat Bayan Lepas, Bayan Lepas bandar tetapi Bayan Baru desa. Boleh terima atau tidak. Tak boleh terima. Jadi Bayan Baru ia, Bayan Lepas merupakan tanah bandar manakala Bayan Lepas masih merupakan tanah desa. Sedangkan jika dilihat pembangunan yang berlaku, pembangunan di Bayan Baru melebihi pembangunan di Bayan Lepas. Sungai Dua pun hampir-hampir menjadi bandarlah. Tak mau. Tetapi hakikatnya sudah jadi bandar. Kekhuatiran umum yang wajar diketepikan adalah kenaikan kadar cukai tanah. Dengan pengkelasan ini, pembayar cukai tanah desa akan membayar mengikut kadar cukai tanah bagi tanah bandar yang mana kadar cukai ini tidak berubah dan telah digunakan sejak 26 tahun yang lepas iaitu semenjak tahun 1994. Walaupun semakan cukai tanah boleh dibuat setiap 10 tahun.

Strategi keempat, Tukar Ganti Hak Milik Interim Register (IR) bagi Hak Milik Tidak Terang. Untuk makluman Dewan ini, pada masa ini, kita mendapati bahawa ada perpuluhan ribu hak milik tanah yang belum ditukar kepada hak milik tanah. Berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965. Daripada ribuan hak milik ini, sebahagiannya merupakan hak milik tidak terang iaitu tidak dapat dipastikan pemilikan tanah. Anggaran jangka masa untuk menyiapkan sepenuhnya proses tukar ganti hak milik *Interim Register* ini adalah dijangka di antara tiga (3) hingga lima (5) tahun mengikut kerumitan isu hak milik IR tersebut. Apabila proses tukar ganti hak milik IR bermula berkemungkinan Kerajaan Negeri akan mendapat manfaat dalam bentuk pengembalian tanah kepada pihak Kerajaan melibatkan hak milik tak terang yang mana tanah ini boleh dibuat pelupusan kemudiannya.

Peruntukan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan Dato' Yang Di-Pertua, Kerajaan Negeri ingin merakamkan rasa penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana menyalurkan peruntukan berjumlah RM15.1 juta kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan menangani COVID-19 di negeri kita. Peruntukan sebanyak RM10 juta digunakan untuk membiayai bantuan kepada penjaja dan peniaga kecil serta bantuan pembekalan seperti pelitup muka serta *hand sanitizer* kepada rakyat yang terjejas akibat penularan COVID-19. Sejumlah RM5.0 juta diterima bagi pelaksanaan projek berskala kecil di bawah Pakej Perangsang Ekonomi Atau Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 dan sejumlah RM167,800, 400 lagi bagi bayaran bantuan kepada penarik beca di Negeri Pulau Pinang.

Selain daripada bantuan COVID-19, saban tahun Kerajaan Negeri juga turut menerima beberapa pemberian daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Pemberian Mengikut Bilangan Kepala, Pemberian Perlancongan, Pemberian MARRIS dan lain-lain. Ini semua diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara.

Peruntukan yang diterima setakat September 2020 berjumlah RM241.56 juta. Kerajaan Negeri menghargai dan berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas pemberian ini. Walau bagaimanapun pemberian ini tidak setimpal jika dibandingkan dengan sumbangan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM94.7 billion (6.7%) daripada KDNK Negara pada tahun 2019. atau setiap tahun pun lebih kurang begitu. Pencapaian ini meletakkan Pulau Pinang sebagai negeri keempat (4) tertingi yang menyumbang kepada KDNK Negara. Kerajaan Persekutuan wajar dan harus menilai semula pemberian ini agar setimpal dengan sumbangan Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri ingin memohon sekurang-kurangnya RM1.0 billion setiap tahun dapat disalurkan kepada Pulau Pinang sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan atas prestasi yang cemerlang ini. **(Ahli Dewan**

menepuk meja). Pemberian ini semestinya akan membantu Kerajaan Negeri dalam mengkurangkan difiset belanjawan. Saya percaya setiap Negeri di dalam Persekutuan menghadapi isu yang sama dan Kerajaan Persekutuan perlu memberi pemberian yang dapat membantu setiap negeri mencapai potensi pembangunan negeri-negeri berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, penyaluran peruntukan kepada semua ADUN termasuk ADUN Pembangkang. Dakwaan segelintir ADUN Pembangkang iaitu Yang Berhormat Teluk Bahang bahawa peruntukan Kerajaan Negeri tidak disediakan untuk mereka memberi perkhidmatan kepada rakyat adalah tidak benar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khas berjumlah RM30,000 kepada semua ADUN termasuk Ahli Pembangkang dibawah Pakej Bantuan Khas Penang Lawan Covid-19 bagi tujuan memudahkan pemberian bantuan segera kepada masyarakat setempat berikutan penularan wabak COVID-19. Peruntukan berjumlah RM1.2 juta ini telah disediakan dan diagihkan secara saksama kepada semua 40 Ahli Dewan tanpa mengira parti politik. Ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menggembeng tenaga untuk menghadapi krisis yang dialami dan memastikan rakyat mendapati bantuan dengan segera serta lancar tanpa menghiraukan latar belakang politik.

Selain itu, merujuk kepada empat (4) orang ADUN yang telah menyertai Perikatan Nasional. Kerajaan Negeri pada awal tahun telah menyediakan peruntukan pembangunan P16 berjumlah RM400,000 kepada setiap orang ahli MMK dan RM300,000 seorang ADUN yang lain. Mengikut rekod Yang Berhormat Seberang Jaya telah membelanjakan sebanyak 55% daripada peruntukan tersebut, Yang Berhormat Sungai Acheh sebanyak 95%, walaupun tak sampai setengah tahun, Yang Berhormat Bertam sebanyak 94% cekap jugalah. dan Yang Berhormat Teluk Bahang, ini kurang cekap 38% sahaja. Setakat pertengahan tahun ini.

Walaupun peruntukan beberapa ADUN ini telah hampir habis dibelanjakan, namun bagi memastikan kebajikan penduduk di KADUN terlibat tidak terjejas, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM150,000 kepada ADUN Angkat untuk diuruskan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga meluluskan peruntukan sebanyak RM30,000 kepada keempat-empat ADUN Pembangkang ini untuk perbelanjaan separuh tahun kedua 2020. Serupa dengan tiga (3) Ahli Pembangkang yang sedia ada. Kita puratakan *second half of the year* yang keempat-empat Adun Pembangkang yang baharu itu juga dapat peruntukan seperti mana tiga (3) orang pembangkang yang sedia ada. Jadi ingin ditegaskan bahawa Kerajaan Negeri masih menyalurkan peruntukan kepada ADUN Pembangkang walaupun berlainan parti politik untuk memastikan kebajikan rakyat di KADUN berkaitan sentiasa dijaga dan terpelihara. Ramai *backbencher* ada tanya kepada Ahli-Ahli Pembangkang berapa peruntukan yang diterima oleh Ahli-Ahli Pembangkang daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak ada seorang pun mahu menjawab. Betul. Saya boleh katakan peruntukan yang mereka terima lebih banyak sedikit daripada apa yang *backbencher* terima dari Kerajaan Negeri.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua kerana sudi menyumbang satu (1) bulan gaji secara *one-off*. Seberang Jaya haritu menyatakan Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern telah menyumbang atau potong gaji tetapi sebenarnya ahli EXCO dan Dato' Yang Di-Pertua sendiri telahpun menyumbang gaji *one off* kepada tabung COVID-19 termasuk ADUN, ADUN-ADUN dan ADUN-ADUN Pembangkang juga sepakat dan bersatu hati menyalurkan sebanyak 30% daripada gaji bulanan mereka untuk tujuan yang sama. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, kaedah pembiayaan *Green Financing* melalui *Green Sukuk*. Yang Berhormat Machang Bubuk mencadangkan Kerajaan Negeri mempertimbangkan kaedah pembiayaan *Green Financing* melalui *Green Sukuk* bagi membiayai projek-projek hijau dan lestari yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri dilaksanakan Kerajaan Negeri amat menghargai segala cadangan yang dikemukakan bagi tujuan pembiayaan projek-projek yang akan dilaksanakan kelak. Dalam hal ini, cadangan ini perlu dikaji kesesuaiannya terlebih dahulu. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mencari pembiayaan baharu untuk menampung perbelanjaan negeri.

Mengenai ekonomi Dato' Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Berhormat, apa pun situasi kewangan negeri pada masa hadapan, Kerajaan Negeri komited untuk tetap melaksanakan projek-projek pembangunan berskala kecil, sederhana dan besar yang boleh memacu pemulihan ekonomi Negeri ini. Justeru itu, Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) telah ditubuhkan dan saya pun sudah memberi jawapan pada pagi ini. Cuma saya nak sambung dengan apa yang dilakukan oleh kumpulan kerja yang ditubuhkan. Ada enam (6). Bagi Jawatankuasa Kumpulan Kerja Sektor Industri SMI, SME dan peruncitan. Antara strategi yang telah dirangka adalah termasuk:

- (i) Cadangan mempercepatkan kemudahan bantuan khas atau *Special Relief Fund* (SRF) dan tuntutan balik GST bagi syarikat-syarikat berkaitan kepada golongan usahawan dan pengusaha PKS;
- (ii) Cadangan pemberian insentif subsidi upah kepada pekerja asing;
- (iii) Cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya dengan peluasan skop-skop berkaitan kepada pemain industri;
- (iv) Cadangan untuk mempertimbangkan kelulusan kemasukan perniagaan atau *Professional Visit Pass* (PVP) dalam tempoh dua (2) minggu;
- (v) Cadangan untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan; dan
- (vi) Cadangan untuk mempertimbangkan pengecualian penutupan sektor pembuatan di kilang-kilang di Pulau Pinang sekiranya PKP dilaksanakan semula.

Ke semua permohonan bagi cadangan-cadangan seperti di atas, akan dimajukan kepada kementerian dan jabatan berkenaan. Selain itu, kumpulan kerja ini juga telah mencadangkan supaya:

- (i) Mewujudkan kempen '*Penang Sales*' secara platform digital melalui Digital Penang dalam membantu usahawan PKS dalam meningkatkan penjualan dan permintaan produk;
- (ii) Menetapkan kuota khususnya syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan; dan
- (iii) Cadangan untuk melanjutkan Skim PEKA.

Di bawah Kumpulan Kerja Sektor Pasaran Tenaga Kerja pula, strategi telah dirangka termasuk cadangan memperkasakan peranan Pusat CAT bagi memadankan tenaga kerja dengan pekerjaan yang ditawarkan serta peranan syarikat dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja melalui sistem yang disediakan oleh Pusat CAT dan Jabatan Tenaga Kerja serta melaksanakan program peningkatan kemahiran pekerja dan keperluan menjalankan kajian bagi meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan graduan lepasan universiti. Kumpulan Kerja Sektor Perumahan telah memperkenalkan dua (2) inisiatif iaitu Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign*) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Pulau Pinang 2020 untuk menangani kesan langsung pandemik COVID-19 ke atas sektor pembinaan khususnya perumahan mampu milik.

Kumpulan Kerja Sektor Infrastruktur Dan Pengangkutan pula mencadangkan projek-projek pembangunan yang perlu dilaksanakan termasuk projek PSR dan PTMP, Projek Rangsangan Tebatan Banjir, projek-projek pembangunan di bawah Perbadanan Bekalan Air, PDC, JKR, TNB dan projek perkhidmatan fiber di bawah Kerajaan Tempatan. Kumpulan Kerja Sektor Pelancongan pula telah mencadangkan strategi-strategi pemulihan berkaitan yang akan dilaksanakan melalui tiga (3) fasa iaitu:

Pengurangan Impak;
Pengurangan Krisis; dan
Pemulihan Ekonomi.

Saya percaya Yang Berhormat Paya Terubong sudah pun mengariskan strategi dan langkah-langkah ini. Kumpulan Kerja Sektor Industri Makanan pula memberi tumpuan khusus kepada sekuriti makanan supaya tidak hanya tertumpu mengenai pengeluaran makanan serta cadangan pembangunan Dasar Industri Makanan Dan Pertanian yang lebih komprehensif serta menekan tentang *Spatial Planning*. Berhubung cadangan untuk memperluaskan keanggotaan kaunsel ini kepada wakil *backbenchers* dan wakil pembangkang seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Seberang Jaya. Setakat ini keanggotaan kaunsel ini terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri dan pemain-pemain industri yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran untuk membantu Kerajaan Negeri dalam menangani kelembapan ekonomi pasca COVID-19.

Walau bagaimanapun ke semua Yang Berhormat termasuk wakil *backbenchers* dan pembangkang, dialu-alukan untuk memberi pandangan serta cadangan menerusi Jawatankuasa MMK dan mesyuarat-mesyuarat lain berkaitan ataupun menyalurkan cadangan tersebut melalui pelbagai medium dan kaedah yang bersesuaian untuk diteliti dan dipertimbangkan. Berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Dua, berkenaan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) yang dilihat tidak menyumbang bantuan semasa COVID-19, krisis COVID-19, Kerajaan Negeri ingin menyatakan bahawa kenyataan ini tidak benar memandangkan antara sumbangan yang telah diberikan oleh Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah seperti berikut. Sebagai contoh:

- (i) George Town World Heritage Incorporated melalui projek George Town UNESCO World Heritage Site, *Bracing The New Normal With Cultural Heritage* dengan kos sebanyak RM1.0 juta. Sektor perniagaan tempatan telah dibantu melalui promosi pemasaran digital, pembaikan bangunan warisan dan insentif video warisan;
- (ii) Penang Global Tourism Sdn. Bhd. melaksanakan Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan kepada golongan berkaitan pelancongan dengan jumlah bantuan RM3.053 juta;
- (iii) PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council) - menyediakan 60,000 bekas makanan, 120,000 keping pelekat bekas makanan (*safety seal*) dengan kos RM14,388.00 untuk mengurangkan penggunaan bekas makanan plastik sekali guna akibat peningkatan perkhidmatan penghantaran makanan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- (iv) Penang Science Cluster (PSC) pula mengadakan pelbagai program dan bantuan kepada individu termasuk pelajar dan guru dengan menyediakan *Laptop Loan*, pertandingan *Virtual Open Design Challenge*, *Scratch Coding Competition* dan *Scratch Online Challenge*, pelbagai jenis bengkel, program mentor, *video views of e-Tinker Weekend*, *career talk session* serta 13,000 keping pelindung muka telah didermakan kepada petugas barisan hadapan;
- (v) *Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB)* - mengadakan pelbagai program promosi, pengiklanan, persidangan dan *webinars* kepada *Malaysian Association of Hotels (MAH)* dan *Malaysian Travel, Business Events Products and Services* dan pihak lain dengan melibatkan kos sebanyak RM254,000.00;
- (vi) *PWDC Sdn. Bhd.* – membantu wanita yang terkesan dengan pandemik ini dengan melaksanakan Projek Kuih Raya kepada pembuat kuih wanita dengan kos RM62,000.00;

- (vii) *Penang Tech Centre Bhd.* - menyediakan *COVID-19 Protection Kit* berjumlah RM45,000.00 kepada rumah anak yatim, kanak-kanak dan rumah spastik dan sekolah rendah semasa PKP;
- (viii) *Penang Youth Development Corporation (PYDC)* -membantu 120 mahasiswa/mahasiswi dalam bentuk sumbangan makanan dan minuman pelajar-pelajar anak Pulau Pinang yang menuntut di Universiti Utara Malaysia (UUM) di bawah Kelab Patriot Chapter Pulau Pinang.

Yang Berhormat Bayan Lepas telah mencadangkan supaya peruntukan tambahan khususnya bagi pelaksanaan program, urusan pejabat dan pembangunan infrastruktur diberikan kepada Pegawai Penyelaras di KADUN Sungai Dua, Permatang Berangan dan Penaga. Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM1,500.00 sebulan bagi perbelanjaan mengurus Pusat Khidmat Pegawai berkenaan. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa peruntukan ini adalah memadai buat masa ini. Namun begitu, semakin akan dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan kelancaran perkhidmatan di pusat-pusat khidmat berkaitan. Berhubung dengan permohonan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Mohon penjelasan. Terima kasih Padang Kota. Cuma saya nak jelaskan sedikit tentang apa yang dibangkitkan tadi bahawa Sungai Dua tidak mendapati GLC negeri tidak menyumbang, bukan kepada COVID. Maksud saya kepada zakat, zakat Pulau Pinang. Maknanya dah lama GLC negeri tidak menyumbang kepada zakat Pulau Pinang kecuali GLC di peringkat-peringkat yang lain. Itu maksud saya. Bukan COVID. Terima kasih.

YAB. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Yang Berhormat atas penjelasan tadi. Kita akan ambil maklum. Tetapi di antara banyak syarikat GLC negeri, mereka bukan merupakan syarikat yang boleh mengaut keuntungan, mereka tumpu kepada menjalankan program-program dan membantu Kerajaan Negeri dalam mengubal dasar-dasar. Walau bagaimanapun kalau ada GLC yang mendapat keuntungan, maka kita akan teliti isu berhubung dengan sumbangan zakat ini.

Berhubung dengan permohonan projek-projek pembangunan di bawah RMKe-12, selepas Sesi Libat Urus Penyediaan RMKe-12, 2021 hingga 2025 oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 2 Ogos 2019 yang lalu, Pentadbiran ini telah mengenal pasti cadangan 179 projek yang melibatkan keseluruhan permohonan peruntukan berjumlah RM28 bilion untuk dipohon di bawah RMK-12. Cadangan projek tersebut telah dikemukakan kepada semua kementerian berkaitan pada 28 Februari tahun ini. Selain itu, saya sendiri telah menyusuli perkara ini dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 8 Ogos 2020 agar Kerajaan Persekutuan dapat meneliti dan mempertimbangkan permohonan RMKe-12 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kepentingan bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan, berhubung dengan *Penang South Reclamation (PSR)*, *Penang Transport Master Plan (PTMP)* dan *Penang Hill Cable Car*. Dengan usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membangunkan rangkaian pengangkutan negeri, Kerajaan Negeri akan dapat mencapai pertumbuhan inklusif dan mengimbangi jurang sosio-ekonomi antara dua (2) daerah di utara dan selatan Pulau supaya generasi akan datang, anak-anak kita, cucu-cicit kita dapat menikmati prospek kemajuan yang lebih cerah untuk memperbaiki kehidupan mereka. Oleh itu, kami percaya bahawa masa depan negeri ini bergantung juga kepada projek-projek mega ini dan projek-projek ini akan menjadi produk transformasi yang penting untuk pertumbuhan yang sangat kompetitif dan memperkenalkan Pulau Pinang ke peringkat antarabangsa sebagai Negeri Pintar dalam dekad yang akan datang. Malah projek-projek ini juga akan menjadikan negeri kita setanding dengan Lembah Klang terutamanya dalam sektor pengangkutan. Manakala, projek PSR akan memberi peluang kepada negeri kita untuk terus berkembang dan membina reputasinya

sebagai pusat kecemerlangan untuk menarik bakat-bakat terbaik, di mana revolusi digital selaras dengan IR 4.0, pelaburan dalam bidang baharu meningkat dan merealisasikan impian untuk keluarga hidup di dalam persekitaran yang bersih dan hijau, selamat serta memiliki peluang pendidikan dan pekerjaan. Projek-projek ini akan membolehkan negeri kita mencapai ekonomi yang berdaya tahan dan memberangsangkan terutamanya keadaan negeri, negara serta global yang telah mengalami krisis ekonomi akibat pandemik wabak COVID-19.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan Negeri kini sedang menyusuli tindakan untuk menerbitkan bon bagi membiayai projek LRT. Bagi tujuan ini, saya telah kemukakan surat kepada Perdana Menteri, YAB. Tan Sri Muhyiddin serta persetujuan kepada berkenaan surat persetujuan kepada Kerajaan Negeri untuk cadangan penerbitan bon dengan jaminan Kerajaan Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1 Oktober 2019 dan kami masih menunggu maklum balas berhubung perkara ini.

Kerajaan Negeri berpendapat bahawa oleh kerana persetujuan awal telah diberikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu. Maka, persetujuan tersebut sepatutnya terus terpakai dan tidak sepatutnya terikat dengan politik kepartian. Ini adalah kerana projek ini adalah untuk kesejahteraan dan pembangunan, bukan sahaja kepada Pulau Pinang tetapi juga kepada negeri-negeri di mana projek ini boleh meyumbang kepada perkembangan dan pemulihan ekonomi terutamanya dalam tempoh pasca COVID-19. Malah, lanjutan daripada saranan dan nasihat Perdana Menteri ketika itu selaku Kerajaan Persekutuan melalui surat bertarikh 1 Oktober 2019. Sebuah *special purpose vehicle* iaitu *Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.* telah ditubuhkan pada 9 Julai 2020 bagi menguruskan projek PTMP dan PSR serta penerbitan bon atau skop. Kerajaan Negeri juga pernah memohon peruntukan untuk pembinaan Bayan Lepas LRT melalui RMKe-12 kepada Kementerian Pengangkutan pada 27 Februari tahun ini. Namun pihak MOT melalui surat 17 Jun telah menolak permohonan tersebut dan Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif semula dengan mengemukakan rayuan bagi permohonan tersebut pada 20 Julai yang juga masih menunggu maklum balas daripada pihak Kementerian Pengangkutan.

Berkenaan peruntukan sejumlah RM100 juta bagi projek *Penang Hill Cable Car* sebelum ini yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 pada bulan Oktober tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 3 April tahun ini telah menyatakan bahawa permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan daripada pihak kementerian dan tidak dapat diteruskan. Justeru, saya juga telah kemukakan rayuan pada 10 Jun kepada pihak MOF bagi meneliti dan menimbang semula permohonan peruntukan bagi cadangan pelaksanaan Projek *Penang Hill Cable Car* dan tiada maklum balas yang diterima sehingga kini. Bukit Bendera sentiasa dihasratkan sebagai destinasi pelancongan serantau bernilai tinggi. Justeru, pelaksanaan projek *cable car* ini perlu diteruskan sebagai salah satu tarikan pelancongan ikonik tambahan di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri kini amat berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat mengeluarkan surat jaminan Kerajaan Persekutuan atau meluluskan peruntukan melalui RMK bagi pembiayaan projek PTMP khasnya bagi pelaksanaan projek LRT dan *Penang Hill Cable Car*. Adalah ditegaskan di sini, tanggungjawab pembinaan infrastruktur seperti PTMP dan Sistem Pengangkutan Awam sebenarnya di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, malah Kerajaan Negeri yakin bahawa berdasarkan sumbangan KDNK Negeri Pulau Pinang kepada Negeri Pulau Pinang layak mendapat peruntukan dari Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembinaan projek LRT.

Projek-projek utama infrastruktur ini amat penting untuk kita terus menerajui negeri dan negara dalam meraihkan lebih banyak pelaburan FDI daripada sektor E&E terutamanya untuk bersaing dengan negara jiran seperti Vietnam dan Thailand. Usaha ini akan meningkatkan GDP Malaysia di samping menjadikan Malaysia sebagai *powerhouse* untuk sektor E&E. Bagi tujuan pencapaian ini peruntukan pembangunan projek LRT Pulau Pinang yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan infrastruktur ini perlu diutamakan.

Tambahan pula dengan peruntukan pembangunan LRT berjumlah RM10 billion adalah dijangkakan Pulau Pinang dapat mengekalkan bajet lebihan bagi projek PSR iaitu disekitar RM30 billion bagi tempoh 25 tahun akan datang. Lebihan fiskal ini akan membolehkan Kerajaan Negeri untuk memberi keutamaan kepada pembangunan projek-projek sosial termasuk pengangkutan awam yang lain untuk rakyat, pembinaan dan pembangunan jalanraya sedia ada serta penyelenggaraan dan pembinaan Rumah Mampu Milik dan lain-lain lagi.

Oleh itu, hasil daripada pelaburan infrastruktur ini, Pulau Pinang akan menjadi sebuah pusat global utama dalam bidang E&E termasuk penggunaan teknologi seperti *Internet Of Things*, *Artificial Intelligence*, *IR 4.0* dan yang berkaitan. Tambahan pula dengan dibantu aktiviti ekonomi Pulau Pinang sedia ada serta sektor pelancongan dan pelancongan perubatan termasuk pembangunan sektor perkhidmatan akan membolehkan negeri kita memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan KDNK Malaysia secara keseluruhannya.

Kejayaan pembangunan ekonomi ini juga akan menjadi pemangkin untuk mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi bagi pekerjaan kolar biru dan putih terutamanya di kawasan Koridor Pembangunan Utara khasnya rakyat Kedah, Utara Perak dan juga Perlis. Ia juga akan menghalang bakat-bakat kelahiran Malaysia yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang tinggi dari berhijrah ke Singapura apabila mereka kembali bagi mengisi pekerjaan bernilai tinggi di Koridor Utara. Tarikan ini juga boleh menyebabkan pendapatan percukaian dari pembangunan ekonomi akan disumbangkan kepada Kerajaan Persekutuan pada masa depan.

Demi kepentingan pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri yakin satu persefahaman boleh dicapai bersama Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam dan kesesakan jalanraya di Negeri Pulau Pinang demi kebaikan rakyat serta kelestarian ekonomi negeri kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Mempercepatkan Program Penyampaian Dan Revolusi Institusi di bawah Visi Penang 2030 (*Accelerate Programme Delivery And Institutional Reform*). Semasa kita membincang kebimbangan yang timbul dari krisis dihadapi dalam ekonomi, kesihatan awam dan politik persekutuan. Kita di Negeri Pulau Pinang akan terus mengawasi dan tidak lupa merancang kesejahteraan masa depan Pulau Pinang. Cabaran yang dilalui pada beberapa tahun kebelakangan ini memberi kita petunjuk yang baik tentang bagaimana untuk memberi keutamaan terhadap matlamat kita yang pelbagai. Setakat ini, sebagai tindakbalas jangka masa sederhana, usaha Kerajaan Negeri dapat dicerminkan dalam rombakan portfolio MMK yang dilakukan pada bulan lalu di mana Kerajaan Negeri telah membuat inovasi utama berikut:

- Portfolio Pembangunan Tanah dan Ekonomi diletakkan di bawah tanggungjawab Ketua Menteri. Ini berikutan hal ehwal ekonomi samada untuk jangka pendek, sederhana atau jangka panjang adalah merupakan keutamaan. Justeru, ianya diletakkan di bawah Ketua Menteri di peringkat yang lebih makro.
- Portfolio Pembangunan Sosial juga telah diwujudkan untuk meningkatkan sinergi dalam usaha kita membangunkan Pulau Pinang kearah menjadi masyarakat yang inklusif, progresif dan penyayang.
- Berhubung dengan masalah gender, saya percaya kita sekarang telah sampai ketitik kritikal di mana kita harus lebih agresif dalam mencapai matlamat kita untuk mengarus utamakan kesetaraan gender sebagai prinsip pemerintahan dan pengurusan. Portfolio ini diletakkan di bawah Yang Berhormat Padang Lalang.
- Portfolio Ekonomi Kreatif telah diwujudkan sebagai tindak balas kepada kebimbangan yang diluahkan oleh masyarakat umum sekiranya fokus berlebihan diberikan ke atas sektor pelancongan utama sehingga mengenetepikan industri yang berkait rapat dengan budaya dan kesenian. Inisiatif ini juga bertujuan untuk membantu para

penggiat seni yang unik di Pulau Pinang serta usahawan muda yang inovatif untuk bertahan dalam krisis ekonomi yang dihadapi pada masa ini. Pendekatan yang diperlukan untuk menghidupkan kembali pelancongan dan pendekatan yang diperlukan untuk...maaf, untuk menghidupkan ekonomi kreatif adalah sangat berbeza. Oleh itu, langkah ini dianggap perlu dan Portfolio Agrotech dan Sekuriti Makanan diwujudkan untuk menyoroti perlunya Pulau Pinang merangkul teknologi dalam mengembangkan sektor pertanian dan akuakultur kita. Kerajaan Negeri membayangkan sektor ini menjadi enjin pertumbuhan untuk Pulau Pinang dalam masa terdekat.

Walaupun kita telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk meringankan penderitaan rakyat secara langsung, kita tidak boleh melupakan tujuan jangka panjang kita. Untuk Visi Penang2030, saya percaya bahawa tujuan mempercepatkan penyampaian program dan reformasi institusi harus diutamakan.

Selain dari rombakan portfolio MMK, saya juga merasionalisasikan Sekretariat MMK dan mengarus utamakan maklumat Penang2030 ke dalam bidang tugas mereka. Untuk meningkatkan pembuatan dasar-dasar berlandaskan bukti atau *evidence-based policy making* serta meningkatkan keupayaan kerajaan untuk memantau pelaksanaan polisi. *Penang Institute* telah ditugaskan untuk mengadakan perbincangan dengan lebih mendalam dengan barisan Ahli MMK. Saya menjangkakan lebih banyak dasar dapat diselaraskan dengan perspektif yang lebih mendatar akan terhasil dari inovasi ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan. COVID-19. Bagi menjawab soalan YB. ADUN Pengkalan Kota mengenai hala tuju dan tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaksanaan SOP pandemik COVID-19 dipatuhi. Pada masa ini, aspek pemantuan dan penguatkuasaan SOP PKPP dilaksanakan oleh PDRM, Jabatan Kesihatan Negeri, Angkatan Tentera Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan serta lain-lain agensi yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia di bawah Akta 342. Tindakan kompaun dan penutupan premis kepada pemilik premis dan individu yang ingkar telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa selaras dengan peningkatan kes-kes jangkitan di negara ini.

Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri COVID-19 yang diurusetia oleh MKN Negeri Pulau Pinang sehingga kini telah melaksanakan sebanyak 14 kali mesyuarat berkaitan bagi mendapatkan taklimat mengenai aspek penguatkuasaan SOP PKPP dalam kalangan agensi-agensi yang diberi kuasa. Arahan telah dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui platform mesyuarat ini, kepada semua agensi yang terlibat untuk terus melaksanakan dan mengambil tindakan tegas dalam menguatkuasakan SOP PKPP di lapangan. Pada masa sama, Kerajaan Negeri terus bekerjasama erat dengan semua pihak khususnya agensi kesihatan dan keselamatan bagi bersama-sama memutuskan rantai pandemik COVID-19.

Selain mesyuarat JKKN yang dipengerusikan oleh saya sendiri, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, turut mengambil kepelbagaian pendekatan dalam memastikan pematuhan SOP bukan hanya di institusi-institusi kerajaan serta anak-anak syarikat berkaitan, malah juga premis-premis, lokasi-lokasi pelancongan, pusat-pusat membeli-belah dan lain-lain. Penguatkuasaan diteruskan dan pemantauan terus dijalankan dari semasa ke semasa tanpa kompromi demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang secara menyeluruh.

Sehingga 18 Oktober 2020, Negeri Pulau Pinang telah melaporkan sejumlah 399 kes daripada Kluster Penjara Reman, dan 72 kes daripada Kluster Penjara Seberang Perai di Jawi. Sebagai langkah menghadapi peningkatan kes positif di dalam fasiliti tahanan iaitu penjara, langkah pencegahan dan kawalan telah dibuat termasuk tahanan baharu dan tahanan lama, mestilah diasingkan bagi mengelakkan kemungkinan mereka saling menjangkiti.

Oleh yang demikian, Penjara perlu menyediakan kawasan atau tempat transit bagi tahanan kemasukan baharu ke Penjara. Tahanan baharu ini, perlu ditempatkan di tempat transit untuk tempoh sekurang-kurangnya 14 hari, dan disaring sebelum dimasukkan ke sel tahanan selanjutnya, setelah disahkan bebas daripada jangkitan COVID-19.

Bagi tahanan positif COVID-19 mereka diasingkan, dan Penjara perlu menyediakan pusat rawatan risiko rendah untuk pesakit yang tidak memerlukan rawatan lanjut di hospital. Bagi anggota penjara, mereka perlu mengamalkan dan mematuhi SOP dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh KKM seperti memakai pelitup muka pada setiap masa, kerap cuci tangan dan menjaga penjarakan fizikal; dan pelawat juga telah tidak diterima dan dihadkan kecuali bagi kes-kes tertentu.

Di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit, semasa tempoh penularan COVID-19 ini, Kerajaan Persekutuan adalah satu-satunya agensi penguatkuasa atau pihak berkuasa yang boleh menguatkuasa undang-undang ini, dan bukannya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Selain itu, di bawah Perlembagaan termaktub Kerajaan Negeri perlu mematuhi undang-undang persekutuan dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mungkin menjejaskan atau bercanggah dengan perintah tertentu persekutuan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri menghormati peruntukan undang-undang yang memberi punca kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan PKP/PKPB bagi zon merah yang mempunyai bilangan kes COVID-19 yang tinggi.

Pembangunan Tanah. Berhubung dengan permohonan Yang Berhormat Pantai Jerejak, supaya tanah-tanah reja PDC diberi kelonggaran kepada penduduk setempat untuk berniaga, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan permohonan sewaan tanah secara sementara sekiranya usaha panggilan tender bagi tanah tersebut tidak dapat sambutan. Sebagai makluman, penawaran sewaan sementara bagi tanah reja di Bayan Baru, telah dibuat selama enam (6) bulan. Namun yang demikian, tiada sebarang permohonan diterima daripada orang awam.

Berhubung permohonan Yang Berhormat Bukit Tengah, supaya Kerajaan Negeri tidak memperbaharui permit kuari di Bukit Juru. Hasil semakan dengan Pejabat Daerah dan Tanah, SPT mendapati bahawa (Permit 4C) ini bagi kuari di Bukit Juru, masih aktif dan akan tamat pada 31 Disember tahun ini. Proses bagi memperbaharui Permit 4C ini, perlu melalui beberapa peringkat.

Pertama sekali, pihak kuari perlu membuat permohonan pembaharuan Permit 4C di Pejabat Daerah dan Tanah, kemudian pihak Pejabat Daerah dan Tanah akan memproses permohonan tersebut dengan memohon ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Mineral dan Geosains, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Jabatan Alam Sekitar, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kertas pertimbangan kemudiannya akan dihantar ke Pejabat Tanah dan Galian, untuk diangkat bagi pertimbangan Jawatankuasa Pengeluaran Bahan Batuan Negeri bersama syor Pentadbir Tanah.

Permohonan ini seterusnya, akan diangkat untuk pertimbangan *Land Committee* dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa Negeri boleh mempertimbangkan untuk menolak permohonan bagi memperbaharui Permit 4C kuari di Bukit Juru, di mesyuarat MMK sekiranya mendapati tiada kesesuaian untuk aktiviti kuari di kawasan tersebut dengan mengambil kira ulasan daripada jabatan-jabatan teknikal dan syor daripada Pentadbir Tanah, Jawatankuasa Bahan Batuan dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri.

Seterusnya, Yang Berhormat Sungai Dua telah membangkitkan mengenai penjaan hasil Kerajaan Negeri melalui cukai tanah, penggunaan tanah yang optimum akan membebaskan rakyat. Pembayaran sewa yang dikenakan kepada pemilik tanah adalah sebagai balasan kepada Kerajaan Negeri ke atas tanah yang diberimilik untuk selamanya atau satu tempoh beberapa tahun selaras dengan peruntukan Sekyen 76 Kanun

Tanah Negara. Penyemakan sewa hendaklah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri setiap 10 tahun dari tarikh semakan terakhir dibuat.

Walau bagaimanapun, semakan sewa terakhir di Pulau Pinang dibuat pada tahun 94, dan rakyat negeri ini telah membayar sewa dengan kadar yang sama selama 26 tahun walaupun nilai hartanah yang dimiliki bertambah setiap tahun. Oleh itu, pembayaran sewa ini, tidak membebankan rakyat negeri ini disebabkan sewa yang dikenakan adalah sama bagi jangka masa yang panjang.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Batu Uban, supaya Kerajaan Negeri berikan tempoh pajakan lebih panjang bagi memudahkan remaja untuk terlibat dengan pertanian. Berdasarkan peruntukan di bawah seksyen yang sama, Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri boleh melupuskan tanah kerajaan secara pemberimilikan bagi tempoh selama 30, 60 ataupun 99 tahun.

Secara kebiasaannya, Pihak Berkuasa Negeri tiada halangan untuk membenarkan pegangan tanah pertanian sehingga maksimum 99 tahun. Namun, tempoh pemberimilikan turut mempengaruhi bayaran premium bagi tanah yang diberimilik. Lebih lama tempoh pemberimilikan, bermaksud lebih tinggi nilai premium yang dikenakan.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Air Putih, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah RM300,000.00 bagi pelaksanaan program-program berkaitan agama bukan Islam di negeri ini, seperti yang dinyatakan dalam ucapan Belanjawan 2021. Selain itu, sejumlah RM5 juta juga disediakan untuk tujuan pemberian kepada rumah ibadat dan persatuan berkaitan hal ehwal agama bukan Islam. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak meminggirkan mana-mana agama dalam menyediakan Belanjawan negeri ini.

Selain daripada peruntukan pemberian dan program ini, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM9.2 juta, bagi menyediakan segala infrastruktur asas untuk membangunkan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam di tapak RIBI Ampang Jajar. Pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), telah dilantik sebagai agensi pelaksana untuk pembangunan ini. Sejumlah 9.4 ekar tanah telah disediakan, bagi membolehkan penempatan 31 plot RIBI dan 2 plot utiliti. Ini menunjukkan kesungguhan pihak Kerajaan Negeri dalam membantu penempatan tapak-tapak RIBI di lapangan.

Dato' Yang di-Pertua, mengenai PDC, Yang Berhormat Bukit Tambun ada bertanyakan sama ada PDC akan membekalkan tanah industri yang mencukupi untuk menggalakkan pelaburan di negeri ini. Sebagai makluman, PDC sebagai agensi utama Kerajaan Negeri, bertanggungjawab untuk menerajui pertumbuhan sosio-ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Setakat bulan Oktober tahun ini, bekalan tanah industri adalah lebih kurang 481 ekar iaitu Taman Industri Batu Kawan (sebanyak 258 ekar), *Penang Science Park* (sebanyak 26 ekar), *Penang Science Park North* (sebanyak 167 ekar).

Selain itu, kawasan di Batu Kawan Industrial Park 2 yang berkeluasan 1,156 ekar, telah dikenal pasti sebagai tapak industri PDC yang baru, bagi menarik pelaburan tempatan dan asing. PDC juga bercadang untuk membina jambatan baru merentasi Sungai Tengah, yang akan menghubungkan Batu Kawan ke Byram, sebagaimana menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Jawi.

Yang Berhormat Air Putih juga, telah bertanyakan mengenai kedudukan pinjaman RM1.5 bilion daripada CIMB untuk membuka tanah industri baru. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemudahan pinjaman PDC dengan CIMB Bank Bhd berjumlah RM1.5 bilion adalah terdiri daripada kemudahan pinjaman Kredit Tidar atau *Revolving Credit* dan kemudahan pinjaman berjangka atau *term loan*, masing-masing berjumlah RM0.5 bilion dan rm1.0 bilion.

Sehingga 13 Oktober, jumlah keseluruhan pengeluaran pinjaman PDC bagi kedua-dua pinjaman RC dan *term loan* ini adalah berjumlah RM551 juta. Daripada jumlah ini, pengeluaran pinjaman sebanyak RM530 juta, adalah untuk tujuan membuka tanah industri

baru iaitu RM501 juta untuk tujuan pengambilan tanah terutamanya di Timur Batu Kawan, dan Changkat Byram dan RM36 juta untuk tujuan kerja-kerja infrastruktur di Batu Kawan, *Bukit Minyak Industrial Park* dan *Penang Science Park North*. Manakala baki pengeluaran berjumlah RM14 juta, adalah untuk pembiayaan modal kerja. Jumlah yang telah dijelaskan PDC kepada CIMB sehingga 13 Oktober adalah berjumlah RM38 juta, menjadikan baki pinjaman sekarang adalah RM513 juta. Baki kemudahan pinjaman yang boleh digunakan adalah berjumlah RM949 juta.

Untuk makluman Dewan Yang mulia ini, Kerajaan Negeri pada mulanya telah menyediakan pinjaman kepada PDC berjumlah RM679 juta, untuk digunakan bagi tujuan pengambilan tanah dan pembangunan infrastruktur, sementara pihak PDC mendapatkan pembiayaan dari sumber yang lain. Setelah berjaya mendapat pembiayaan tersebut, pihak PDC telah berjaya membayar balik pinjaman Kerajaan Negeri, berjumlah RM277.71 juta daripada RM380.35 juta pinjaman yang dikeluarkan. Bayaran balik pinjaman ini juga telah membantu Kerajaan Negeri dalam meningkatkan semula rizab terkumpul negeri.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Jawi sama ada PDC merancang untuk membina kilang-kilang bersaiz medium untuk disewakan kepada pengusaha kilang yang kurang berkemampuan untuk membeli, khususnya bagi pengilang perabot. Antara usaha-usaha yang telah diambil oleh PDC dalam membantu pengusaha kilang yang kurang berkemampuan untuk membeli premis sendiri adalah seperti berikut:

- (i) Membina sebuah bangunan 4 tingkat di Fasa 4, Taman Perindustrian Bayan Lepas yang dikenali sebagai *Penang SME Centre* yang bertujuan sebagai pusat inkubasi dan menyediakan ruang kilang kepada pengusaha-pengusaha IKS yang tidak mampu milik premis sendiri. Subsidi sewa yang diberikan dapat mengurangkan beban kos perniagaan dan meningkatkan daya saing IKS.
- (ii) Membangunkan projek *SME Village* di atas tanah seluas 150 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan dengan menyediakan unit-unit kilang siap bina dan plot-plot tanah berkeluasan kecil bagi menampung permintaan daripada pengusaha IKS. Skim sewa beli juga telah diperkenalkan di bawah Fasa 4A (yang merangkumi 20 unit kilang berkembar 2 tingkat) untuk membantu pengusaha IKS tempatan yang kurang berkemampuan dan mengalami kesusahan untuk mendapat pembiayaan kewangan daripada bank;
- (iii) Skim penyewaan juga disediakan untuk unit-unit kilang kecil dan sederhana yang sedia ada di Taman Perindustrian Bayan Lepas, Bukit Minyak dan Bukit Tengah.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Jawi untuk menamakan Batu Kawan Industri Park 2 (BKP 2) sebagai Taman Industri Byram atau *Byram Industry Park*. Sejak 10 tahun yang lalu. Taman Perindustrian Batu Kawan telah menjadi jenama antarabangsa dan lokasi pilihan utama kepada pelabur asing. Ini dapat dibuktikan dengan kehadiran syarikat terkemuka seperti *Lam Research, Dexcom, Smith & Nephew, Jabil, Micron, Hotayi, Boston Scientific* dan lain-lain lagi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri perlu mengambil peluang ini untuk terus memasarkan kawasan industri yang dirancang di Byram sebagai BKIP2 iaitu sebagai *extension* kepada kawasan BKIP yang sedia ada. Ini sekaligus merencanakan pembangunan industri dan menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan syarikat tempatan dan antarabangsa walaupun bersaing rapat dengan negeri-negeri yang lain seperti Selangor, Johor dan Kedah. Tapi saya boleh maklumkan yang kita sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan akan melihat cadangan Yang Berhormat kemudian.

Bagi soalan dari Yang Berhormat Bukit Tambun sama ada PDC memiliki perancangan ke atas kompleks pasar dan penjaja di Batu Kawan. PDC telahpun mengenal pasti satu tapak seluas tujuh (7) ekar di Bandar Cassia, Batu Kawan bagi tujuan pembinaan sebuah Kompleks Pasar dan Penjaja. Kini PDC dalam proses untuk kemukakan Pelan Kebenaran Merancang kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang dijangka pada suku tahun pertama 2021.

Bagi isu UTC KOMTAR yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat KOMTAR. PDC telah menyediakan segala kemudahan infrastruktur ICT semasa menubuhkan UTC KOMTAR. Semua agensi yang ditempatkan dalam UTC KOMTAR perlu memastikan sistem berjalan dengan lancar agar urusan rakyat dipermudahkan. Selain itu, disarankan juga agensi yang banyak berurusan dengan rakyat seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menempatkan satu pejabat di UTC KOMTAR. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan pengenaan kadar sewaan yang bersesuaian dan berpatutan bagi menarik penyewa-penyewa bagi unit kosong milik PDC di KOMTAR. Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk memastikan capaian jaringan internet di KOMTAR adalah baik untuk kemudahan orang ramai dan pengunjung di KOMTAR. Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan beberapa cadangan yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan semula KOMTAR Walk.

Undang-undang Anti Lompat Parti. Dato' Yang di-Pertua, saya percaya banyak sudah diperbahaskan tentang isu ini dan saya tidak cadang untuk mengulanginya tetapi cuma satu perkara sebenarnya di dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang ada beberapa keadaan di mana ahli-ahli boleh hilang kelayakan bukan sekadar lompat parti sahaja tetapi ada dua tiga perkara dalam perlembagaan memperuntukan kerusi-kerusi ahli boleh dikosongkan *shall be relocated* sebenarnya apabila ini berlaku ia sepatutnya secara automatik dikosongkan tetapi pihak Kerajaan Negeri memilih untuk membawa satu usul kerana kita mahu mengamalkan proses demokrasi yang sihat dan memberi peluang kepada ahli-ahli untuk membahas isu berkenaan sebelum satu keputusan di buat.

Mengenai PBAPP iaitu berhubung dengan pelantikan pengarah bukan eksekutif Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang, Yang Berbahagian Dato' Sr. Kuvenaraju a/l Pachappen. Beliau berperanan untuk memperkukuhkan pentadbiran PBAPP termasuk mengkaji semula polisi dan prosedur operasi sedia ada. Memperkukuhkan struktur kawasan dalaman dengan memastikan sistem semak dan imbang, *check and balance* perancangan penggantian iaitu mengenal pasti pengganti yang sesuai untuk jawatan-jawatan penting dan tugas-tugas penyeliaan jabatan. Peranan beliau ini merupakan pelengkap kepada tugas-tugas Ketua Pegawai Eksekutif dan dalam masa yang sama boleh memberi ruang dan masa yang lebih kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk memfokuskan tugasnya ke atas hal operasi penyaluran bekalan air kepada rakyat yang amat mustahak dengan pelbagai cabaran seperti pencarian sumber air yang baharu, kekurangan jumlah air sedia ada, pencemaran sungai, sumber air, pelaksanaan projek-projek air dan bermacam-macam lagi. Kita mendapati ada pihak yang cuma membangkitkan perkara ini dengan mengeruh keadaan dengan menyatakan kerugian PBAPP bagi tahun 2018 berjumlah RM103 juta. Sebenarnya perkara ini ada penjelasannya dalam laporan tahunan 2018 PBA. Sekiranya pengamal media tekun sedikit dia boleh dapat jawapan mengapa pada tahun berkenaan PBA mencatatkan satu kerugian sehingga 103 juta ringgit alasannya adalah seperti berikut.

Pada tahun 2018 bulan Disember Menteri Kewangan telah mengubah Akta Kewangan 2018 di Parlimen yang tidak membenarkan mana-mana syarikat untuk *carry forward reinvestment tax* elaun melebihi tujuh (7) tahun berturut-turut. Sebelum ada akta ini tidak ada had masa untuk syarikat boleh menuntut *reinvestment tax allowance* di mana mereka tidak perlu membayar cukai-cukai. Bagi PBA adalah sebuah syarikat yang mempunyai *reinvestment tax allowance* yang begitu besar sebab Capac PBAPP itu pada setiap tahun adalah amat besar untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur sepertimana yang saya katakan tadi. Sebenarnya PBA ada RM614 juta dalam nilai *reinvestment tax allowance* yang boleh kita dapat elaun *tax exemption* setiap tahun untuk banyak tahun tetapi ekor dari *finance act* 2018 ini yang menghadkan kepada tujuh tahun sahaja maka dari beberapa juta ringgit *reinvestment tax allowance* yang boleh dituntut sebelum akta ini kita semua boleh menuntut RM28.6 juta. Jadi bagi bakinya ianya perlu dihapuskan.

Jadi dengan tindakan ini pada tahun 2018, kita mencatatkan satu kerugian tepu RM103.43 juta kerana perlu dihapuskan dalam bentuk elaun *reinvestment tax* kerana undang-undang yang baharu ini dan tidak langsung berkaitan dengan operasi PBA. Sebenarnya bagi operasi tahun berkenaan PBA mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM36 juta seperti tahun-tahun sebelum ini. Sebagai amalan yang biasa, kita catat keuntungan dalam lingkungan RM30 hingga 40 lebih juta setiap tahun. Jadi, itulah keterangan yang saya ingin berikan berhubung dengan isu PBA.

Dato' Yang di-Pertua, ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Mohon penjelasan. Terima Yang Berhormat Padang Kota. Jadi terangkan bahawa pelantikan tersebut menjurus ke arah untuk penambahbaikan dalam PBA itu sendiri. Adakah pegawai-pegawai ataupun lantikan yang ada sekarang ini tidak mencukupi keberkesanan menguruskan PBA itu sendiri walaupun kita tahu PBA tidak ada masalah dari segi air putus ataupun walaupun diterangkan tadi dengan mencari sumber baru. Adakah ketidak kecekapan pegawai yang sedia ada terpaksa membuat pelantikan ini?

YAB. Ketua Menteri:

Sebenarnya dari tahun ke tahun PBA ada melantik juru perunding luar untuk melakukan kajian tentang pentadbiran kewangan dan operasi dari semasa ke semasa. Jadi, dengan pelantikan ini sebenarnya kita tidak perlu melantik perunding yang luar tetapi dengan penama ini beliau sebenarnya boleh melakukan sepenuh masa kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan oleh juru perunding luar yang mungkin tidak akan menggunakan masa sepenuh untuk mencapai apa yang dinyatakan dalam *term or reference*.

Setakat ini lembaga puas hati dengan beberapa tindakan yang dapat dicapai oleh penama yang dapat menjimat kewangan dan menghalusi prosedur-prosedur yang kita hadapi kekangan sebelum ini dan lantikan ini adalah untuk dua (2) tahun dan kita harap dalam dua (2) tahun ini di mana CEO pun akan bersara dari segi *subsection planning* atau pegawai ini dapat menyempurnakan perancangan tentang *subsection planning* supaya PBA dapat kesinambungan dari segi pengurusan PBA sebagai sebuah pengusaha air yang berprestasi tinggi di kalangan syarikat-syarikat pengusaha air di negara ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Nor):

Tambahan, jadi apa yang menjadi persoalan, dalam bila kita melantik seorang *non-executive board* ya, untuk kita berada bersama-sama dengan pengurusan ini yang satu yang menjadi masalah ia bersama duduk dalam pengurusan. Dia sebagai orang yang mengawal ataupun yang mencari, membuat satu kajian, saya ingat dia tak payah duduk dalam, dalam barisan pengurusan, satu.

Kedua, adakah sebelum ini kita ada lantikan yang sebegini untuk mengawasi kerja-kerja ini dan adakah dibentangkan setiap kajian ataupun hasil yang dia dapat itu kepada pihak *board* untuk dibuat analisa dan juga keputusan?

YAB. Ketua Menteri:

Memang dalam setiap mesyuarat lembaga Yang Berbahagia Dato' Kuvenaraju membentangkan hasil. Hasil daripada kerja-kerja yang dilakukan dalam tempoh berkenaan' oleh itu saya katakan tadi Lembaga puas hati dengan hasilan itu, di mana tindakan-tindakan sewajarnya boleh dilakukan untuk memperkemaskan lagi operasi yang ada kelemahan dan sebenarnya Yang Berbahagia Dato' Kuvenaraju bukan orang yang asing bagi PBA sebab beliau sudahpun berkhidmat sebagai Pengarah dalam syarikat ini buat beberapa tahun sebelum Lembaga menerima cadangan daripada jawatankuasa-jawatankuasa untuk lantikan ini dan kita berharap dalam tempoh dua (2) tahun ini, beliau dapat mencapai matlamat ataupun tanggungjawab yang digariskan dalam lantikan berkenaan.

Dalam kesempatan ini Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua barisan yang Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri serta Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, sektor swasta dan seluruh rakyat negeri ini yang selama ini bersama-sama mendokong aspirasi Kerajaan Negeri dan membolehkan kejayaan demi kejayaan dikecapi bersama.

Akhir kata, saya juga ingin menyeru kepada seluruh rakyat di negeri ini agar sentiasa bersatu padu, berganding bahu dan hormat menghormati di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Sesungguhnya keharmonian yang dikecapi oleh rakyat ketika ini sangat mahal harganya dan wajib dipertahankan sampai bila-bila.

Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. (**Ahli Dewan menepuk meja**).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telahpun menyertai dalam sesi penggulungan dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak tangguhkan Dewan terlebih dahulu dan kita bersambung balik dua suku nanti, 2:15 nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.35 tengah hari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.15 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, okey kita bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah selesai sesi penggulungan, maka Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2021 dibacakan bagi kali Yang Kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya"

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Ya lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telahpun dibaca bagi kali yang kedua. Rang Undang-Undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Setiausaha Dewan:

Jadual.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.01 - Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM179,116,740 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tujuh Puluh Sembilan Juta, Satu Ratus Enam Belas Ribu, Tujuh Ratus Empat Puluh Sahaja)

Bahawa jumlah wang sebanyak RM179,116,740 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tujuh Puluh Sembilan Juta, Satu Ratus Enam Belas Ribu, Tujuh Ratus Empat Puluh Sahaja) untuk Kepala B.01 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.02 – Pejabat Tanah dan Galian – RM12,391,178 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Juta, Tiga Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu, Satu Ratus Tujuh Puluh Lapan Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM12,391,178 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Juta, Tiga Ratus Sembilan Puluh Satu Ribu, Satu Ratus Tujuh Puluh Lapan Sahaja) untuk Kepala B.02 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.03 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut – RM7,832,338 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Lapan Ratus Tiga Puluh Dua Ribu, Tiga Ratus Tiga Puluh Lapan Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,832,338 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Lapan Ratus Tiga Puluh Dua Ribu, Tiga Ratus Tiga Puluh Lapan Sahaja) untuk Kepala B.03 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.04 - Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya - RM7,172,056 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Satu Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu, Lima Puluh Enam Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,172,056 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Satu Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu, Lima Puluh Enam Sahaja) untuk Kepala B.04 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.05 - Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara – RM8,650,110 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Enam Ratus Lima Puluh Ribu, Satu Ratus Sepuluh Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,650,110 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Enam Ratus Lima Puluh Ribu, Satu Ratus Sepuluh Sahaja) untuk Kepala B.05 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.06 - Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah – RM8,669,151 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Enam Ratus Enam Puluh Sembilan Ribu, Satu Ratus Lima Puluh Satu Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,669,151 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Enam Ratus Enam Puluh Sembilan Ribu, Satu Ratus Lima Puluh Satu Sahaja) untuk Kepala B.06 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.07 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan – RM7,016,160 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Enam Belas Ribu, Satu Ratus Enam Puluh Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,016,160 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Enam Belas Ribu, Satu Ratus Enam Puluh Sahaja) untuk Kepala B.07 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.08 - Jabatan Pengairan dan Saliran - RM43,376,164 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Tiga Juta, Tiga Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu, Satu Ratus Enam Puluh Empat Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM43,376,164 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Tiga Juta, Tiga Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu, Satu Ratus Enam Puluh Empat Sahaja) untuk Kepala B.08 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.09 - Jabatan Perhutanan – RM3,927,800 (Ringgit Malaysia: Tiga Juta, Sembilan Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu, Lapan Ratus Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,927,800 (Ringgit Malaysia: Tiga Juta, Sembilan Ratus Dua Puluh Tujuh Ribu, Lapan Ratus Sahaja) untuk Kepala B.09 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.10 - Jabatan Taman Botani – RM5,194,010 (Ringgit Malaysia: Lima Juta, Satu Ratus Sembilan Puluh Empat Ribu, Sepuluh Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,194,010 (Ringgit Malaysia: Lima Juta, Satu Ratus Sembilan Puluh Empat Ribu, Sepuluh Sahaja) untuk Kepala B.10 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.12 - Jabatan Kerja Raya - RM39,637,240 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sembilan Juta, Enam Ratus Tiga Puluh Tujuh Ribu, Dua Ratus Empat Puluh Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM39,637,240 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Sembilan Juta, Enam Ratus Tiga Puluh Tujuh Ribu, Dua Ratus Empat Puluh Sahaja) untuk Kepala B.12 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.13 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam – RM21,095,630 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Satu Juta, Sembilan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Tiga Puluh Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM21,095,630 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Satu Juta, Sembilan Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Tiga Puluh Sahaja) untuk Kepala B.13 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.14 - Jabatan Kebajikan Masyarakat - RM10,641,670 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Juta, Enam Ratus Empat Puluh Satu Ribu, Enam Ratus Tujuh Puluh Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM10,641,670 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Juta, Enam Ratus Empat Puluh Satu Ribu, Enam Ratus Tujuh Puluh Sahaja) untuk Kepala B.14 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa – RM4,782,900 (Ringgit Malaysia: Empat Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Dua Ribu, Sembilan Ratus Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM4,782,900 (Ringgit Malaysia: Empat Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Dua Ribu, Sembilan Ratus Sahaja) untuk Kepala B.15 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.16 - Jabatan Kewangan Negeri – RM487,430,150 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lapan Puluh Tujuh Juta, Empat Ratus Tiga Puluh Ribu, Satu Ratus Lima Puluh Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM487,430,150 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lapan Puluh Tujuh Juta, Empat Ratus Tiga Puluh Ribu, Satu Ratus Lima Puluh Sahaja) untuk Kepala B.16 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar – RM7,181,089 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Satu Ratus Lapan Puluh Satu Ribu, Lapan Puluh Sembilan Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,181,089 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta, Satu Ratus Lapan Puluh Satu Ribu, Lapan Puluh Sembilan Sahaja) untuk Kepala B.17 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.18 – Jabatan Pertanian – RM8,576,143 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Lima Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu, Satu Ratus Empat Puluh Tiga Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,576,143 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Lima Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu, Satu Ratus Empat Puluh Tiga Sahaja) untuk Kepala B.18 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.19 – Jabatan Mufti – RM3,255,100 (Ringgit Malaysia: Tiga Juta, Dua Ratus Lima Puluh Lima Ribu, Satu Ratus Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,255,100 (Ringgit Malaysia: Tiga Juta, Dua Ratus Lima Puluh Lima Ribu, Satu Ratus Sahaja) untuk Kepala B.19 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.20 - Jabatan Kehakiman Syariah – RM8,080,100 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Lapan Puluh Ribu, Satu Ratus Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,080,100 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta, Lapan Puluh Ribu, Satu Ratus Sahaja) untuk Kepala B.20 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.21 - Jabatan Pendakwaan Syariah – RM1,485,500 (Ringgit Malaysia: Satu Juta, Empat Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Lima Ratus Sahaja).

Bahawa jumlah wang sebanyak RM1,485,500 (Ringgit Malaysia: Satu Juta, Empat Ratus Lapan Puluh Lima Ribu, Lima Ratus Sahaja) untuk Kepala B.21 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 2.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

YAB Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2021, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibaca bagi kali ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali Yang Ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Ya lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Perbekalan Tahun 2021. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali Yang Ketiga dan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul yang telah dikemukakan oleh YAB. Ketua Menteri yang berbunyi 'Bahawa Dewan ini meluluskan Perbelanjaan sebanyak RM294,106,177.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sembilan Puluh Empat Juta, Satu Ratus Enam Ribu, Satu Ratus Tujuh Puluh Tujuh Sahaja)' yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2021, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 4 Tahun 2020 dan menetapkan bahawanya jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2021 itu.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". "Ya", lebih banyak. Usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Pelesenan Dan Peraturan-Peraturan Bagi Perladangan Unggas dan perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan pada kali Yang Pertama.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya minta sokongan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Saya menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokong. Setiausaha.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Pelesenan Dan Peraturan-Peraturan Bagi Perladangan Unggas dan perkara yang berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali Yang Pertama. Sila Yang Berhormat Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, mengikut Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali Yang Kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta-merta.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 –bacaan kali Yang Kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Yang Berhormat Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Pelesenan Dan Peraturan-Peraturan Bagi Perladangan Unggas dan perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan bagi kali Yang Kedua.

Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Saya dengan penuh ta'zim berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu (1) usul Cadangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 seperti yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 31/2020 yang bersidang pada 26 Ogos 2020 dan disahkan pada 2 September 2020 untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas yang mulia ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kerana masih bersama-sama untuk berada di dalam Dewan ini. Saya amat bersyukur kerana walaupun satu dunia amnya dan Malaysia khususnya sedang berperang dengan musuh yang tidak nyata Corona virus, Dewan ini masih utuh untuk kembali bersidang bagi membolehkan pembahasan ini berjalan seperti yang dirancang.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Keperluan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 ini perlu diwujudkan di atas justifikasi berikut:

Pertama, memastikan semua ladang melaksanakan amalan perladangan yang baik (GAHP) bagi menangani isu-isu semasa seperti pencemaran dan kawalan penyakit. Sistem pengurusan ladang yang dilaksanakan dengan sempurna akan memudahkan pengawalan penyakit secara sistematik dan efektif. Amalan perladangan yang baik juga akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti ladang, meminimalkan kos terutamanya daripada segi ubat-ubatan, memaksimumkan pengeluaran produk, persekitaran dan hasil yang bersih, suci serta bermutu. Hal ini akan meningkatkan keyakinan pengguna dan peluang pasaran seterusnya menjamin sebuah ladang yang berdaya maju selari dengan arus kemajuan.

Kedua, mengawal masalah pencemaran alam sekitar berpunca dari ladang penternakan. Dengan kuasa yang diberikan kepada Jabatan Veterinar, tindakan penguatkuasaan untuk pengawalan dapat diselaraskan dengan berkesan. Ini juga selaras dengan arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan fungsi Jabatan Veterinar seperti di dalam Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan No. 2/2013. Justeru Kerajaan Negeri bersetuju agar Jabatan Veterinar Pulau Pinang mengambil langkah yang proaktif untuk menggalas tanggungjawab ke atas industri perladangan unggas terutamanya daripada segi pemantauan, pemeriksaan, pelesenan dan pengkompaunan.

Ketiga, membolehkan pemantauan dibuat terutamanya dari aspek kawalan penyakit dan kebersihan dalam menghasilkan produk yang suci, sihat, berkualiti dan selamat untuk dimakan seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna, berdaya saing serta memenuhi pasaran dalam negara dan luar negara.

Keempat, mengelakkan penyalahgunaan ubat-ubatan terlarang dalam industri ternakan. Contohnya penggalak pertumbuhan yang boleh membawa kesan negatif seperti *antimicrobial resistant*. Penggunaan ubatan terlarang juga dapat dikawal dan dipantau dengan lebih berkesan dan seterusnya keselamatan hasil ternakan akan lebih terjamin.

Kelima, Jabatan Veterinar Pulau Pinang akan mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas kawalan penyakit secara teknikal bagi memenuhi objektif yang ditentukan.

Dato' Speaker, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan YB. ADUN yang dihormati sekalian. Bagi tujuan pemantauan di ladang-ladang ternakan di Malaysia, beberapa buah negeri telah menggubal peraturan dan kawalan berkaitan unggas yang ditadbir melalui undang-undang negeri. Ini adalah kerana tiada undang-undang di peringkat persekutuan yang di gubal untuk dikuatkuasakan. Sebagai contohnya, Negeri Perak telah menggubal dan menguatkuasakan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perak pada 2005 manakala Negeri Selangor pula telah menggubal dan menguatkuasakan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Selangor pada 2007.

Bagi Negeri Pulau Pinang, pelesenan dan pemantauan ladang unggas diletakkan di bawah pentabiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Permohonan pelesenan, pemantauan ladang dan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan di bawah Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991 dan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980.

Berdasarkan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan No. 2/2013 seperti Warta Kerajaan Jilid 57 No. 13 bertarikh 26 Jun 2013 yang telah menyenaraikan fungsi Jabatan Perkhidmatan Veterinar seperti berikut:

- (i) Mengawal, mencegah dan menghapuskan penyakit haiwan dan *zoonotic*.
- (ii) Pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan haiwan.
- (iii) Pemeriksaan daging, susu, telur, makanan haiwan, rumah sembelih dan loji pemprosesan hasilan haiwan.
- (iv) Mengawal import/eksport haiwan, hasilan haiwan dan kuarantin.
- (v) Latihan bagi industri ternakan dan haiwan peliharaan.
- (vi) Pengembangan pengeluaran ternakan, kesihatan haiwan dan kesihatan awam veterinar.
- (vii) Penyelidikan mengenai penyakit haiwan dan sumber genetik ternakan.
- (viii) Pengawasan kebajikan haiwan dan pemuliharaan bahan genetik ternakan.

Fungsi Jabatan Veterinar seperti yang dinyatakan di dalam Perintah-perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan No. 2/2013 yang telah disenaraikan adalah bertepatan dengan cadangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 untuk membolehkan pentadbiran Rang Undang Undang ini di letakkan di bawah pentadbiran Jabatan Veterinar Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Industri penternakan sangat penting dalam sesuatu negara bagi memastikan hasil pengeluaran ternakan mencukupi dan seterusnya menjamin kestabilan tahap sara diri ataupun (SSL) *Self Sufficiency Level*. Sejak tahun 1983, industri unggas telah melebihi 100% tahap sara diri khususnya bagi daging ayam dan telur di Malaysia. Berdasarkan Perangkaan Ternakan 2019, Jabatan Veterinar Pulau Pinang. Tahap sara diri bagi pengeluaran daging penternakan unggas dan babi adalah melebihi daripada keperluan iaitu sebanyak 140.86% bagi unggas dan 264.78% bagi babi berbanding dengan penternakan yang lain. Pengeluaran daging ayam adalah sebanyak 94,206 tan metrik manakala pengeluaran daging itik adalah sebanyak 1,536 tan metrik melebihi permintaan iaitu sebanyak 67,969.84 tan metrik.

Kepentingan industri penternakan tidak dilihat hanya daripada sudut pencapaian tahap sara diri, tetapi juga dari segi kecekapan dalam menguruskan alam sekitar seperti yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke 11. Malaysia akan menjadi negara maju, progresif dan inklusif dari segi ekonomi bagi memberikan impak kepada ekonomi dunia. Kemampuan alam sekitar tidak dilihat sebagai galang ganti kepada ekonomi yang kukuh tetapi sebagai pra syarat kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pembangunan negara tidak hanya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi dan kepenggunaan malah mengutamakan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Jabatan Veterinar Pulau Pinang pada tahun 2019, terdapat sebanyak 300 ladang ayam, 29 ladang itik, 37 ladang ayam pirus dan 15 ladang puyuh di negeri ini. Jumlah ini menunjukkan terdapat pertambahan ladang penternakan unggas dari tahun 2018. Data Jabatan Veterinar Pulau Pinang juga menunjukkan terdapat peningkatan pengeluaran jumlah ternakan bagi ternakan ayam, itik, puyuh dan ayam pirus.

Pada tahun 2019, sumbangan subsektor penternakan kepada sektor pertanian adalah berjumlah RM1.11 billion berbanding RM939.7 million ataupun juta pada tahun 2018. Pada tahun 2019, jumlah pengeluaran bagi daging ayam ialah sebanyak 94,206 tan metrik dan itik pula sebanyak 1,536 tan metrik dan meningkat berbanding tahun 2018. Pengeluaran telur ayam pula adalah sebanyak 182.6 juta biji manakala telur itik pula adalah sebanyak 8.9 juta biji.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Industri unggas di negara ini mempunyai rantai lengkap dari ladang hingga ke meja makan. *Farm to fork* ialah rantai makanan di mana penghasilan makanan, pemprosesan, pengedaran dan penggunaan disatukan untuk peningkatan aspek kesihatan, ekonomi, sosial dan pemakanan di sesuatu tempat. Semasa proses rantai makanan berjalan, keselamatan makanan merupakan aspek paling penting untuk memastikan bekalan makanan yang bermula dari ladang bebas dari segala penyakit dan bahan kimia terlarang agar produk akhir yang terhasil adalah selamat untuk diedarkan kepada pengguna.

Seperti yang sidang hadirin sedia maklum, haiwan boleh menjadi agen pembawa penyakit dan unggas turut tidak terkecuali. Unggas boleh menjadi pembawa mikroorganisma atau bakteria yang menjadi asbab penyakit kepada manusia. Bateria seperti *Salmonella*, *Listeria*, *E-coli* dan *Campylobacter* boleh menjangkiti unggas melalui makanan atau air, persekitaran melalui haiwan lain dan disebarkan di antara satu unggas kepada unggas yang lain. Bakteria atau virus ini juga boleh tersebar kepada manusia seterusnya menyebabkan berlaku penyakit zoonotik. Penyakit zoonotik adalah jangkitan yang dijangkiti daripada haiwan kepada manusia melalui bakteria, virus, parasit serta kulat yang boleh mengganggu sistem tubuh manusia. Contoh penyakit zoonotik adalah seperti Selsema Burung (*Avian Influenza*), Sampar Ayam (*Newcastle Disease*), Penyakit Tibi (*Avian Tuberculosis*), jangkitan bakteria *Erysipelas*, *Salmonella*, *Campylobacter*, *Escherichia Coli* dan lain-lain. Pengurusan perladangan unggas yang tidak mengamalkan amalan perladangan yang baik terutamanya dari segi kebersihan boleh menjadi punca utama penularan penyakit ini.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Industri penternakan memerlukan komitmen penternak dalam melaksanakan amalan penternakan yang baik. Komitmen penternak dalam mengamalkan amalan penternakan yang baik ini menentukan hala tuju sesuatu industri. Kebanyakan ladang unggas di Negeri Pulau Pinang masih tidak mematuhi Amalan Perladangan Yang Baik ataupun *Good Animal Husbandry Practices* (GAHP) yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Aspek-aspek biosekuriti ladang dan keperluan asas penternakan tidak diamalkan memandangkan kewujudan ladang-ladang lama yang telah diusahakan semenjak tahun 1960-an lagi.

Ladang-ladang lama ini masih mengekalkan struktur perladangan yang tidak menepati keperluan semasa. Ke semua aktiviti penternakan seharusnya telah menambah baik sistem penternakan atau perladangan selaras dengan kemajuan dan pembangunan di negeri

ini. Contohnya, sistem reban tutup dengan sistem ventilasi yang terkawal dengan suhu yang bersesuaian dengan keperluan unggas serta pengawalan penularan penyakit seterusnya mengurangkan kematian. Selain itu, sistem tertutup juga membantu dalam pengawalan penyakit bawaan haiwan liar. Sebagai contohnya kalau tak ada bahaya juga kepada manusia iaitu daripada bau yang berpunca gas *hydrogen sulfide* apabila najis ayam atau binatang itu lembab yang berkumpul banyak dan dibiarkan.

Daripada 381 buah ladang unggas di Negeri Pulau Pinang, hanya 22 ladang unggas menukarkan sistem ladang terbuka kepada sistem tertutup dan hanya tiga (3) buah ladang yang mendapat pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (myGAP). Ladang unggas yang selebihnya masih mengamalkan sistem penternakan tradisional dan kebanyakan reban telah usang dan tidak sesuai digunakan lagi. Jabatan Veterinar Pulau Pinang juga mendapati kebanyakan penternak unggas mengumpul sisa kumbahan unggas sehingga habis satu kitaran untuk membuat pembersihan sisa-sisa tersebut. Perkara ini menyebabkan masalah isu pencemaran, seterusnya boleh membawa kepada masalah penyakit. Sisa ladang unggas termasuklah sampah sarap, ternakan yang telah mati dan najis ternakan yang tidak diselenggara dengan baik boleh menjadi tempat pembiakan lalat dan menarik haiwan pemangsa ke ladang unggas seperti ular dan sebagainya. Jika sisa ladang unggas tidak diselenggara dengan baik, ia juga boleh menyebabkan kacau ganggu, pencemaran bau kepada masyarakat sekitar dan membawa penyebaran penyakit kepada ayam tersebut.

Pemeriksaan dan pemantauan di loji-loji dan rumah sembelih serta membuat ujian saringan terhadap hasil sembelihan turut dilaksanakan oleh Jabatan Veterinar bagi mengesan sekiranya terdapat penyalahgunaan ubat-ubatan terlarang seperti penggalak pertumbuhan, antibiotik dan vaksin. Penyalahgunaan ubat-ubatan ini merupakan kesalahan yang serius kerana ia boleh mengakibatkan masalah *antimicrobial resistant* yang boleh mengakibatkan limitasi dalam pemilihan ubat-ubatan yang sedia ada untuk menyembuhkan sesuatu penyakit apabila *pathogen* punca penyakit membentuk kerintangan terhadap tindak balas ubat-ubatan yang sedia ada. Pada masa kini, pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan secara teknikal tidak dapat dijalankan secara berkesan oleh pihak Jabatan Veterinar Pulau Pinang. Justeru, Jabatan Veterinar menghadapi kekangan dalam memantau, mengawal dan membasmi sebarang penyakit. Buat masa kini, permohonan pelesenan dan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan manakala pemantauan penyakit dilakukan oleh Jabatan Veterinar.

YB. Dato' *Speaker* dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 terdapat di dalam versi dwibahasa dan terdiri daripada sembilan bahagian yang mempunyai 55 Fasal. Ringkasan Rang Undang-Undang ini mengikut Bahagian adalah:

Bahagian I – Permulaan

Terdiri daripada tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa serta tafsiran.

Bahagian II – Sistem Penternakan Moden

Menjelaskan semua ladang unggas mesti mematuhi Sistem Penternakan Moden.

Bahagian III – Pelesenan

Menjelaskan pelesenan di bawah Enakmen ini termasuklah permohonan lesen, pengeluaran lesen, tempoh lesen, pembaharuan lesen, pembatalan lesen dan aktiviti-aktiviti pelesenan yang berkaitan.

Bahagian IV – Rayuan

Adalah berkaitan rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan keengganan Pengarah untuk mengeluarkan atau memperbaharui lesen atau penggantungan atau pembatalan apa-apa lesen.

Bahagian V – Kuasa Pengarah

Menyatakan Pengarah mempunyai kuasa untuk menetapkan apa-apa arahan yang difikirkan perlu secara bertulis pada bila-bila masa dan di mana-mana ladang unggas mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa.

Bahagian VI – Kesalahan

Adalah berkenaan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan penternakan unggas seperti kesalahan mencemarkan alam sekitar, penggunaan ubat dilarang, pengisytiharaan palsu dan lain-lain. Kesalahan-kesalahan ini apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM30,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

Bahagian VII – Kuasa Yang Berhubungan Dengan Penguatkuasaan

Menjelaskan berkaitan kuasa pegawai yang diberikuasa yang memperuntukkan pemberian kad kuasa kepada pegawai yang dilantik. Di bahagian ini disenaraikan hak-hak pegawai diberikuasa dalam menguatkuasakan enakmen ini.

Bahagian VIII – Kuasa Sampingan Mahkamah

Kuasa sampingan mahkamah yang merangkumi hukuman bagi kesalahan kedua atau berikutnya, pelupusan unggas yang digunakan atau berhubung kesalahan dan perobohan ladang unggas.

Bahagian IX - Am

Bahagian ini mengandungi peruntukan am seperti kesalahan yang dilakukan oleh pemunya atau penghuni tanah, kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan atau perbadanan, pengkompaunan kesalahan, pendakwaan dan lain-lain peruntukan am yang berkaitan.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berdasarkan hujah dan fakta yang telah dibentangkan tadi jelas bahawa Cadangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 yang lengkap dan terkini ini adalah perlu dalam mengawal selia segala aktiviti berkaitan Perladangan Unggas agar dapat dibangunkan dengan sistem penternakan yang moden dan mesra alam di samping menjamin bekalan makanan negara yang selamat dimakan.

Cadangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 ini dilihat dapat memantau aktiviti penternakan unggas yang dijalankan di negeri ini supaya lebih teratur dan terkawal. Mutu pengeluaran unggas juga akan lebih terjamin dari segi kualiti, kebersihan dan keselamatan daripada penyakit. Pemodenan penternakan unggas juga dapat dibangunkan selari dengan arus pembangunan di negeri ini. Tidak mustahil, satu hari nanti *Agro Tourism* boleh menjadi sumber ekonomi tambahan kepada Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sekejap ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

So ucapan pencadang?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya, sekejap. Ada beberapa tambahan yang diberi oleh Pengarah yang saya rasa penting. Data Perangkaan Pulau Pinang 2019, menunjukkan lebih daripada 80% ladang ayam mempunyai populasi melebihi 10,000 ekor setiap ladang. Maknanya tidak ada masalah untuk ladang-ladang yang besar ini untuk menukar kepada sistem penternakan moden. Maknanya berdasarkan justifikasi, semua ayam pedaging dan penelur, semua mengikut Rang Undang-Undang ini akan ditukarkan, perlu ditukarkan kepada ladang

tertutup. Ayam kampung dan itik lepas bebas ataupun *free range* yang lebih pada 10,000 ke atas, perlu juga mematuhi *close farm*. Bermaknanya ayam kampung dan itik *free range* yang kurang daripada 10,000 tidak perlu mematuhi Rang Undang-Undang Unggas ini. Burung puyuh yang 20,000 ekor ke atas, perlu mematuhi syarat yang ditetapkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, makluman, itu nanti mungkin selepas sesi perbahasan boleh tolong untuk bergulung lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey, okey. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan agar usul Cadangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 ini dipersetujui dan diangkat untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya perlu sokongan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang dikemukakan oleh ADUN Penanti. Untuk makluman sidang yang mulia ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggubal Rang Undang-Undang ini untuk memantau aktiviti penternakan unggas dengan pembangunan sistem penternakan yang moden dan mesra alam di mana 381 buah ladang unggas di negeri ini dapat menjalankan sistem reban tertutup dengan sistem ventilasi yang terkawal. Selain dapat mencegah isu pencemaran, mutu pengeluaran unggas juga akan lebih terjamin dari segi kualiti, kebersihan dan keselamatan dan dijauhi daripada penyakit. Dengan adanya jaminan tersebut diharap dapat membantu hasil eksport ke luar negara juga, saya berpendapat bahawa setiap penternak unggas haruslah bekerjasama dengan pihak Kerajaan terutamanya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan menerima hakikat bahawa sistem reban tertutup ini adalah terkawal dan teratur yang ia dapat menjamin keuntungan kepada semua penternak dan juga negeri kita. Sudah tentu negeri kita akan menuju ke arah pembangunan dengan penambahbaikan sistem penternakan ini.

Sekian, terima kasih saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Jermal. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020. Ahli-Ahli Yang Berhormat sesiapa yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dipersilakan. YB. Bukit Tambun, silakan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Selamat petang dan salam bahagia YB. Dato' Speaker, YAB. Ketua Menteri, barisan EXCO, ketua-ketua jabatan dan rakan-rakan seperjuangan sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada YB. Penanti dan Jabatan Veterinar atas penyediaan dan pembentangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020.

YB. Dato' Speaker, selepas Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2016 yang diluluskan pada 24 November 2016 hari ini Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan mempertimbangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 dengan adanya kedua-dua enakmen ini industri penternakan di Negeri Pulau Pinang akan mengharungi satu transformasi ke arah sistem penternakan moden yang mengamalkan ladang penternakan yang memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kepada pekerja ladang dan juga haiwan. Seajar dengan visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar Dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara

YB. Dato' Speaker, kriteria-kriteria sistem penternakan moden meliputi kandang tertutup untuk mengawal pembiakan lalat, kumbahan sifar untuk menangani masalah bau busuk, zon penampungan untuk menangani kacau ganggu kegunaan tanah iaitu antara industri ternakan dan juga lain-lain kegunaan terutamanya perumahan. Yang keempat, amalan ternakan baik, ini amat penting untuk mengawal gejala penyalahgunaan ubat larangan. Dengan adanya enakmen ini pencemaran dapat dilaksanakan dengan tindakan perundangan termasuk pemantauan, pemeriksaan, pelesenan dan pengkompaunan.

Oleh yang demikian penggubalan Rang Undang-Undang ini perlu disusuli dengan penyediaan peraturan-peraturan perladangan unggas, kaedah-kaedah kepada kawalan pembangunan, garis panduan jabatan-jabatan teknikal berkenaan. Ini adalah amat penting selepas dan kita perlu mengambil iktibar daripada kepincangan semasa pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi 2016. Jabatan Veterinar dan pihak berkuasa tempatan perlu menyediakan peraturan-peraturan perladangan unggas dengan terperinci pada kadar segera, kita boleh merujuk kepada negeri-negeri lain yang telah mengadakan enakmen unggas tetapi mengambil masa yang agak lama untuk penyediaan peraturan-peraturan ini.

YB. Dato' Speaker, memandangkan Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan telah bersetuju memberi pengecualian tukar guna tanah, perlingkungan semula atau *rezoning* dan permohonan kebenaran merancang, oleh itu Jabatan-jabatan teknikal perlu juga meminda garis panduan – garis panduan untuk diselaraskan dengan proses pemutihan. Kerajaan Negeri sudah memberi keistimewaan untuk pemutihan sekiranya garis panduan – garis panduan daripada jabatan teknikal masih lagi mengikut sedia kala proses pemutihan ini tidak akan dilaksanakan dengan lancar antaranya termasuk kelebaran akses atau jalan masuk ke ladang. Kedua, keperluan pili bomba dan *sprinkle* untuk makluman, kedua-dua syarat ini akan mengenakan kos yang tinggi mungkin kosnya akan setimpal dengan kos untuk mengubah kepada sistem penternakan tertutup.

Oleh itu kedua-dua syarat ini perlu dikaji semula. Ketiga, anjakan bangunan. Memandangkan kita memberi pemutihan kepada ladang-ladang sedia ada kemungkinan berlaku terdapat ladang-ladang sedia ada yang tidak memiliki anjakan yang secukupnya. Keempat, masalah bekalan elektrik ke ladang, dulu terbuka tanpa menggunakan *exhaust fan* atau lain-lain kemudahan oleh itu tidak memerlukan bekalan elektrik yang tinggi. Oleh itu dalam perkara ini pihak TNB perlu mengkaji semula dan memberi bekerjasama dengan para penternak.

Kelima, iaitu kebenaran untuk pembinaan rumah pekerja dalam ladang, ladang memerlukan pengawasan pekerja sepanjang masa. Kesimpulannya Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 adalah sesuatu yang lengkap dan komprehensif dan akan membawa manfaat kepada penternak, rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga alam sekitar. Enakmen sudah ada di tangan penternak sudah bersedia di ladang bersama-samalah kita menuju ke arah Pulau Pinang yang Bersih, Hijau Dan Sihat. Di sini saya memohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Bukit Tambun. Ya, YB. Penaga, silakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Assalamualaikum W.B.T dan salam sejahtera, terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi peluang untuk saya turut mengambil bahagian dalam pembentangan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020. Unggas dimaksudkan adalah ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, burung merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka atau generasi yang mana-mana burung yang ditentukan oleh Pengarah Perintah yang disiarkan dalam warta.

Berdasarkan jawapan bertulis yang diberikan bagi soalan bertulis saya nombor 17 berkaitan dengan unggas ini maka ada dua (2) perkara yang disentuh. Yang pertama, perkara pertama populasi ladang unggas, jumlah keseluruhan populasi unggas mengikut 4 kategori utama iaitu ayam, itik, puyuh dan ayam pirus di Negeri Pulau Pinang berjumlah kira-kira 15,772,952 ekor. Mengikut data rasmi Jabatan Veterinar 2019, jumlah ladang yang direkodkan adalah sebanyak 381 buah. Perkara yang kedua, tahap sara diri (SSL) sebanyak 95,742.65 tan metrik pengeluaran daging ayam / itik direkodkan berbanding 67,969.84 tan metrik permintaan dengan tahap sara diri 140.86%. Tahap pengeluaran bagi telur ayam, itik telah direkodkan sebanyak 191,662,300 biji berbanding dengan permintaan sebanyak 456,113,400 biji dengan tahap sara diri ialah 42.02%.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 tidak diberi secara terperinci jumlah unggas yang boleh ditenak dalam satu-satu masa (maksimumnya) dan apakah unggas yang ditenak oleh orang kampung sebanyak kurang sebagaimana disebut tadi bawah atau kurang daripada 50 ekor boleh dikategorikan sebagai penternakan tradisional dan perlulah mendapatkan lesen perladangan unggas.

Dato' Yang di-Pertua, di sana juga perlu dilihat apakah terdapat Akta Makanan Haiwan 2009 disediakan garis panduan dan piawaian dalam penyediaan makanan unggas yang ditenak bagi memastikan makanan haiwan yang diberi adalah bersih dan tidak bercampur dengan najis babi dan disana juga perlu dilihat berkaitan isu kawalan harga penjualan unggas, maka Penaga melihat dan berpandangan perlu dinyatakan badan berkuasa rasmi yang terdapat di Pulau Pinang untuk mengawal harga unggas dan yang kedua juga perlu dilihat perlu ada mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam mengawal harga unggas terutama ayam yang mempunyai perbezaan harga jualan yang ketara di antara pasar di dalam Pulau dan di sebelah Seberang Perai.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Penaga. Silakan YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, *Assalamualaikum W.B.T.* dan salam sejahtera saya tertarik untuk bersama-sama membahaskan usul Rang Undang-Undang Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 sepertimana yang dibentangkan tadi unggas adalah bidang ternakan unggas ini merupakan salah satu bidang yang telah mencapai tahap *Structural Slab Level* (SSL) melebihi tahap keperluan masyarakat, penternakan hasil pengeluarannya melebihi keperluan. Kalau perlu 10 ekor, kita sudah hasilkan 20 ekor maknanya sudah lebih, ladang-ladang yang ada sudah lebih 300 ladang ternakan ayam, 29 itik, 27 ayam pirus dan juga 15 mungkin puyuh.

Jadi apa yang saya hendak bangkitkan di sini memang amat perlu Rang Undang-Undang Unggas sepertimana Enakmen Ternakan Khinzir Babi, babi pun sudah lebih SSL. Jadi amat perlu sebab semakin banyak ladang semakin banyak ladang yang tidak terkawal tidak ada GAHP maknanya akan banyak berlaku pencemaran itu kesan-kesan daripada ladang yang tidak ada amalan penternakan baik. Jadi dengan adanya Rang Undang-Undang ini kemungkinan boleh kita selesaikan tetapi saya agak kesal kerana ia agak lama sepatutnya awal lagi sebabnya mungkin tahun 2005 ataupun awal lagi sebab industri ternakan unggas ini sudah lama sudah begitu lama turun-temurun sudah ada industri ini jadi bila lewat dilaksanakan masalah pada penguatkuasaan, perlesenan dan penguatkuasaan, mungkin dalam Rang Undang-Undang ini menyebut kaedah perlesenan, penguatkuasaan pemantauan dan sebagainya. Sebelum ini ada tetapi Jabatan Veterinar bertindih dengan PBT penguatkuasaan diserahkan kepada PBT di bawah Veterinar PBT yang akan uruskan itu jadi kemungkinan Veterinar PBT ini kita ada kepakaran tetapi tidak banyak tidak menjurus kepada unggas secara *detail*.

Jadi mungkin bermasalah dari segi penguatkuasaan dari segi kekurangan anggota mungkin, kakitangan tak cukup untuk pi tengok 300 ladang ternakan ayam dan sebagainya. Jadi ini mungkin akan menyebabkan kekurangan kekesanan dari segi itu. Dengan adanya Rang Undang-Undang ini kita mengharapkan dia akan lebih berkesan kepada penguatkuasaan, perlesenan nanti mungkin selepas dua (2) tahun la kot akan dilaksanakan penguatkuasaanya. Lepas warta, lepas dua (2) tahun kot. Kita harap dia akan boleh. Satu, mungkin akan macam ternakan khinzir la kita mengurangkan hanya yang berminat untuk membuat yang tertutup. Saya berminat dengan ladang tertutup ayam. Saya pernah terlibat mengawasi ladang ternakan ayam tertutup. Orang kampung panggil ladang *aircond*. Dia ada *aircond*, ayam ada *aircond*. Maknanya dia ada macam kedai nasi kandar tu, dia angin tiup, jadi ayam di tengah-tengah dan dia ada air turun. Jadi najis tu dia kering, dia tak basah macam najis ayam biasa. Itu salah satu konsep sepatutnya digunakan lama dah oleh penternak-penternak ayam ni. Dia gunakan sistem tertutup, *close house*. Nilainya dulu masa saya jaga lebih kurang RM250,000 ke RM300,000 satu bangsal boleh ternak anggaran 10,000 hingga ke 20,000 ayam. Itu kos dia. Jadi kita boleh mengawasi dari segi alam sekitar yang pentingnya.

Kalau kita masuk Tol Jawi, kita tak tahan, nasib baik la pakai *Smart Tag* tak payah buka cermin. Kalau kena buka cermin untuk *Touch n Go*, *touch*, *touch* masalah pada orang yang duk dalam kereta. Dia akan bau, bau yang tak berapa cantik, tak berapa sedap. Jadi dengan adanya ni alam sekitar akan lebih terjamin, saya menyokong sebenarnya usul ni. Rang Undang-Undang ni. Saya menyokong sebab kita cumanya saya kesal sebab kita laksanakan dia agak lambat patutnya kita buat lebih awal. Jadi dengan satu lagi kita boleh mengawal dari segi ubat-ubatan tadi. Bela ayam ni untuk makluman, kita ternak ayam dulu saya pernah bela ayam umur 35 ke 42. Kita akan harus tangkap ayam lebih daripada 42 hari, ayam tu tak akan besar dah makan ja. Dalam tempoh tu kita kena tangkap ayam, ayam sekarang diternak, ditangkap dalam umur 18 ke 20 hari. Dia boleh tangkap dah. 18 ke 20, 25 hari kurang dari 35 hari saya tak tau ubat apa yang dia pakai. Dia pakai hormon ka, ubat ka, cucuk ka. Ini yang menyebabkan banyak masalah kesihatan. Saya sampai sekarang saya kurang makan ayam sebab tu la...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB.H'ng Mooi Lye):

Saya bagi sedikit penjelasan. Berkaitan dengan kalau Sungai Puyu katakan ayam sekarang makan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Jawi (YB.H'ng Mooi Lye):

Sungai Dua, *sorry.. sorry..* Kalau Sungai Dua katakan ayam ada makan hormon atau apa-apa, saya rasa ini adalah satu fitnah. Adalah satu tidak betul. Di mana sekarang kita lihat formula-formula dalam penternak-penternak ayam mahupun khinzir, atau lembu atau kambing memang mereka mengkaji supaya formula yang dapat menjimatkan, dapat menjimatkan pembelanjaan ataupun kos bagi penternak untuk mendapatkan vitamin yang terbaik untuk binatang-binatang seperti lembu, kambing, khinzir, ataupun ayam. Maka saya rasa kalau Sungai Dua katakan hormon untuk memberi kepada penternakan unggas itu memang adalah fitnah. Saya rasa saya minta tarik balik kalau Sungai Dua katakan hormon itu memang adalah salah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Contoh la, contoh la.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

YB. Jawi, saya bagi contoh. Sebab saya pernah dulu bela ayam dia cucuk tau cucuk dekat sayap dia tu. Ubat-ubatan ni. Ayam ladang jadi saya beri contoh kalau tak betul saya tarik balik la. Saya minta maaf tapi ada setengah-setengah penternak yang menggunakan, tu yang kata ada ubat terlarang tu. Denda dan pengawalan ubat, ubatan terlarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya lah. *It's okay, it's okay.*

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Ubat-ubatan terlarang ni digunakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yes.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Itu yang kita takut. Jadi balik kepada isu Rang Undang-Undang, saya amat menghargainya amat menyokong cuma kena laksana betul-betul tak boleh kita *drag*, tangguh lagi tangguh lagi. Jadi ini akan menimbulkan masalah kepada masyarakat, alam sekitar dan sebagainya. Yang pastinya kita nak ada satu sistem. Sistem untuk kita membuat penternakan yang mesra alam ke arah negeri hijau ni. Kita kena pastikan bahawa undang-undang ini, Rang Undang-Undang ini merupakan Rang Undang-Undang yang sekadar kita buat Rang Undang-Undang tapi kita tak laksanakan itu tidak bermakna. Jadi saya harap kita dapat laksanakan dengan baik. Saya menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ketua Pembangkan, Machang Bubuk, sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat petang saya ucapkan kepada Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Penternakan Perladangan Unggas dan saya tadi juga ada yang telah disebutkan oleh rakan-rakan yang lain, saya tak mau berulang. Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan penternakan unggas ini diuruskan atau dikendalikan dalam keadaan yang mesra alam dan juga dengan moden. Cuma saya juga ada sedikit pertanyaan di mana kita tahu dalam Rang Undang-Undang ini kita kebanyakannya adalah tentang lesen, tentang hukuman. Semua adalah berkaitan dengan peraturan-peraturan yang perlu diikuti oleh pengusaha-pengusaha penternak unggas ini. Kita hanya ada dalam isu kata ini ada *carrot and stick* la yang kita hanya ada *stick* tapi ada apa-apa insentif, ada apa-apa galakkan yang diberikan kepada penternak-penternak yang sedia ada untuk mendorong mereka atau memastikan mereka menghala ke penternakan moden ini.

So, perkara ini saya rasa juga perlu diwar-warkan kerana kita membuat satu undang-undang yang akan memberi kesan kepada pengusaha-pengusaha dan pandangan mereka dan kesusahan mereka perlu kita mengambil kita dalam pertimbangan membuat undang-undang tersebut.

Tadi Bukit Tambun juga ada sebut beberapa perkara yang berkenaan dengan kandang tertutup. Memang ini adalah satu usaha yang baik tetapi ada banyak isu-isu teknikal yang perlu kita mengambil kira dan saya rasa dalam Rang Undang-Undang ini juga tidak disentuh dengan jelas. Kita hanya ada kata tentang kandang tertutup tetapi bagaimana ia dapat dilaksanakan dan macam mana ia dapat dilakukan supaya ia tidak akan menjejaskan pelaksanaan kandang tersebut. Dan sini juga ada sebut tentang zon penampunan. ... (gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Pencelahan. Machang Bubuk, boleh minta pencelahan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Okay, sorry.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Machang Bubuk telah bangkitkan dalam Seksyen 3 Rang Undang-undang ia telah pun menyatakan ataupun menjelaskan apa itu sistem penternakan moden dan ada empat (4) perenggan yang dirangka di sana yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Tambun tadi antaranya 1 adalah kandang tertutup. Berkenaan dengan isu ini saya harap nanti boleh dijawab oleh Yang Berhormat EXCO. Tadi ada disebut bahawa kandang tertutup ini tidak akan terpakai kepada ladang-ladang unggas *free range* yang lebih kurang daripada 10,000 ekor. Tetapi di dalam Akta ini ataupun Rang Undang-undang ini dia tidak menyatakan ada pengecualian. Di sini dinyatakan bahawa semua ladang. Semua ladang unggas hendaklah mematuhi sistem penternakan moden yang mengandungi kriteria-kriteria seperti berikut:

Kandang tertutup. So nyata disini semua kandang-kandang akan terikat dengan Seksyen 3A ini.

Jadi saya juga nyatakan disini memang ada banyak penternak-penternak ladang kecil di kampung-kampung seperti contoh yang mempunyai 50, 100, ekor ayam yang saya rasa memang tidak sesuai untuk terikat dengan syarat-syarat seperti *close door farming*, *close house farm* ni. Juga kepada *free race chicken* yang disebutkan tadi Yang Berhormat. Saya lihat sekarang ini dalam zaman moden kesihatan lebih ramai orang sekarang ada peningkatan permintaan untuk *free range chicken*. Sebab untuk ramai ada yang percaya bahawa *free range chicken* ini adalah lebih berkhasiat daripada *chicken-chiken*, ayam-ayam yang dibela dalam kilang-kilang Mereka panggil kilang-kilang ladang ini, *close door farming*. Jadi saya nak juga tanya disini sama ada pihak berkuasa akan juga mengadakan peraturan-peraturan khusus kepada pengurusan peladangan *free range chicken*. Sebab saya rasa di dalam Rang Undang-Undang ini tidak dinyatakan. *What should be the regulation* yang akan mengikat mereka yang ingin mengusahakan ladang-ladang *free range*, itu satunya.

Dan yang kedua *sorry* saya ambil sedikit masa Yang Berhormat Machang Bubuk...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Minta pencelahan sudah jadi bahas.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Okey. Dua isu. Dua isu sahaja lagi yang secara ringkas. Disini juga dinyatakan dibawa seksyen 3b, dimana kriteria-kriteria, antara kriteria yang akan diikuti adalah amalan peladangan penternakan yang baik yang ditetapkan yang akan ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang akan dirangka selepas ini dalam Seksyen 52 dan amalan ladang penternakan yang baik ini telahpun ditafsirkan di bawah bahagian tafsiran sebagai memastikan keselamatan, kesihatan, dan keselesaan kepada pekerja ladang dan juga haiwan. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak YB. EXCO nanti supaya boleh memberi sedikit penjelasan apa yang dimaksudkan dan bagaimana kerajaan akan memastikan keselamatan, kesihatan dan keselesaan kepada haiwan-haiwan yang berada di dalam ladang. Sebab saya melihat di negara-negara seperti di Europah, EU dan juga di New Zealand dan sebagainya. Mereka mempunyai peraturan-peraturan yang agak ketat bagaimana mereka memelihara keselamatan, kesihatan dan keselesaan kepada haiwan.

Dan akhir sekali saya merujuk kepada Seksyen 22 yang telahpun dibangkitkan oleh Sungai Dua dan juga berkenaan dengan isu kesalahan menggunakan ubat yang dilarang atau menyalahgunakan ubat. Saya *just* nak sedikit penjelasan juga daripada pihak YB.

nanti. Apakah garis panduan yang digunakan untuk memastikan bahawa ubat-ubat yang digunakan ini adalah sihat, adalah *safe*, selamat untuk digunakan dan sekiranya katakan bahawa Kerajaan Pusat menyatakan syarat-syarat ubat-ubat yang boleh digunakan tetapi nanti kemudian Kerajaan Pulau Pinang pula Pejabat Veterinari mendapati bahawa ada ubat-ubat yang tidak dalam senarai Kerajaan Pusat yang dipercayai adalah tidak sihat ataupun berbahaya kesihatan. Adakah Kerajaan Negeri ataupun Jabatan Veterinari mempunyai kuasa nanti untuk mengenakan syarat-syarat untuk ubat-ubat larangan itu. Itu saja minta maaf.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya kira mungkin Bukit Tengah bahas la. Machang Bubuk sambung dengan perbahasan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Tengah, dia juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dan bukan minta hal penjelasan. Saya sambung kerana tadi sebut tentang zon penampunan dan juga Yang Berhormat Bukit Tengah ada juga sebut tidak ada satu peraturan yang jelas kata zon penampunan itu adalah berapa banyak ya dan kita tau sekarang negeri Pulau Pinang kita sudah mengalami kekurangan tanah dan banyak ladang-ladang unggas ini sekarang telah bukan mereka mencerobohi kawasan-kawasan perumahan tetapi kawasan-kawasan perumahan yang dibangun kemudian telah mendekati ladang-ladang yang sedia ada.

So zon penampunan ini adalah berapa jauh dan jarak dia adakah 500 meter atau 100 meter itu tidak dijelaskan dengan jelas di sini dan juga memandangkan keadaan yang diladang-ladang yang sedia ada memang kita nampak sekarang pun sudah masalah ya seperti *I think* di kawasan di Tasik Mutiara, Bandar Tasik Mutiara yang berdekatan dengan kawasan Sungai Bakap ya yang juga mengalami ada bau busuk dan masalah lalat yang berlaku sehingga sekarang ya.

So ini perlu diperjelaskan dan sekiranya mereka mengadakan jika kita nak menggalakkan mereka membuat ladang tertutup maka ada apa-apa, adakah kita boleh melonggarkan bahawa zon penampunan ini dia boleh dikurangkan kepada 100 meter atau 50 meter kerana memandangkan dia sudah ada *stool house*, maka dia tidak akan mendatangkan pencemaran kepada alam sekitar sebab ini juga akan masuk kepada bahan sifar. Seperti yang saya juga difahamkan oleh sebahagian pengusaha ladang unggas ini mereka kata sebenarnya ayam atau mereka boleh mengusaha sampai *zero waist* ya, termasuk najis semua itu boleh digunakan untuk *compos* atau untuk baja dan termasuk itu bulu-bulu ayam yang telah disembelih, ayam itu disembelih itu bulu-bulu yang tinggal itu sebenarnya jika *you* tanam di Pulau Burung, dia tak boleh *cannot begroundable*, tak boleh dihapuskan ya atau dileraikan dalam tanah.

So maka adalah baik untuk kita juga mengkaji bahawa ada *laundering plan* yang perlu kita adakan supaya boleh mengutip bulu-bulu ini untuk dijadikan protein-protein yang boleh untuk saya difahamkan boleh untuk membela ikan ya itu bulu ayam tapi dia kena ada satu proses. So maka tapi *laundering plan* ini adalah satu kos yang tinggi juga. Adakah kerajaan juga akan memikirkan supaya sedikit intensif atau subsidi diberikan kepada pengusaha *laundering plan* untuk memastikan bahawa semua sisa-sisa ayam yang dikeluarkan ayam ini dapat diguna pakai dan juga menjadi bahan lain yang boleh digunakan oleh sektor lain dan satu lagi Yang Berhormat Penanti tadi, kita juga ada sebut tentang isu *free range chicken* ya, tapi tadi ada sebut tentang jika sekiranya unggas adalah ayam kampung di bawah bilangan 10,000 maka mereka tidak perlu ia tidak tertakluk dalam Rang Undang-Undang ini, mereka bukan ladang ya tapi bagi saya sekiranya dia bela 9,000 ekor kira itu pun ramailah atau dia boleh guna *loophole*, seperti ini dia atau dia bela 9,000 ekor dia tak perlu buat *stool house*.

Maka nanti ada pengusaha-pengusaha yang mengambil kesempatan ini dia tidak akan buat *stool house*, dia akan boleh buat dikampung dia boleh tanah dia boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan daftar satu persatu anak dia, nama dia, dia hanya bela 9,000 ekor saja tapi padahal dalam satu bidang tanah yang mungkin empat (4) ekar dia boleh...(gangguan) dia tak perlu buat apa-apa ladang tertutup, so adakah ini satu perkara yang boleh kita kena lihat lebih teliti?

Saya faham memang tadi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Tengah betul memang kesedaran orang pada hari ini mereka nak beli ayam organik, ayam yang boleh ayam kampunglah yang boleh merayau ya, ini di unggas merayau dalam Seksyen 24 (1) juga akan dikenakan kompaun sebanyak RM500 setiap ekor unggas ya. So ini sekiranya dia telah bela 9,000 ekor dan satu ekor dia boleh dikenakan RM500 ini pun salah satu cara untuk memastikan bahawa mereka perlu mengawal unggas mereka supaya tidak merayau...(gangguan)

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Yang Berhormat Machang Bubuk minta sedikit penjelasan. Adakah Yang Berhormat Machang Bubuk bersetuju di mana satu lot dalam kawasan itu hanya dibenarkan satu pengusaha disebabkan kebimbangan Yang Berhormat Machang Bubuk, satu lot akan dipecahkan beberapa lot dan beberapa lot dia akan disewa kepada pengusaha-pengusaha yang berlainan, so adakah Yang Berhormat Machang Bubuk bersetuju satu lot di kawasan tersebut hanya digunakan untuk satu pengusaha ladang unggas?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ini adalah persoalan yang saya rasa Yang Berhormat Penanti akan jawab tentang perkara ini sebab apa yang kita bangkitkan tadi memang mereka yang membela kurang dari 10,000 ekor atau burung puyuh 20,000 ekor perlu membuat kandang tertutup dan maka adakah kemungkinan ada orang yang akan mengambil kesempatan ini ya, untuk tidak mengusahakan kandang tertutup. So bagaimana kerajaan untuk atau Jabatan Veterinar untuk memastikan bahawa perkara itu disemak dengan betul supaya ia tidak akan menjadikan apa-apa masalah.

Yang terakhir YB. Dato' Yang di-Pertua, saya cuma nak sebut satu perkara iaitu dalam Enakmen Undang-Undang seperti ini adalah satu usaha yang baik dan memang perlu disokong diberi sokongan untuk kita menjadikan pertanian kita lebih moden, penternakan kita moden dan memang penternakan merupakan penyumbang ke tiga (3) terbesar kepada ekonomi negeri Pulau Pinang ini selepas pembuatan dan perkhidmatan. Saya rasa selain daripada membuat undang-undang, kita juga kena kurangkanlah karenah birokrasi khasnya dalam tempoh peralihan itu dan yang itu dua (2) tahun untuk pengusaha-pengusaha untuk membuat penternakan tertutup ini, kandang tertutup.

So maka saya rasa kita perlu memastikan bahawa kita pihak kerajaan dan pihak pengusaha kena joint in health untuk memastikan bahawa ini adalah satu enakmen yang *win-win situation* bagi pengusaha, bagi kerajaan dan juga orang di seluruh Negeri Pulau Pinang. Ini adalah satu enakmen yang boleh yang membawa manfaat kepada semua pihak, dengan ini saya memohon menyokong, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk. Yang Berhormat Jawi sila. Ini semua kawasan Yang Berhormat yang banyak kandang ayam, sila Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi sedikit pandangan bagi sesi perbahasan enakmen Rang Undang-Undang Enakmen Perladangan Unggas 2020. Untuk maklumat dalam Dewan yang mulia ini, saya perlu menambahkan sedikit pandangan daripada saya bagi Enakmen Perladangan Unggas 2020

yang dibentangkan. Sebenarnya kami perlu mengambil kira ladang di semua jenis kandang di mana terdapat beberapa jenis kandang di ladang penternak unggas sedia ada. Di samping itu, pembangunan semakin pesat dan semakin hampir ataupun berdekatan dengan kandang yang sedia ada maka saya memang setuju dengan Yang Berhormat Bukit Tambun dan juga Yang Berhormat Machang Bubuk di mana satu zon penampunan harus diadakan, di mana saya ingin mencadangkan dalam dewan yang mulia ini, kita difahamkan bahawa zon pentanian hanya diberikan kepada penternak-penternak unggas mahu pun lembu, khinzir ataupun kambing.

Di sini, saya nak mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri haruslah tetapkan satu zon pertanian khas terutamanya bagi industri unggas lembu, kerbau, kambing mahu pun bagi penternak khinzir pada masa depan. Dato' Yang di-Pertua, kita memahami bahawa pengurusan reban memainkan peranan yang penting di mana sekiranya penternak gagal menguruskan dengan baik maka ia akan menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti pencemaran bau, habuk dan lalat yang akan mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat. Terdapat dua (2) jenis reka bentuk reban seperti sistem reban terbuka, ia merupakan sistem perternakan ayam secara tradisional dan kini dalam melaksanakan Enakmen Perladangan Unggas 2020, semua peladang perlu menukar atau mengubah suai daripada sistem reban terbuka ataupun sistem tradisional kepada sistem reban tertutup.

Pembinaan premis perlu mengambil kira aspek keselesaan ternakan, kos pembinaan dan penyenggaraan termasuklah meneliti kos pengurusan sisa, kemudahan atau peralatan sistem ternakan perlu direka dan dibina bagi tujuan mencegah pencemaran alam sekitar khususnya pencemaran bau dan kacau ganggu ladang. Di sini, saya ingin tanya pada EXCO Penanti bahawa apakah syarat ditetapkan untuk bagi pengurusan sisa ladang unggas semasa Enakmen Perladangan Unggas 2020 ini dilaksanakan? Pengurusan sisa buangan diladang unggas yang baik adalah sangat penting, pengurusan sisa yang tidak teratur akan menyebabkan berlakunya pencemaran kepada alam sekitar dan menjadi tempat pembiakan lalat walaupun ia telah ubah kepada sistem reban urban iaitu sistem reban tertutup. Oleh sebab itu, saya menyeru bahawa peraturan-peraturan atau syarat-syarat dalam Enakmen Perladangan Unggas 2020 ini harus lebih teliti.

Dato' Yang di-Pertua, pelupusan bangkai di semua ladang semua juga memainkan peranan yang penting untuk membantu kita menjaga kebersihan ataupun menjaga alam sekitar. Bangkai ayam ataupun bangkai unggas perlu dimusnahkan segera dengan sempurna bagi mengelakkan pencemaran ke alam sekitar serta penyebaran penyakit. Bangkai unggas yang tertera boleh menyebabkan pencemaran bau dan kacau ganggu lalat.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah menghadapi masalah semasa Enakmen Penternakan Babi diluluskan pada tahun 2016. Banyak penternak babi menghadapi kekurangan maklumat ataupun tiada satu kaedah yang dapat menyampaikan pandangan daripada penternak kepada Pihak Berkuasa. Hal ini telah menyebabkan penternak-penternak babi menubuhkan satu pertubuhan pada bulan November 2018 yang diketuai oleh Encik Boon Sun Ping dan penternak-penternak khinzir di Negeri Pulau Pinang. Pertubuhan ini dinamakan Pertubuhan Penternak Khinzir Negeri Pulau Pinang. Saya percaya dengan adanya pertubuhan ini, penternak-penternak dapat menjalinkan hubungan yang lebih rapat dengan Pihak Berkuasa Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. Sebelum melaksanakan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020, saya ingin mencadangkan dalam dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan Negeri boleh menubuhkan satu hotspot yang diketuai oleh EXCO Penanti, wakil ADUN-ADUN yang berminat, Pihak Berkuasa Tempatan MPPP dan MBSP, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan yang pentingnya kita perlulah ada wakil daripada Persatuan Penternak dan Peladang Pulau Pinang Seberang Perai. Ini adalah kerana kita harus menerima pandangan dan nasihat daripada persatuan di mana secara praktikal mereka lebih berpengalaman daripada kita.

Dato' yang di-Pertua, apakah syarat atau peraturan daripada Enakmen Peladangan Unggas ini kepada semua penternak ayam kampung dan penternak itik? Merujuk mukasurat lapan yang diterbitkan dalam mukasurat lapan Bahagian Satu Fasal Dua tafsiran dari Rang

Undang-Undang “Amalan Ladang Penternakan Yang Baik”, ertinya amalan yang untuk mencapai matlamat berikut keselamatan makanan untuk pengguna industri yang mesra alam, kebajikan haiwan terpelihara dan memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan.

Untuk makluman semua, penternak ayam kampung adalah lebih kurang 20% daripada keseluruhan pasaran ternakan unggas di Pulau Pinang. Daripada pencerahan yang diterbit dari dalam tafsiran dua di mana ia berkaitan dengan kebajikan haiwan terpelihara. Di dalam pematuhan undang-undang Akta Kebajikan Haiwan Malaysia 2015 bahagian empat Klausa 24(1)(A)(3) menyatakan “Perlunya haiwan itu mempratikkan tingkah laku normal mereka termasuk melompat terbang, bertenggek dan lain-lain lagi. Perumahan sistem intensif bahkan tidak dekat dengan habitat semula jadi mereka, ayam kampung terpaksa beradaptasi atau disebutkan menyesuaikan diri dengan persekitaran ayam daging putih. Hal ini boleh menyebabkan tekanan fisiologi dan tingkah laku yang tidak normal seperti kanibalisma dan mematok bulu pada burung yang tertakluk pada sekatan ruang”. Bahagian Empat Klausa 24 Bahagian 21(a)(5) daripada pematuhan undang-undang Akta Kebajikan Haiwan Malaysia 2015 menyatakan “perlunya haiwan dilindungi dari sakit penderitaan, kecederaan dan penyakit”. Dalam hal ayam kampung, sistem jangkaan bebas memastikan ruang peribadi yang mencukupi oleh itu kadar penularan penyakit kadar penyakit kaki kadar kelemahan langkah dan kadar patah tulang menjadi rendah. Dengan kadar penularan penyakit yang lebih rendah ayam yang lebih sihat ini akan pula memerlukan ubat-ubatan ataupun antibiotik.

Di sini saya ingin bertanya kepada EXCO Penanti apa yang disebutkan amalan ladang penternakan yang baik, (c) kebajikan haiwan terpelihara. Adakah ia bercanggah dengan apa yang disyaratkan dalam pematuhan undang-undang Akta Kebajikan Haiwan Malaysia 2015? Di sini saya juga menyokong apa yang dikatakan diberitahu oleh EXCO Penanti di mana bawah 10,000 ke bawah bagi penternak ayam kampung tidak perlu membina pusat sistem dan juga untuk 20,000 untuk burung puyuh. Di samping itu saya juga ingin mencadangkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan MBSP mahupun MBPP harus memberi bantuan untuk melaksanakan Enakmen Perladangan Unggas 2020 kepada semua permohonan Kebenaran Merancang untuk ladang yang sedia ada harus dkecualikan dalam satu tempoh yang ditetapkan. Tetapi pembangunan pelan pembangunan harus dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan.

Walau bagaimanapun kepada semua permohonan baru harus mengikut segala proses permohonan. Dan sebelum akhiri ucapan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih atas usaha Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Enakmen Perladangan Unggas 2020 dengan syarat dan cadangan yang saya bangkitkan saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Jawi. Saya rasa itu sahaja saya ingin tamatkan sesi perbahasan dan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian. Maka Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi penggulungan untuk Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020.

Sila saya minta ahli Yang Berhormat Penanti untuk buat penggulungan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirrahim. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-Undang Perladangan Unggas. Saya cuba menjawab beberapa soalan sebaik yang mungkin. Persoalan yang pertama yang saya ingin bagi *assurance* ialah kita untuk Rang Undang-Undang ataupun Enakmen Unggas ni kita tidak akan tunggu lama-lama macam Enakmen Ternakan Babi yang diluluskan pada 2016 di Sidang DUN tetapi enakmen ternakan babi hanya diwartakan pada Januari 2020 dan Peraturan Ternakan Babi hanya diwartakan pada Mac 2020.

So, sebaliknya kami bercadang untuk wartakan tarikh kuatkuasa Enakmen Unggas pada Januari 2021 dan kita akan sediakan peraturan dan wartakan enakmen dan peraturan

sekali. Maknanya kita tak akan tunggu lama-lama sebab kita dah mempunyai peraturan unggas dan peraturan babi, *in terms of* hukuman dia jarak penampian tu lebih kurang sama lah. Tetapi saya sambut baik cadangan daripada Jawi supaya kita adakan *task force* supaya semua peraturan-peraturan yang telah dicadangkan boleh kita ada dialog dengan peraturan dengan semua Yang Berhormat. Kalau ikut peraturan ternakan babi zon penampian ialah 200 meter.

Soalan berkenaan dengan *loophole* tadi tu walaupun tidak dinyatakan di dalam Rang Undang-Undang tu tapi mengikut peraturan yang dicadangkan maknanya *since* lebih daripada 80% daripada ladang ayam sekarang ni mempunyai populasi yang sangat besar. Ada yang sesetengah ratus-ratus ribu jadi disebabkan itu dan difikirkan justifikasi untuk ayam kampung dan itik yang *free range* iaitu sepuluh ribu ke bawah, *I mean* bukan 10,000 ke atas diadakan ladang tertutup tapi kalau *less than 10,000* tu untuk itik dan ayam kampung sahaja. Maknanya kalau dia pedaging, penelur komersial masih kena ladang tertutup yang macam saya kata *free range* tapi dalam peraturan nanti mungkin kita boleh bincangkan bersama. Saya setuju adakan *task force* bersama juga dengan Presiden dan juga persatuan ternakan ayam dan juga dengan veterinar dan lain-lainlah dengan Jabatan Alam Sekitar dan juga PBT.

Berkenaan dengan insentif yang dibangkitkan oleh Machang Bubuk. Jabatan Veterinar telah mengangkat kertas permohonan ladang unggas untuk yang dinaiktaraf ke ladang tertutup diberi pengecualian cukai dari hasil dan juga untuk mendapatkan *interest trade* dari bank ataupun dari bank komersial dan juga Agro Bank bagi ladang-ladang yang nak *convert* kepada ladang tertutup ini, Jabatan Veterinar telah memberi surat-surat sokongan supaya kadar faedah *loan* tu dikurangkan supaya mereka dapat *soft loan*, tapi kita boleh bincangkan dalam *task force* yang *Insyallah* kita boleh buat supaya enakmen itu kita enakmen dan juga peraturan dapat diwartakan sekaligus dengan cepat. Macam saya kata tadi kita *target date* ialah Januari 2021.

Berkenaan dengan ubat-ubatan antibiotik terdapat akta makanan Akta 698 iaitu Akta Makanan Haiwan 2009 yang mengandungi senarai makanan dan juga ubat-ubatan yang dibolehkan dan juga yang terlarang. Jumlah ladang, ada soalan berkenaan jumlah ladang yang telah mohon pengecualian Kebenaran Merancang ada 25 ladang yang telah mohon. SPS, 14 ladang, di Seberang Perai Tengah (SPT), 9 dan di SPU, dua (2) ladang. Rasanya ada tak sapa-sapa soalan yang saya tak *reply*?

Oh!, lagi satu yang sangat penting yang saya lupa. Berkenaan dengan, okey tadi kalau mengikut intipati kriteria sistem penternakan moden tu yang pertama reban tertutup yang keseluruhannya tertutup sepenuhnya kecuali di bahagian udara keluar masuk. Kedua kumbahan sifar iaitu pelepasan *influence* atau air buangan yang tidak dibenarkan dari ladang unggas ke alur sungai dan bagi ladang unggas yang perlu pelepasan itu hendaklah mematuhi had pelepasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 ataupun Akta 127. Ketiga amalan peladangan yang baik adalah amalan untuk mencapai matlamat keselamatan makanan untuk pengguna industri yang mesra alam, kebajikan haiwan terpelihara dan memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kepada pekerja ladang dan haiwan.

Keempat zon penampian iaitu zon yang merupakan jarak garis lurus di antara lokasi tapak dengan rumah kediaman, sekolah, klinik, tempat beribadat dan tempat awam lain yang terdapat dalam jarak minima dari hujung ladang atau infrastruktur yang digunakan untuk ladang unggas sebagaimana yang ditetapkan.

Soalan Jawi dan beberapa berkenaan dengan *zoning*. Beberapa cadangan menzon semula kawasan penternakan pernah dirancang sebelum ini iaitu mewujudkan kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan. Di Negeri Pulau Pinang ianya tidak dipraktikkan sebelum ini untuk dilaksanakan kerana nilai hartanah terlalu tinggi serta saingan guna tanah dengan sektor lain seperti perumahan, pengindustrian dan perbandaran. Berkenaan kawasan penternakan boleh dilaksanakan dengan mewartakan kawasan penternakan sedia ada secara kekal untuk projek penternakan pengeluaran makanan bagi

menjamin pengeluaran makanan pada masa hadapan. Usaha berkenaan boleh ditambah baik dengan mewujudkan zon penampungan dengan persekitaran awam. Perwartaan kawasan penternakan ayam dan babi adalah bersesuaian kerana keupayaan peladangan komoditi ternakan ini diternak secara intensif serta keupayaan untuk menggunakan teknologi tinggi bagi meningkatkan pengeluaran. Pelaksanaan kawasan penternakan yang kekal iaitu cadangan untuk mengadakan zon kekal pengeluaran makanan adalah dengan sistem reban tertutup adalah kaedah terbaik bagi mengatasi masalah pencemaran serta mampu mengekalkan pengeluaran barang bahan makanan sebagai jaminan bekalan yang berterusan.

Suatu kaedah lain adalah pihak kerajaan menyewa tanah untuk tujuan penternakan komersial seperti projek penternakan ayam baka di Batu Kawan Agro Park yang berskala komersial iaitu enam puluh ekar yang memberi besar kepada pengekalan tahap sara diri atau SSL bekalan daging ayam di negeri ini. Untuk terus kekal di Negeri Pulau Pinang bidang usaha penternakan mestilah berdaya maju secara komersial dan boleh bersaing dengan bidang usaha lain, dapat merasionalkan guna tanah yang terhad dan teknologi tinggi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey, sebelum saya akhiri penggulungan saya, saya hanya nak, saya hanya nak gulung nak menyatakan yang semenjak COVID ni berlaku di mana ramai yang dulunya tidak mengusahakan pertanian, perladangan, perikanan tetapi disebabkan oleh beberapa mungkin syarikat yang telah tutup kedai ataupun kilang-kilang yang telah tutup ramai telah menceburi bidang ini. Jadi sebagai contohnya penternakan tadi kita kata RM1.1 bilion pertanian ialah RM2.1 bilion, dan perikanan ialah RM1.45 bilion di Pulau Pinang ini. Justeru, segala usaha untuk negeri yang walaupun kita negeri yang kecil sebagai contohnya kita punya *hill paddy* sebagai contohnya adalah paling tertinggi di Malaysia. Jadinya, saya harap dengan Yang Berhormat semua akan meluluskan Rang Undang-Undang ini dan kita akan buat peraturan-peraturan yang kita boleh bincang bersama dengan pihak industri dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat disini. Jadi dengan ini saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima Kasih Yang Berhormat Penanti, telah membuat penggulungan. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Ya, lebih banyak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat tajuk penuh fasal yang mengundang adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 1 dan 2.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 dan 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 3.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 3, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 4 hingga 16.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 4 hingga 16, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 17.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 17, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 18.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 18, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 19 hingga 26.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasa 19 hingga 26, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasa 27 hingga 40.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 27 hingga 40, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 41 hingga 43.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 41 hingga 43, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Fasal 44 hingga 55.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 44 hingga 55, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama satu Enakmen Untuk Mengadakan Peruntukan Bagi Perlesenan Dan Peraturan-Peraturan Bagi Perladangan Unggas dan Perkara yang Berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk penuh bagi fasa yang mengundang adalah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yang Berhormat Yang diPertua, Dewan Undangan Negeri saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima Kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-Ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak", Ya lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Enekmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa Perundangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telahpun dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Persilakan pencadang Rang Undang-Undang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama satu Enakmen Bagi Menubuhkan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Dan Bagi Mengadakan Peruntukan-Peruntukan Yang Berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang pertama.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, saya mohon sokongan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama satu Enakmen Bagi Menubuhkan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Dan Bagi Mengadakan Peruntukan-Peruntukan Yang Berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang Berhormat Yang diPertua Dewan, mengikut Peraturan 59, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 bacaan kali yang kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang Berhormat Yang diPertua Dewan saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Satu Enakmen Bagi Menubuhkan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Dan Bagi Mengadakan Peruntukan-Peruntukan Yang Berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang Berhormat Dato' Yang di-Petua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati, Salam Sejahtera. Saya dengan penuh takzim berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul cadangan pembaharuan Undang-Undang Enakmen Lembaga Musium Pulau Pinang 2020 seperti yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 9 September pada tahun 2020 dan diluluskan pada tarikh yang sama untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas di Dewan yang mulia ini.

Pembaharuan Undang-Undang Muzium Negeri Pulau Pinang ini bertujuan untuk memperbaharui dasar-dasar lama dan memperuntukan kuasa-kuasa baru untuk Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang supaya menyelia dan memantau operasi muzium negeri, swasta dan persendirian di Pulau Pinang.

Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang telah ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang tahun 1972. Perkhidmatan muzium adalah berteraskan dan berpandukan garis panduan yang ditetapkan oleh Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang tahun 1972. Pembaharuan enakmen digubal mengikut peredaran zaman serta berdasarkan perundangan ini bagi memperbaharui enakmen yang lapuk yang tidak pernah diperbaharui sejak tahun 1972.

Negeri Pulau Pinang ingin menjadi negeri yang pertama di Malaysia dalam alaf baru yang melakukan transformasi perundangan berkaitan muzium dengan mempertimbangkan dan memperkasakan perkara-perkara baharu yang lebih relevan dan dinamik mengikut peredaran masa. Ini juga merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam polisi dan *institution reform* dalam visi Penang2030. Dalam Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada tahun 2016 semasa saya selaku Ahli Dewan telah membangkitkan isu kebanyakan muzium swasta tidak mencapai tahap berdasarkan kepada definisi yang diberikan oleh pihak IKOM atau Jabatan Muzium Negara, dan pada masa itu, saya juga bercadang pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus memastikan kualiti muzium dan menetapkan garis panduan dan etika penubuhan muzium bagi memastikan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan umum tidak formal menyebarkan maklumat mengenai sejarah kebudayaan dan alam semula jadi dan aktiviti yang dikendalikan oleh muzium-muzium mesti merupakan salah satu usaha yang diharapkan dapat membantu negara membina dan memperkukuhkan jati diri masyarakat di samping menjadi daya tarikan pelancong. Sejak tahun 2018 setelah mengambil alih Pengerusi Lembaga Muzium saya telahpun memulakan kerja untuk menggubalkan pembaharuan Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Muzium Pulau Pinang 1972 ini.

Sebagai Pengerusi Lembaga Muzium, saya berasa terdapat keperluan untuk penyeliaan dan pemantauan operasi untuk muzium-muzium swasta dan persendirian di Pulau Pinang. Ini disebabkan perkataan muzium seringkali berkait rapat dengan satu institusi yang mewakili dan mencerminkan sejarah dan kebudayaan sesebuah negeri. Oleh itu pembaharuan undang-undang pada masa ini akan memperkenalkan antaranya satu dasar baru yang diperuntukan dalam Rang Undang-Undang ini di mana kuasa diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi kelulusan kepada mana-mana orang yang hendak membuka apa-apa muzium. Menjalankan aktiviti-aktiviti muzium secara persendirian untuk tujuan komersial atau menggunakan nama muzium dalam penjenamaan aktivitinya.

Oleh yang demikian, saya memohon sokongan daripada Dewan yang mulia ini terhadap Usul Cadangan Pembaharuan Undang-Undang Dan Enakmen Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 ini. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima Kasih, saya perlukan sokongan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):

Yang Berhormat, Yang di-Pertua Negeri saya mohon menyokong. Terima Kasih yang di-Pertua atas kesempatan ini untuk bahas sedikit, untuk pembaharuan Undang-undang bagi Enakmen Muzium Negeri Pulau Pinang 1972 yang telah dikemukakan oleh ADUN Paya Terubong. Muzium adalah penting untuk sesebuah negeri, mahupun untuk negara kerana muzium sering dikaitkan sebagai tempat untuk mempamerkan artifak dan bahan sejarah. Muzium juga memainkan peranan sebagai satu warna dalam memperlihatkan warisan khazanah sesebuah bangsa. Setiap kali kita pergi melancong muzium merupakan satu tempat destinasi popular untuk dikunjungi oleh pelancong selain tempat bersejarah atau tempat peranginan sesebuah negara. Muzium kini juga boleh memainkan peranan yang penting sebagai sumber ilmu dan rujukan kemajuan manusia terutamanya kepada golongan belia bagi menghayati sejarah dan kebudayaan sesebuah negara yang telah ditinggalkan dan yang penting sekali ia boleh membantu memupuk semangat cinta akan negeri dan negara kita serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Saya bersetuju dengan pembaharuan enakmen diubah mengikut peredaran zaman serta berdasarkan perundangan terkini bagi memperbaharui enakmen yang tidak pernah diperbaharui sejak tahun 1972. Sebagai contoh pada zaman 1970 sehingga 1990an, pembangunan teknologi adalah tidak begitu maju, oleh sebab itu undang-undang atau syarat-syarat yang dibuat bagi muzium hanya melibatkan apa-apa yang sedia ada pada masa ketika itu. Dan saya di sini ingin ucapkan sekian terima kasih kepada Paya Terubong. Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima Kasih Bagan Jermal. Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Tahun 2020, Ahli-ahli Yang Berhormat siapa yang ingin ambil bahagian? Ya, Bagan Dalam, sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan atas peluang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 ini. Seperti yang dinyatakan oleh rakan saya dari Bagan Jermal muzium adalah satu institusi penting dalam memelihara dan memulihara barangan atau koleksi artifak sejarah, warisan dan seni sesuatu negara, negeri ataupun sesuatu masyarakat itu sendiri. Walaupun muzium ada pelbagai cawangan saya ingin fokus kepada satu cawangan iaitu warisan sejarah kita dan Rang Undang-Undang ini telah saya nampak *cover all others aspect* tapi saya lebih berminat kepada aspek sejarah, yang perlu kita pelihara kerana saya percaya sejarah ini membentuk sesuatu ketamadunan manusia dan seperti yang kita bincang tempoh hari seperti yang juga dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, aspek-aspek sejarah Pulau Pinang itu perlulah kita ambil kira dan kita jangan terlalu taksud dengan sejarah kolonial yang sering dikaitkan dengan negeri kita ataupun negara kita dan saya berharap dengan adanya Rang Undang-Undang ini yang telah memberikan kuasa kepada pengarah melalui seksyen 3(4) kini Pengarah Muzium Pulau Pinang ini boleh membetulkan fakta-fakta sejarah mahupun dalam negeri yang berkaitan dengan Negeri Pulau Pinang, saya rasa ini adalah satu yang amat penting dalam di mana sejarah kita sering dimanipulasi atas berbagai sebab.

So saya percaya Rang Undang-Undang ini akan memberikan kesan yang baik kepada negeri kita dan Yang di-Pertua Dewan apabila kita bercakap tentang sejarah muzium dan saya cukup sedih dengan keadaan salah satu sejarah kita peninggalan sejarah kita yang berada di Cherok To' Kun, Bukit Mertajam di dalam perkarangan Gereja St Anne itu sendiri. Dan saya pun telah bertanyakan satu soalan bertulis tempoh hari dan saya diberitahu batu bersurat Cherok To' Kun ini yang dipercayai wujud sejak tahun kurun ke 5 Masihi sekarang

berada di bawah Jabatan Warisan Negara dan apabila kita lawat dan kita tengok kepada keadaan batu bersurat ini cukup menyedihkan di mana tulisan yang ditulis pada 5,000 tahun itu ada lagi tetapi di sekeliling tulisan itu ada macam macam tulisan yang baru. So kita pun tak tahu mana satu yang ditulis pada 5,000 tahun sebelum ini dan sekarang. So vandalisme itu terlalu banyak di atas batu bersurat itu dan kita nampak dalam 50 tahun ini tidak ada satu usaha untuk memelihara tempat ini daripada ataupun menjaga tempat ini daripada terus *continue to be vandalised*. So *there is no effort* dan saya berterima kasih kepada EXCO yang sedang mengambil tindakan-tindakan untuk mengurangkan tindakan vandalisma tersebut.

Dan juga satu lagi sejarah ini pun saya terima daripada jawapan bertulis juga ada satu tempat di Seberang Perai Utara pada tahun 1840, seorang rakyat British bernama James Low telah menemui satu batu bersurat Buddha Gupta dan juga sebuah kuil Buddha purba yang terbengkalai di Seberang Perai Utara dan bila saya tanya soalan ini saya mendapat jawapan daripada Jabatan Warisan Negara dinyatakan kita tidak tahu di mana lokasi tempat kuil Buddha purba itu. Ini adalah satu aspek sejarah terpenting di mana ini menunjukkan masyarakat di Seberang Perai sudahpun bertamadun 1,500 tahun dulu mungkin sebekum daripada itu sendiri tetapi batu bersurat itu sendiri kini berada di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Ini milik Pulau Pinang tetapi Kedah pula jaga untuk kita, bukan ini saja banyak lagi barangan bersejarah, artifak bersejarah milik Negeri Pulau Pinang tidak berada dengan kita.

So saya berharap selepas adanya Rang Undang-Undang dan undang-undang ini bolehlah kita memberi kuasa kepada Pengarah untuk membawa balik artifak-artifak ini dan letakkannya kembali di Negeri Pulau Pinang dan salah satu peninggalan artifak yang boleh saya rujuk di sini adalah 27 rangka manusia ia adalah bukti menunjukkan bahawa manusia telah mendirikan satu kediaman di kawasan Seberang Perai dan telah hidup bertamadun iaitu 5,000 tahun lagi Sebelum Masihi, 3,000 tahun Sebelum Masihi iaitu 5,000 tahun manusia telah bertamadun di Seberang Perai dan 27 rangka manusia ini kini berada Latern, Netherlands yang tiada ada apa-apa kaitan Negeri Pulau Pinang, mereka telah membawa peninggalan artifak kita dan simpan di sana dan bila kita pergi ke Latern atau Netherlands kita sering melihatnya sebagai seorang *tourist* manakala ia adalah milik kita sendiri.

Dan saya berharap apabila ada undang-undang sebegini yang memberikan kuasa kepada Lembaga Muzium, kuasa kepada Pengarah Muzium bolehlah ada usaha-usaha daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang membawa balik artifak-artifak ataupun peninggalan milik kita. Dan ke semua artifak yang telah dibawa keluar daripada Pulau Pinang perlulah di bawa balik ke Negeri Pulau Pinang, ini adalah harapan saya.

Dan Dato' Yang di-Pertua, inilah peranan yang perlu dimainkan oleh Lembaga Muzium selaras dengan kuasa yang diberikand dalam Rang Undang-Undang ini menurut Seksyen 3(4) yang memberikan kuasa kepada Pengarah untuk membuat kenyataan bagi menentukan kesahihan fakta berkaitan sejarah ini termasuk kadang kala kita terus menerus telah diberi kepercayaan bahawa Francis Light lah yang telah menjumpai Pulau Pinang ini seperti Columbus telah menjumpai Amerika Syarikat tetapi itu adalah satu fakta yang tidak betul. Sebelum Columbus menjumpai Amerika Syarikat sudah ada masyarakat tempatan yang telah duduk di sana yang telah dianiayai oleh pasukan kolonel itu sendiri ataupun *Ingridiers* yang telah datang kemudian so inilah saya percaya sejarah Pulau Pinang pun hampir sama di mana ada debat-debat sejarah yang menyatakan sebelum Francis Light datang ke Pulau Pinang sudah ada masyarakat tinggal di Pulau Pinang dan apa Francis Liught buat adalah memodenkan kehidupan di Negeri Pulau Pinang.

Sejarah-sejarah seperti ini haruslah kita kaji balik dan saya berharap Lembaga Muzium ataupun Muzium itu sendiri akan memainkan peranan dalam kaji balik sejarah ini semua.

Dato' Yang di-Pertua, saya tertarik satu lagi Seksyen di Rang Undang-Undang ini iaitu Seksyen 30 yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk mengawal atau *regulate* aktiviti muzium di Negeri Pulau Pinang. Ini akan mengawal pertumbuhan muzium seperti cendawan. Di Pulau Pinang kita lihat macam macam muzium ada dan saya berharap dengan

adanya Rang Undang-Undang ini ia akan dikawal sebab kita tak tahu mana satu muzium, mana satu yang muzium yang benar mana satu yang dibuat untuk dibuat keuntungan. So ini adalah penting untuk mengekalkan imej Pulau Pinang itu sendiri. Dan saya juga ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat EXCO tentang Seksyen 31B dalam Rang Undang-Undang ini, "Dinyatakan jika Persatuan, Kebajikan ataupun jika satu aktiviti muzium itu dijalankan oleh untuk tujuan kebajikan ataupun bukan bersifat keuntungan ia tidak tertakluk kepada Seksyen 30 itu sendiri". Adakah ini akan membuat ruang kepada banyak pihak yang menggunakan persatuan dan yayasan untuk mengambil ini sebagai salah satu *loophole* untuk mendapatkan lesen ataupun kebenaran untuk mengadakan muzium ini sesuka hati mereka ini perlu dijelaskan juga.

So saya berharap Kerajaan Negeri ataupun EXCO berkaitan akan mengambil serius perkara ini dan saya amat menyokong Rang Undang-Undang ini dan saya berharap Kerajaan Negeri akan terus pelihara sejarah kita dan sejarah Pulau Pinang itu sendiri haruslah kita raikan dengan itu saya menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Bagan Dalam, Yang Berhormat Pengkalan Kota, sila.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih saya ucapkan di atas peluang untuk mengambil bahagian pada sesi Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Paya Terubong.

Merujuk balik kepada asal usul penubuhan Muzium Pulau Pinang ia sebenarnya ditubuhkan pada tahun 1941 di St. Xavier Institution berikutan dengan permintaan warga Pulau Pinang pada ketika itu. Slepas mengalami pelbagai cabaran dan rintangan akhirnya ia dapat dibuka secara rasmi pada tahun 1965 dan ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini ke atas kenyataan perasmian yang tertera di Muzium Pulau Pinang seperti berikut, (dengan izin)...*"The Penang Museum & Art Gallery was official open by His Excellency Raja Tun Uda Al-Hajj bin Raja Muhamad and S&M Governors of Penang on the 14th April 1965 in this building which once house the Penang Free School 1821-1927 and The Hutching School 1938-1960 for the interest of residents and visitors in the history, culture and arts of the State of Penang and Educations of children"*.

Jadi semangat dan tujuan asal pembukaan Muzium Pulau Pinang ini sebenarnya telah dinyatakan secara jelas di dalam kenyataan yang disebutkan tadi demi kepentingan penduduk dan pengunjung dari segi sejarah, kebudayaan dan kesenian neegri Pulau Pinang dan untuk tujuan pendidikan anak-anak mereka. Pada saat Kerajaan Negeri mengorak langkah untuk meningkatkan lagi mutu prestasi serta peranan Lembaga Muzium menerusi enakmen ini, saya berharap agar lembaga yang ditubuhkan kelak nanti dapat memberikan fokus terhadap unsur-unsur atau elemen yang ditetapkan ini iaitu selain dari sejarah ,kebudayaan dan kesenian Negeri Pulau Pinang elemen pendidikan kepada anak-anak kita di Negeri Pulau Pinang ini seharusnya juga dipertingkatkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berbalik kepada generasi kita sekarang ia sebenarnya satu zaman yang amat mencabar terhadap operasi dan pengendalian muzium. Selain daripada kekangan operasi dan kewangan khususnya di era pandemik COVID-19, isu atau soal, (dengan izin)...*relevants* muzium kita adalah satu cabaran yang besar sepertiman yang saya bangkitkan tadi tentang asal usul penubuhan muzium Pulau Pinang pada zaman 40an ia terhasil daripada akibat warga Pulau Pinang pada ketika itu dan pada zaman kini operasi dan pengendalian Muzium Pulau Pinang ini juga seharusnya berpandukan kepada permintaan dan keperluan warga Pulau Pinang pada hari ini.

Jadi apakah Muzium Negeri yang diinginkan oleh warga Negeri Pulau Pinang pada hari ini? Apakah elemen dan unsur yang dapat membangkitkan minat warga Pulau Pinang

pada hari ini untuk kembali berkunjung ke muzium kita dan apakah Muzium Negeri Pulau Pinang hanya dijadikan sebagai sebuah tempat tarikan pelancong semata-matanya? Saya rasa persoalan-persoalan yang dibangkitkan ini perlu dijawab oleh Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang bakal ditubuhkan nanti.

Selaras dengan aspirasi Penang2030 dan inisiatif strategi C3 iaitu mengwujudkan lebih banyak platform bagi penglibatan orang awam dalam membuat keputusan seta C4 iaitu mempercepatkan penyampaian program dan pembaharuan institusi, adalah diharapkan usaha murni Kerajaan Negeri untuk memperkasakan peranan dan meningkatkan lagi prestasi Muzium Negeri Pulau Pinang ini dapat melibatkan penyertaan awam secara strategik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di Negeri Pulau Pinang kita sememangnya bertuah kerana kita dapat meneruskan kehidupan di bandar dan negeri yang penuh bersejarah dan warisan yang uniknya, berlainan dengan negara-negara yang lain di mana banyak di antara sejarah dan warisan hanya dapat di lihat melalui di muzium, warga Pulau Pinang bertuah kerana kita kini hidup di dalam sebuah muzium yang besar dan muzium besar ini turut dikawal selia secara rapi oleh Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Pakatan Harapan. Ini turut mendatangkan cabaran terhadap operasi muzium di Negeri Pulau Pinang khususnya dari segi konservasi warisan dan sejarah serta hala tuju supaya warisan dan sejarah ini dilindungi dan dilaksanakan konservasi untuk kepentingan masa hadapan negeri kita.

Di Negeri Pulau Pinang kita boleh lihat *George Town World Heritage Incorporated* ataupun GTWHI telah memainkan satu peranan yang amat baik demi menjaga tapak Warisan Unesco Dunia kita. Tapi peranan yang lebih besar seharusnya dimainkan oleh Lembaga Muzium Pulau Pinang ini yang bakal ditubuhkan nanti bukan sahaja untuk menjalankan operasi secara harian di sekitar bangunan muzium sahaja malah usaha-usaha juga perlu diambil untuk keseluruhan Negeri Pulau Pinang ini seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagas Dalam tadi.

Dan di sini juga ingin saya merujuk kepada satu artikel akhbar *The Star* yang bertajuk "*Tiny Window Into The Past*" yang bertarikh 3 Oktober tahun ini yang menerangkan sejarah dan bagaimana nasib Koay Jeti dan Ping An Jeti yang terpaksa dirobohkan untuk memberikan laluan kepada keperluan pembangunan oleh Kerajaan Negeri terdahulu dan kini detik sejarah ini hanya boleh dikaji melalui Dewan Memorial Koay Jetty di Gat Macallum

Jadi sehubungan dengan itu, ingin juga saya mencadangkan supaya Lembaga Muzium yang bakal ditubuhkan ini dapat melihat kepada bangunan-bangunan yang bersejarah di Negeri Pulau Pinang yang merupakan sebahagian besar daripada artifak pameran di dalam muzium besar kita ini. Meskipun fungsi baharu boleh dimasukkan di dalam bangunan-bangunan yang bersejarah ini, namun adalah diharapkan bahawa sejarah penting bagi bangunan-bangunan lama ini juga dapat dilindungi untuk tujuan dan kepentingan masa depan kita.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, akhir kata saya berharap keseluruhan usaha untuk meningkatkan lagi prestasi dan peranan Muzium Negeri Pulau Pinang dapat dikembalikan kepada asal usulnya, iaitu demi kepentingan penduduk dan pengunjung dari segi sejarah, kebudayaan dan kesenian Negeri Pulau Pinang dan untuk tujuan pendidikan anak-anak mereka. Untuk kepentingan Muzium Negeri Pulau Pinang dan Pulau Pinang kita yang merupakan sebuah muzium hidup yang penting didalam rantau ini, saya memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Terima kasih. Saya ingin silakan Penaga. Sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua untuk memberi ruang kepada saya juga berbahas ataupun mengambil kesempatan bagi perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen bagi menubuhkan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang diusulkan oleh Yang Berhormat Paya Terubung.

Penaga sangat bersetuju dan menyokong akan usaha kerajaan untuk mengembalikan Enakmen Lembaga Muzium Pulau Pinang 2020 setelah hampir 48 tahun dimansuhkan setelah Enakmen Muzium 1972. Apatah lagi hari ini kita melihat adanya muzium-muzium swasta atau persendirian yang berada di Negeri Pulau Pinang ini seperti Muzium Perang, Muzium Hantu, Muzium Hantu juga ada di Negeri Pulau Pinang. yang saya tak pasti sama ada Dato' Yang Di-Pertua telah pergi melihat hantu-hantu di sana. Ada hantu Melayu, ada hantu Cina, ada hantu Jepun, ada hantu Dracula juga ada...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Dekat mana?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Di...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri:

Muzium Hantu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Di ada muzium hantu. Yang ini menjadi satu tarikan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniady):

Dato' Yang Di-Pertua, boleh saya tau dimana lokasi tersebut. Di mana *Ghost Museum* ni.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Di Butterworth, di sebelah sini George Town. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menjaga dan memelihara warisan Negeri Pulau Pinang. Enakmen Lembaga Muzium Pulau Pinang harus juga mematuhi garis panduan atau warisan Kebangsaan dalam (Akta 645). Oleh itu, saya ingin mengutarakan kepada Enakmen Lembaga Muzium Pulau Pinang 2020 yang terdapat warisan sedia ada sama ada di DUN Penaga dan juga Pulau Pinang. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat. Kajian yang pertama, Prasejarah Tamadun Awal Manusia, Hasil kajian Dr Mokhtar Saidin Sarjana dari USM telah menemui peninggalan zaman Prasejarah Tamadun Awal Manusia Seberang Perai. Berusia kira-kira 5,000 tahun dahulu. Artifak ini telah ditemui 16km dari Muara Sungai Muda dan telah menggenal pasti penempatan awal di Guar Kepah yang kini di simpan di Muzium Kebangsaan Holland. Di antara artifak yang ditemui ialah penemuan 37 rangka manusia, tulang tulang rusa, peralatan memburu dan tembikar. Penemuan ini telah dibuat oleh Ahli Arkelogi 1861 Profesor Thomas Henry dan ektragasi telah dijalankan dari tahun 1860 hingga 1863. Pada tahun 1940, seorang saintis Holland telah mengenal pasti rangka tersebut berasal dari keturunan Pali, Malanesian yang dikatakan merupakan pemilik genetik moyang awal keturunan Melayu. Jurnal berkaitan boleh dirujuk di dalam terbitan *Heritage* keluaran 23 Ogos 2001 yang bertajuk *Lost Heritage*.

Kajian yang Kedua Masjid Terawal kita jugag mempunyai warisan sejarah seperti Masjid Batu Uban 1734 yang telah dibina oleh Haji Mohamad Salleh yang turut dikenali sebagai Nahkoda Nanintan. Juga terdapat Masjid Kapitan Keling 1801, Masjid Melayu Lebu Aceh 1808, Makam Syed Omar 1801 dan artifak sejarah dua (2) pucuk mariam lama buatan di Masjid Lahar Tabuk yang merupakan peninggalan ketika penghijrahan orang-orang Aceh ke Pasir Gebu semasa perang Aceh Belanda 1870an. Kajian yang ketiga Kota Lama. Salah satu bukti peradaban Melayu telah bertapak di Penaga sekian lama ialah dengan wujudnya kota lama yang telah dibina ketika Zaman Kerajaan Langkasuka. Bukti kewujudan kota ini

telah tercatat di dalam Kitab Melayu lama iaitu Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah hasil karya Muhammad Hassan bin Dato Muhamaad Kerani Arsyad yang berkhidmat sebagai kerani rahsia kepada Sultan Abdul Hamid Halim Syah dari tahun 1881-1943. Karya ini telah dihasilkan pada tahun 1927 turut mencatitkan beberapa peristiwa penting yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa yang ditulis menggunakan tulisan jawi.

Kajian yang keempat penulisan jawi. Penggunaan tulisan jawi di dalam karya ini telah menjadi dek penanda aras bahawa ia merupakan warisan Melayu yang sangat bernilai sejak ratusan tahun sebelum kedatangan Inggeris. Di antara penemuan arkeologi ialah Artifak Batu Nisan menggunakan tulisan jawi di Makam Syeikh Abdul Kadir Ibnu Qhasin Syah Alam yang terletak di Alor Setar bertarikh 910 Masihi. Kajian yang kelima warisan melayu yang masih belum digezek, sejarah asal Pulau Pinang ialah sebuah pulau yang berada di dalam Kerajaan Negeri Kedah sebelum kedatangan British tiada perjanjian dan penyerahan mutlak tetapi hanya perjanjian pajakan yang melibatkan Francis Light, wakil Kerajaan British dengan Kerajaan Negeri Kedah. Perjanjian ini ialah pajakan selama 100 tahun dari tahun 1791.

Maka dengan sebab itu, kita melihat disana ada nama-nama sebelumnya, sebelum ini yang diguna pakai sebagai contoh yang pertama nama asal Georgetown ialah Tanjong Penaga, Nama asal Butterworth ialah Bagan Tuan Kecil, Masjid Batu Uban sebagai Khazanah Warisan dibawah Akta Warisan Kebangsaan 645. Seni mempertahankan diri silat dan busana Melayu. Yang kelima pusat pembuatan bot dan sampan melayu di Teluk Air Tawar Seberang Perai Utara. Maka ini semua adalah sebahagian tamadun dan warisan yang perlu dilihat berdasarkan kajian-kajian yang dibuat dan ianya perlu dijaga, di lindungi dan dipelihara oleh kita semua. Sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan undangan Negeri

Terima kasih. Saya boleh dapat Yang Berhormat Seri Delima. Okey. Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Salam Harapan Salam Mutiara, terima kasih kepada Dato' Yang Di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk membaharui Undang-Undang bagi Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang. Sejarah memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk sesebuah negara dan juga bangsa. Sejarah juga merupakan pengajaran dan iktibar yang boleh diambil oleh masyarakat tentang insiden-insiden yang telah berlaku pada suatu ketika dahulu. Pulau Pinang tidak kurang hebat dengan sejarahnya yang tersendiri. Dari tempat yang amat strategik untuk para pedagang dunia berlabuh sehingga pertembungan seni budaya dan ada resam masyarakat berbilang bangsa yang dibawa bersama suatu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan pembaharuan yang optimis kita tidak dapat lari dari realiti sebenarnya terhadap penerimaan sektor muzium sejak kebelakangan ini yang seolah-olah tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Jadi walaupun pelbagai corak inovatif dan kajian dilaksanakan institusi-institusi seni di seluruh negara. Kita nampak banyak muzium-muzium seni terutamanya yang bersifat inovatif masih terikat dengan model paparan yang konservatif dengan mencerminkan warisan era kronolesium dan juga bentuk perkauman yang terlalu mendalam sehingga sukar untuk menerima pembaharuan. Jadi kebanyakan muzium di negara ini memaparkan konsep social budaya era penjajahan yang terlalu terjurus kepada kuasa politik, keperitan, penderitaan dan keterpisahan masyarakat ketika itu.

Mengambil iktibar dari apa telah berlaku, saya juga ingin mencadangkan kepada Jabatan Lembaga Muzium supaya dan memfokus kembali iaitu kembali kepada kekayaan sejarah pra kronoliseum. Jadi ia perlu diterjemahkan sebagai satu sumber infomatif kepada masyarakat hari ini dan juga melalui Jabatan Muzium Negeri saya amat berharap bahawa kerjasama antara jabatan mahupun agensi yang terlibat dalam sektor ini dilakukan. Sebagai contoh Universiti Sains Malaysia mempunyai pakar-pakar dalam bidang sejarah. Jadi salah satunya mereka yang menyimpan bahan-bahan sejarah atau digelar Kurator. Dengan menjalin kerjasama antara pelbagai pihak jadi maka saya amat percaya bahawa bahan-bahan sejarah

pra klononesium dapat disatukan dan diangkat semula sebagai sebuah sejarah teragung bagi Negeri Pulau Pinang.

Begitu juga di mana di Pulau Pinang ya, yang pentingnya, kita harus manyatu padukan sejarah-sejarah yang ada yang wujud di dalam negeri kita. Jadi bagi menghidupkan sejarah negeri ini, informasi yang diterjemahkan di muzium tidak boleh hanya bersifat abstrak dengan menggunakan tulisan semata-mata. Jadi masyarakat hari ini terutamanya golongan muda lebih memilih informasi yang berunsurkan video ataupun lukisan. Jadi lukisan-lukisan bersifat penceritaan sejarah perlu dihasilkan untuk menarik perhatian lebih ramai pengunjung. Informasi perlu diberikan sebagai sumber pendedahan dan juga pendidikan kepada semua. Jadi dengan itu saya juga harap, Lembaga Muzium Pulau Pinang akan dapat juga menyuntik elemen-elemen seni visual kontemperi dan juga inovatif yang dapat mencerminkan sebuah negeri yang ke arah abad ke21.

Saya juga ingin mencadangkan agar pihak Muzium Negeri Pulau Pinang bekerjasama dengan pelukis-pelukis anak tempatan yang sememangnya mempunyai kebolehan yang tersendiri dalam menghidupkan informasi sejarah sedia ada kepada bahan bacaan yang lebih menarik. Begitu juga dengan seni persembahan sebagai contohnya seni ghazal, lagu-lagu rakyat, teater bangsawan dan juga sejarah muzik kontemperi boleh juga dapat dimainkan peranan oleh pihak Muzium Negeri dengan kerjasama Penang House Music sebagai contoh.

Saya amat percaya sejarah tidak harus, melalui perkataan dan juga tulisan semata-mata. dan juga boleh dipersembahkan dengan cara yang lebih menarik dengan tujuan yang sama iaitu untuk memberikan pendedahan, maklumat, sejarah kepada masyarakat. Oleh yang demikian, saya juga amat berharap dengan kerjasama pihak House Penang Music, sejarah-sejarah di Pulau Pinang boleh dipersembahkan dengan lebih baik melalui pementasan yang unik. Jadi barangkali sebuah jawatan kuasa dapat ditubuhkan untuk memperkembangkan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesan dari pandemik COVID-19 ini juga membuka mata semua pihak tentang kawalan pergerakan yang perlu dijaga. Jadi sejak bemula pandemik ini fenomena penggunaan medium atas talian menjadi norma baharu dalam masyarakat hari ini. Banyak sektor-sektor industri pelancongan sedia ada mengekalkan sumber pendapatan mereka dengan inisiatif-inisiatif terbaharu iaitu dengan mendigitalkan sektor ini. Jadi walaupun pengalaman lawatan secara fizikal adalah jauh lebih memberi kesan terhadap penghayatan sejarah namun beberapa kekangan juga perlu diambil kira. Maka saya ingin mencadangkan kepada pihak Muzium Pulau Pinang untuk membuat beberapa kajian terperinci mengenai sektor industri muzium atas talian. Iaitu dengan contoh mempersembahkan satu konsep *virtual tour*. *Virtual Tour* ini sedang hangat diperbincangkan sejak beberapa bulan yang lepas. Ada juga yang telah merealisasikan idea ini dan ada juga masih lagi mahu mengenalkan tradisi lama, minta maaf mengekalkan.

Jadi beberapa muzium diluar negara telah meneliti dan menjadikan *virtual tour* ni sebagai contohnya British Museum di London yang membenarkan pengunjung untuk membuat lawatan atas talian dan juga mempelajari sejarah purba sebagai contoh *rosetto stone*. Selain itu, *National Of Museum Of Temporary Art...*(dengan izin) di Seoul Korea juga menggunakan kaedah yang sama dalam mempamerkan lawatan atas talian. Lawatan atas talian ini adalah kerjasama antara Jabatan Muzium berkenan dan juga bersama pihak Google Art dan Culture....(dengan izin).

Di sini saya juga ingin menekankan bahawa betapa pentingnya promosi dan publisiti yang perlu ditingkatkan dan sebagai permulaan dan mungkin boleh memperkenalkan juga apakah *content-content* ataupun *exhibition* dan *artifact* yang ada dalam muzium kita sebagai satu cara untuk mendidik dan untuk menyemarakkan semangat kita bangga menjadi bangsa Pulau Pinang. Jadi, tidak dinafikan zaman penjajahan merupakan elemen penting dalam perkembangan tamadun masyarakat di Pulau Pinang. Salah satu tarikan penting di Pulau Pinang untuk menceritakan era penjajahan adalah Muzium Perang, di Batu Maung. Saya juga berharap bahawa Muzium Pulau Pinang boleh bekerjasama dengan pihak Muzium Perang

dari segi promosi agar tempat-tempat pelancongan yang menceritakan tentang sejarah negeri Pulau Pinang tidak hanya tertumpukan di suatu tempat sahaja. Jadi barang kali Muzium Perang dapat diserapkan dalam Lembaga Muzium Pulau Pinang sebagai satu contoh lah. Jadi besar harapan saya bahawa pembaharuan undang-undang enakmen ini dapat menyuntikkan nafas dan juga nadi yang baru dan juga, oleh yang demikian, seperti mana rakan-rakan saya, yang Berhormat Bagan Dalam dan juga Pengkalan Kota telah menyatakan, tadi, banyak ya artifak-artifak sejarah Negeri Pulau Pinang sebenarnya di bawa keluar negeri, dikeluarkan dari negara kita.

Sama juga sepertimana difahamkan bahawa, sebagai contohnya *Penang House of Music*, ada juga beberapa *interested individual....*(dengan izin) dari Singapura yang ingin merampas artifak-artifak, sejarah muzik Pulau Pinang. Oleh itu, yang demikian, saya harap bahawa semua pihak dapat bekerjasama untuk merealisasikan hasrat niat kita dapat tinggal sebagai sejarah. Sejarah ini dapat menjadi pedoman dan juga iktibar kepada kita semua.

Jadi, Dato' Speaker, di sini...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Saya mohon mencelah sekejap. Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Saya ingin mencelah sekejap. Antara kritikan-kritikan muzium-muzium di luar negara adalah, bahawa muzium-muzium di negara-negara kita kurang *capability* untuk penyelenggaraan muzium. Oleh itu, *usually*, banyak masalah mereka selalu cakap bahawa artifak yang telah diperolehi oleh negara kita yang berada di sana patut disimpan di sana kerana mereka boleh simpan dengan lebih baik. itu saja, saya harap bahawa Lembaga ini akan menolong dan menukar fikiran supaya artifak-artifak yang kita yang berada di luar negara akan dipulangkan. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Sikit, sedikit. Saya cuma bagi ini, apa ni sedikit pandangan. Ini adalah Lembaga Muzium, bagaimana kita akan menguruskan Lembaga Muzium di Pulau Pinang, peranan, penubuhan dan sebagainya. Tapi saya rasa yang lebih penting ini bukan fungsi-fungsi ini? Apakah epistemologi muzium ini? Kenapa kita mewujudkan muzium, apakah tujuan muzium dan sebagainya? Salah satu peperangan, ini pandangan saya, di Nusantara, di Malaysia adalah kita tidak hasilkan banyak tentang pra-kolonial, sebelum-belum, banyak ini, perbincangan, pendidikan adalah tentang zaman kolonial. Itu penting juga, bukan tak ada. Bagaimana tentang masyarakat Melayu sebelum zaman kolonial. Apakah sebelum kedatangan Islam dan sebagainya? Jadi saya nampak bahawa mungkin ada di Pulau Pinang macam USM, ada Jabatan Arkeologi dan sebagainya. Tapi kita gunakan arkeologi dalam penilaian, kita gunakan pelbagai alat, satu arkeologi, satu bahasa, *linguistic* sepertimana Penaga ada sebut tadi, tulisan Jawi dan sebagainya.

Jadi kita merangkumi semua ini supaya untuk memahami apakah tamadun negara kita, tamadun negara bangsa kita. Tetapi kita lebih fokus kepada kolonial macam muzium yang kita ada, lebih kepada kolonial. So, jadi ini bukan kesalahan, mungkin satu *experience incident* dan sebagainya. So, macam zaman Srivijaya, sebelum, itu Srivijaya adalah tamadun orang Melayu walaupun agama dia lain, agama Hindu *Bhuddist*, tetapi itu orang Melayu, masyarakat Melayu. Dan sebelum Srivijaya, dan sebelum itu. Apakah tamadun, sebab kita tidak ada akar umbi tentang tamadun bukan sahaja Tanah Melayu, tapi di Nusantara.

Ini saya rasa satu kekurangan yang besar dalam epistemologi penyelidikan kita tentang bagaimana ini tamadun sebelum itu. Jadi, saya minta bahawa, ini bukan apa ni komen saya mungkin bukan tentang Lembaga Muzium, tapi kita tidak sebut juga mungkin masa depan sebab apa, apakah epistemologi kita. Baru-baru ni kita ada 5,700 tahun dahulu, kita ada satu masyarakat Neolitik di Penaga, Guar Kepah. Wanita pertama di Pulau Pinang. Itu zaman 5,700 tahun dulu. Cuma, saya minta bahawa muzium ini adalah satu yang lebih luas merangkumi bukan sejarah moden, sejarah lama, arkeologi lama, linguistik lama dan sebagainya, Kalau tak ada, saya rasa macam, ambil satu contoh Australia. Apabila Kapten

Cook pergi ke Australia, dia tak nampak siapa-siapa. So, dia gunakan konsep *list, list* ni bermakna tak ada manusia sana. So, dia bawa kapal. Kemudian dia pakai bot kecil, kemudian dia pergi, kemudian dia tanam bendera Britain. Apabila dia balik, kita nampak ada orang yang lambai tangan. Manusia ada sana. So, jadi apa yang saya minta Tuan Speaker ni, marilah kita lihat lebih luas, komprehensif bukan sahaja bagaimana kita akan menguruskan muzium, apa yang perlu disentuh, bagaimana kita akan memperkayakan sejarah kita, arkeologi kita, linguistik kita dan sebagainya. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, terima kasih Perai. Seri Delima bagi pendek... saya nampak fokus itu lari sedikit daripada apa yang Rang-Rang Undang-Undang yang kita bincangkan kerana penumbuhan Lembaga Muzium.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Kembali kepada Rang-Rang Undang-Undang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tapi kalau nak mengajar sejarah... *make it short*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Bukan-bukan. Saya nak... *since...* saya pun terlupa dalam perbahasan saya tentang *Penang woman* yang dijumpai di Guar Kepah, di kawasan Penaga. Saya pun ingin tanyakan kepada Yang Berhormat EXCO berkaitan, satu Galeri Arkeologi sedang dirancang untuk dibina di kawasan tersebut. Adakah Galeri tersebut termasuk akan dijadikan sebagai satu muzium di bawah Lembaga Muzium, itu perlu diterangkan kepada kita. Dan juga, tempat persemadian askar Rusia di Pulau Jerejak di mana berlakunya *Battle of Penang in the First World War, 1914*. Bila Vladimir Putin datang ke Malaysia pada tahun 2003, berulang kali dia sebut tentang *Battle of Penang*, tetapi ramai orang *Penang* kita tidak tahu *Battle of Penang*. So, apakah Lembaga Muzium perlulah turut, *look at these places and do something to promote this places as our historical places also*. Itu sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Seri Delima. Rumuskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Terima kasih. Nampaknya, Bahagian 3, Seksyen 12(2) iaitu mengenai pelantikan Kurator Muzium yang kelayakan khusus oleh Lembaga, memainkan peranan yang amat penting dan juga mampu mempertabatkan sejarah Pulau Pinang yang lebih inklusif. Jadi, Tuan Speaker, saya di sini, menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, saya nak minta Paya Terubong untuk membuat penggulungan atas sesi perbahasan tadi.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih yang di-Pertua Dewan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas mengenai Rang-Rang Undang-Undang ni. Berdasarkan hujah dan fakta yang telah dibentangkan tadi, jelas bahawa penyeliaan dan pemantauan operasi untuk muzium-muzium adalah amat diperlukan dan bagi hujahan perbahasan Yang Berhormat Pengkalan Kota, mungkin saya ingin membuat sedikit pembetulan, sebenarnya Lembaga Muzium telah ditubuhkan, telah diwujudkan sejak tahun 1972 dan Rang-Rang Undang-Undang ini, hari ini, adalah untuk supaya undang-undang digubalkan untuk selaras dengan perkembangan masa dan juga perkembangan teknologi. Sebab kita mesti memastikan bahawa undang-undang dan juga fungsi-fungsi muzium selaras dengan zaman sekarang. Jadi, sebenarnya Lembaga Muzium telah ditubuhkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Sedikit saja Yang Berhormat Paya Terubong. Tadi saya tidak sebut tentang penubuhan Lembaga cumanya pembukaan premis muzium tu pada tahun 1965. *There is before the*, sebelum penubuhan pada '74 tu. Bangunan tu saja.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Okey. Bagi perbahasan daripada Yang Berhormat Seri Delima dan juga Pengkalan Kota. Memang pihak Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang telah mengadakan pameran secara *virtual*. Lawatan pemandu, *guided tour* secara *online* serta beberapa paparan koleksi-koleksi seperti artifak dan lukisan. Pilihan pun telah dianjurkan secara *online*. Pihak muzium, Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis juga mengeluarkan koleksi-koleksi edisi khas daripada koleksi-koleksi artifak dan lukisan bagi memberi peluang kepada pengunjung melihat sejarah *online* dan menghayati koleksi Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang.

Bagi perbahasan daripada Bagan Dalam dan juga Penaga, pihak kerajaan memang setuju bahawa skop sejarah yang dipamerkan mesti merangkumi bukan hanya era kolonial dan juga mesti termasuk sejarah tamadun awal sebelum era kolonial dan mengenai isu-isu artifak bersejarah yang berada di luar negara, contohnya di Netherlands ini, kerajaan akan meneliti cadangan ini supaya ke semua artifak-artifak yang sejarah boleh dikembalikan ke Negeri Pulau Pinang dan saya memang setuju bahawa semua ini mesti dipelihara dengan baik di negeri kita sendiri. Dan mengenai batu surat yang berada di Cherok Tok Kun ini, untuk cari jalan kita boleh mendapatkan persetujuan daripada Jabatan Warisan Negara yang terletak di Kerajaan Persekutuan supaya pengawalan batu bersurat tersebut dapat diletak hak di bawah Muzium Negeri melalui enakmen ini.

Mengenai Seksyen 30, di sini saya juga ingin menjelaskan bahawa walaupun aktiviti muzium ini dikendali oleh tujuan kebajikan, tetapi sebarang kandungan atau sebarang aktiviti pemuziuman ini masih di bawah kuasa kawalan Pengarah Muzium. Pengarah Muzium masih mempunyai kuasa untuk mengawas segala aktiviti muzium yang akan diadakan di dalam negeri ini melalui Seksyen 30 di bawah Rang-Rang Undang-Undang kita.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, kepesatan pembangunan fizikal ekonomi serta teknologi memang telah merubah corak pemikiran dan wajah budaya masyarakat Malaysia. Untuk sesebuah masyarakat hidup aman dan harmoni, perpaduan antara kaum dan setiap komponen masyarakat adalah wajib. Muzium bukan sahaja mampu berperanan sebagai agen perubahan sosial malah turut berfungsi menggalakkan perpaduan masyarakat dengan menggunakan kekuatan artifak budaya dalam memastikan pemahaman dan penghargaan untuk pelbagai kumpulan etnik yang wujud dalam masyarakat negeri ini. Dari perspektif yang lebih luas, muzium boleh menggalakkan diplomasi budaya yang akan melahirkan persefahaman yang lebih baik antara rakyat dan juga negara.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Delima yang mempunyai pandangan yang sama dengan saya. Bahawa ledakan era digital dan *Revolution Industry 4.0* merupakan cabaran terkini kepada institusi muzium di negara kita. Muzium haruslah lebih ke hadapan dalam menggunakan aplikasi digital dan teknologi terkini dalam usaha menambah nilai perkhidmatan peragaan artifak dengan lebih baik. Oleh demikian, Rang Undang-Undang yang di bawa untuk pembaharuan pada hari ini akan memastikan Lembaga Muzium supaya memastikan fungsi muzium tidak akan ketinggalan dalam arus ledakan teknologi maklumat dunia ini.

Selain memainkan peranan sebagai institusi pendidikan, kita pun tidak dapat menafikan bahawa institusi muzium memang juga merupakan antara penyumbang kepada industri pelancongan melalui pelancongan warisan (dengan izin)...*heritage tourism*. Sebagai definasi pilihan untuk pelancong, muzium haruslah lebih kreatif mempelbagaikan produk dan strategi pemasaran khususnya dalam membentuk *monetizing cultural*, penjaanaan kolaborasi, strategik atau memanfaatkan pendapatan negara ke arah menyumbang ke suatu komuniti

yang lebih bagus. Gabungan kepakaran dan tadbir urus muzium yang baik pastinya akan membantu ke arah transformasi institusi pemuziuman pada masa yang akan datang.

Dato' Speaker, penyebaran dan penyemarakkan ilmu pengetahuan warisan sejarah budaya dan alam semula jadi memang memainkan peranan penting ke arah mengukuhkan institusi muzium. Usaha penyemarakkan program dan aktiviti pameran dan pendidikan muzium akan dipergiatkan melalui penubuhan muzium yang lebih kualiti, menaiktaraf galeri sedia ada, penganjuran pameran dan pendidikan muzium yang berimpak tinggi dan bertaraf antarabangsa.

Selaku peneraju pengurusan di negeri ini, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang akan bertanggungjawab menetapkan apa-apa dasar dan garis panduan sebagai rujukan dan penanda aras kepada muzium-muzium negara dan juga muzium swasta dalam melaksanakan aktiviti pemuziuman yang mematuhi standard khususnya dalam pematuhan kepada *international Houser of museum, icon court of active*.

Dengan ini Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan agar usul cadangan pembaharuan Undang-Undang Enakmen Dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 ini dipersetujui dan diangkat untuk diluluskan. Sekian. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Paya Terubong yang telahpun membuat penggulungan. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya"

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". "Ya", lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen bagi menubuhkan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-Undang ini sekarang akan dipertimbangkan dalam jawatankuasa.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1 dan 2.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 dan 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Fasal 3 hingga 10.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 3 hingga 10, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

.Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 11 hingga 14.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 11 hingga 14, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 15 hingga 23.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 15 hingga 23, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 24 hingga 29.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 24 hingga 29, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 30 dan 31.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 30 dan 31, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 32 hingga 41.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 32 hingga 41, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen bagi menubuhkan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang dan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, tajuk penuh dan fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020 telahpun dipertimbangkan se fasal demi sefasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. “Ya” lebih banyak setuju.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang 2020. Maka dengan ini adalah diperundangan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YAB. Ketua Menteri:

Dato’ Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Dato’ Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua atas kerjasama sepanjang perjalanan Persidangan Dewan ini juga minta maaf jika ada apa-apa kekurangan khususnya dalam keadaan penularan COVID-19.

Maka dengan itu Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.10 petang.